



**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 53 Selasa 15 Disember 2020

KANDUNGAN

USUL-USUL:

- Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 1)

JAWAPAN JAWAPAN MEN

- JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 2)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

- JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 7)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 7)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 7)

RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang Perbekalan 2021

Jawatankuasa:-

Jadual:-

- Kepala B.63 (Halaman 23)
Kepala B.64 (Halaman 76)

USUL-USUL:

- ## Usul Anggaran Pembangunan 2021

Jawatankuasa:-

- Kepala P.63 (Halaman 23)
Kepala P.64 (Halaman 76)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 75)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA
Selasa, 15 Disember 2020

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon)
mempengerusikan Mesyuarat]*

USUL-USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

10.04 pg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato'
Takiyuddin bin Hassan]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam
sejahtera. Tuan Yang di-Pertua;

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), saya mohon
mencadangkan bahawa Majlis Mesyuarat pada hari Rabu, 16 Disember
2020 dan Khamis 17 Disember 2020 bersidang dari pukul 10 pagi
sehingga 2 petang.”

**Menteri Wilayah Persekutuan [Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin
Haji Musa]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang
Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan.
Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

MERENTIKAN KUAT KUASA PERATURAN-PERATURAN MESYUARAT
DI BAWAH P.M. 90(2)

10.05 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Takiyuddin bin Hassan]: Tuan Yang di-Pertua;

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 90(2), dan dengan persetujuan Tuan Yang di-Pertua, saya mengemukakan usul untuk merentikan kuat kuasa beberapa Peraturan Mesyuarat iaitu:

- (i) merentikan kuat kuasa Peraturan Mesyuarat 16(6) bagi membolehkan Persidangan Kamar Khas pada hari Rabu, 16 Disember 2020 dan Khamis, 17 Disember 2020 diawalkan ke pukul 12 tengah hari sehingga 2 petang atau setelah selesai urusan dalam Aturan Urusan Mesyuarat Kamar Khas.
- (ii) merentikan kuat kuasa Peraturan Mesyuarat 24(5A), 24A(5) dan 24A(7) bagi membolehkan sesi Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri dipendekkan kepada 10 minit yang mana Ahli yang mengeluarkan pertanyaan akan dipanggil untuk membaca soalannya dan kemudiannya dijawab oleh Yang Berhormat Menteri dengan tiada pertanyaan tambahan pada hari Khamis, 17 Disember 2020.”

Menteri Wilayah Persekutuan [Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: minta Menteri Kewangan menyatakan langkah menangani keputusan mengejut Fitch Ratings menyemak turun penarafan kredit Malaysia. Sungguhpun Belanjawan 2021 ditumpukan untuk mempertahankan taraf kredit negara melalui konsolidasi fiskal, ia gagal mengatasi kemerosotan metrik kredit, khususnya ketidakstabilan politik, kegagalan mengamalkan tata kelola baik dan ketelusan, seperti menggantikan Lembaga Pengarah GLC profesional dengan lantikan politik. Nyatakan dasar untuk memulihkan taraf kredit negara.

Menteri Kewangan [YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bagan.

Seperti yang diketahui, agensi penarafan Fitch telah membuat semakan semula penarafan kredit Malaysia daripada A- kepada BBB+. Namun dengan peningkatan

tinjauan yang lebih baik daripada negatif kepada *stable*. Semakan semula penarafan ini didorong oleh kesan negatif daripada pandemik COVID-19 terhadap kedudukan kewangan negara dan situasi politik semasa.

Untuk makluman Yang Berhormat sekalian, kebanyakannya agensi penarafan kredit antarabangsa telah pun mengenakan lebih 220 tindakan penarafan negatif sejak awal Mac yang lalu. Ini termasuk tindakan penurunan penarafan kepada lebih 100 buah negara seperti UK, Hong Kong, Chile dan Laos.

Oleh itu, walaupun semakan semula penarafan Malaysia tidak menentang arus penarafan global, namun kerajaan telah menyuarakan pendirian rasmi bahawa keputusan tersebut tidak cukup untuk mempertimbangkan keberhasilan pelaksanaan pakej-pakej rangsangan yang telah mula menunjukkan tanda-tanda pemulihan ekonomi. Antaranya termasuk penguncutan KDNK yang lebih perlahan pada kadar sebanyak 2.7 peratus pada suku ke tiga tahun 2020 adalah antara yang terbaik di ASEAN berbanding sebanyak 17.1 peratus pada suku ke dua.

Pengekalan lebih sebanyak 2.8 juta pekerjaan melalui program seperti Subsidi Upah yang membawa kepada kadar pengangguran yang menurun dan stabil iaitu daripada sebanyak 5.3 peratus pada bulan Mei kepada sebanyak 4.7 peratus pada bulan Oktober. Menurut Johns Hopkins University, Malaysia telah mencapai nisbah kes COVID-19 berbanding kematian dalam lingkungan sebanyak 10 peratus terendah di peringkat global. Ini adalah hasil pelaksanaan langkah yang berkesan dalam membendung wabak tersebut melalui peruntukan kesihatan yang disediakan.

Tuan Yang di-Pertua, perlu ditekankan bahawa perubahan penarafan ini tidak akan membantunkan usaha Malaysia menuju ke arah pemulihan ekonomi pada tahun 2021. Inisiatif Belanjawan 2021 akan meneruskan momentum pemulihan dan dijangka menyumbang kepada sasaran pertumbuhan KDNK di antara sebanyak 6.5 peratus sehingga sebanyak 7.5 peratus pada tahun hadapan.

Ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang sering mengatakan unjuran ini terlalu optimistik. Namun, Fitch sendiri mengunjurkan pertumbuhan pada kadar sebanyak 6.7 peratus iaitu sejajar kepada unjuran Malaysia sendiri.

■1010

Institusi lain seperti IMF pula mengunjurkan pertumbuhan sehingga 7.8 peratus iaitu lebih tinggi daripada unjuran kerajaan. Ini secara amnya menunjukkan keyakinan terhadap kebolehan ekonomi Malaysia untuk melonjak kembali. Tambahan pula, sejak pengumuman tersebut *there has been no knee-jerk reaction* dengan izin daripada pasaran.

Dalam hal ini, FBM-KLCI dan mata wang ringgit kekal stabil dan kita merekodkan permintaan yang tinggi iaitu 2.6 kali melebihi nilai tawaran untuk bon kerajaan, MGII 10 tahun yang diterbitkan minggu lalu. Semalam saya telah mengumumkan bahawa lapan

pengurus dana modal teroka atau *venture capital* daripada Amerika Syarikat, Korea, China, India dan Singapura telah bersetuju untuk melabur dalam syarikat *startup* Malaysia dengan nilai pelaburan sehingga RM1.57 bilion.

Dalam kata mudahnya, keyakinan pelabur terhadap pasaran modal negara jangka panjang masih kukuh. Berhubung isu amalan *governance* terbaik, sebarang pemilihan Ahli Lembaga Pengarah termasuk ahli politik dibuat berdasarkan kesesuaian daripada segi kelayakan, pengalaman dan kepakaran. Ia juga mengambil kira polisi keterangkuman dan kepelbagaiannya di bawah *Malaysia Code of Corporate Governance 2017*.

Selain itu, berdasarkan status syarikat, lantikan politik perlu melalui pelbagai saringan seperti oleh Bursa Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti, Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan lain-lain. Saya ingin menegaskan bahawa kerajaan komited memastikan amalan *governance* terbaik sentiasa dipegang.

Tuan Yang di-Pertua, setelah ekonomi pulih semula, usaha memperkuatkannya akan diteruskan. Kerajaan komited untuk melaksanakan langkah konsolidasi dan kemapanan fiskal berpandukan kepada rangka kerja fiskal jangka sederhana (MTFF) serta penggubalan satu Akta Tanggungjawab Fiskal (FRA) yang bertujuan untuk menambah baik pengurusan dan pelaburan fiskal, seterusnya menambah baik aspek *transparency* dan *good governance*. Ini termasuk menurunkan tahap keberhutangan negara atau defisit fiskal yang ditanggung dan diwarisi oleh kerajaan sekarang. Sekian, terima kasih.

2. Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Hang Tuah Jaya] minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan berikut pendedahan Laporan Ketua Audit Negara baru-baru ini berkaitan penyalahgunaan dana kerajaan oleh MIMOS Berhad. Bolehkah diberikan pencerahan apa sebenarnya yang berlaku? Ke manakah sebenarnya perbelanjaan yang telah diperuntukkan di bawah RMK-10 dan RMK-11 telah dibelanjakan? Bagaimana kah MIMOS boleh melaporkan pencapaian 100 peratus untuk RMK-10 sedangkan mengikut laporan audit, MIMOS hanya membelanjakan sebanyak RM53.05 juta untuk membeli peralatan aset berkaitan R&D berbanding jumlah yang diberi iaitu sebanyak RM154.22 juta? Ke manakah baki lebih RM100 juta itu dibelanjakan?

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MIMOS melaksanakan sejumlah lapan program R&D di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 dengan peruntukan yang diluluskan berjumlah RM270.77 juta bagi membangunkan pelbagai platform teknologi bagi menghasilkan ciptaan bernilai tinggi dan merintis ilmu baharu selaras dengan objektif permohonan peruntukan. Senarai tersebut saya boleh kemukakan secara bertulis.

Bagi Rancangan Malaysia Ke-10, baki jumlah peruntukan untuk pembelian peralatan aset berkaitan R&D, perbezaan berjumlah RM101.15 juta iaitu peruntukan sebanyak RM154.20 juta berbanding perbelanjaan sebanyak RM53.05 juta adalah digunakan untuk membayar gaji kakitangan penyelidik lantikan secara kontrak.

Pelaksanaan program R&D meliputi bukan sahaja peralatan aset berkaitan R&D tetapi sebahagian besar adalah untuk perbelanjaan kakitangan penyelidikan dan kakitangan berkaitan lain dalam menghasilkan platform teknologi meliputi pembangunan, pembangunan penyelesaian, pengujian dan perkhidmatan perundingan dan profesional yang kebanyakannya merupakan penyelidik lantikan secara kontrak.

Disebabkan kekangan untuk perbelanjaan kakitangan di bawah anggaran belanja mengurus, kebergantungan kepada tenaga R&D mahir adalah amat penting memandangkan MIMOS melaksanakan R&D dalam bidang teknologi terkehadapan, *frontier technology* bagi memastikan matlamat program R&D dapat dicapai sepenuhnya. Terima kasih.

3. Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan apakah inisiatif atau skim yang disediakan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk membantu peniaga dan usahawan yang terjejas akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)? Adakah SSM menyediakan sebarang bantuan untuk membantu golongan orang kelainan upaya (OKU), wanita, belia dan pelajar yang baru memulakan perniagaan mereka ketika menghadapi pandemik COVID-19 dan pelaksanaan PKP ini?

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato Sri Alexander Nanta Linggi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berharap ada diberi panjang sedikit kerana saya adalah yang terakhir menjawab MQT pada sesi ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan daripada Yang Berhormat Rasah, bagi merangsang serta merancakkan pertumbuhan sektor perdagangan dalam negeri terutama dalam mengharungi saat sukar akibat cabaran dan impak pandemik COVID-19, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna melalui Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) terus giat menggerakkan sektor komuniti peniaga dan korporat yang terjejas dengan melaksanakan lapan inisiatif yang bersifat inklusif bagi mengurangkan beban, masalah dan tekanan yang dihadapi oleh sektor berkenaan.

Inisiatif pertama SSM ialah melaksanakan tempoh moratorium 30 hari daripada tarikh berakhir PKP untuk menyerahkan Dokumen Berkanun SSM di bawah Akta Syarikat 2016 dan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 yang perlu diserah simpan kepada SSM bermula 18 Mac 2020 hingga 30 September 2020 yang mana fi lewat serah simpan akan dikecualikan.

SSM juga memberikan pengecualian fi lewat serah simpan bagi Dokumen Berkanun di bawah Akta Syarikat 2016 berikutan arahan kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan di beberapa kawasan mulai 9 November 2020 hingga 31 Disember 2020.

Inisiatif ketiga oleh SSM turut melibatkan perlanjutan masa untuk serah simpan penyata kewangan kepada SSM bagi tahun kewangan berakhir 1 September 2019 hingga 31 Mac 2020. Syarikat perlu membuat permohonan kepada SSM dan pengecualian fi sebanyak RM100 diberikan bagi tujuan tersebut. Perlanjutan masa juga diberikan kepada syarikat untuk mengadakan *Annual General Meeting* (AGM). Syarikat perlu membuat permohonan kepada SSM dan pengecualian fi sebanyak RM100 diberikan bagi tujuan perlanjutan masa.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab masa ini singkat, inisiatif-inisiatif yang lain - sebab ada lapan inisiatif. Tadi saya telah sebutkan tiga inisiatif. Lima lagi inisiatif ini, saya akan beri secara bertulis. Akan tetapi saya mohon Tuan Yang di-Pertua bagi kedua soalan tadi, saya mohon diberi keizinan untuk menjawabnya.

Jadi, untuk golongan OKU. Golongan OKU disarankan untuk memanfaatkan Skim Satu OKU, Satu Perniagaan yang ditawarkan oleh SSM bagi mendaftarkan perniagaan baharu dan memperbaharui pendaftaran perniagaan secara percuma. Skim ini mula diperkenalkan pada 23 Oktober 2012.

SSM juga menggalakkan belia dan pelajar sepenuh masa di institusi pengajian tinggi awam dan swasta untuk mendaftarkan perniagaan secara percuma melalui Skim Satu Pelajar, Satu Perniagaan yang telah diperkenalkan pada 1 Januari 2017.

Terakhir Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri jawapan, suka saya menarik perhatian Yang Berhormat Rasah dan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa SSM akan merangka kaedah yang bersesuaian bagi membolehkan golongan usahawan belia dan ibu tunggal dalam kumpulan B40 untuk mendapatkan manfaat Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma.

■1020

Usaha SSM memperluaskan inisiatif pendaftaran perniagaan secara percuma kepada golongan belia dan ibu tunggal B40 ini bakal mencetus minat bermiaga dan menggalakkan lebih ramai penyertaan golongan ini untuk menceburi bidang perniagaan. Ia juga menjana pulangan pendapatan tambahan yang dapat menampung kehidupan sehari-hari mereka, seterusnya merancakkan lagi pertumbuhan sektor perniagaan di negara ini. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Tuan Yang di-Pertua, mohon penjelasan. Ringkas sahaja. Di bawah Peraturan Mesyuarat 27(3), Yang Berhormat

Pasir Gudang ingin penjelasan tentang pembentangan perbahasan laporan tahunan SUHAKAM yang usulnya saya telah kemukakan dan telah mendapat jawapan daripada Tuan Yang di-Pertua dengan surat bertarikh 7 Disember 2020.

Jadi, memandangkan mesyuarat Parlimen ini akan berakhir dua hari lagi, saya minta Tuan Yang di-Pertua dapat tentukan supaya laporan SUHAKAM yang tebal sebanyak 335 muka surat ini dapat kita bahaskan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Okey Yang Berhormat Pasir Gudang, untuk makluman, kita akan masukkan untuk esok dalam *order paper*. Baik, terima kasih.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang tamatlah sesi untuk Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri pada hari ini. Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat.

[Sesi Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri tamat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]** minta Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah langkah yang dibuat untuk meningkatkan keyakinan pelabur asing untuk datang melabur di Malaysia. Nyatakan jumlah pelaburan yang diterima dalam sektor pembuatan (*manufacturing*) pada tahun 2018 dan 2019.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Lim Ban Hong]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Rompin tentang keprihatinan beliau tentang usaha kerajaan menarik pelabur asing ke Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah meluluskan sebanyak 988 projek dalam sektor pembuatan yang menyumbang kepada pelaburan bernilai RM82.7 bilion pada tahun 2019 dan sebanyak 721 projek pada tahun 2018 yang bernilai RM87.4 bilion. Daripada jumlah keseluruhan pelaburan yang diluluskan dalam sektor pembuatan pada tahun 2019, pelaburan langsung asing menyumbang kepada RM53.9 bilion ataupun 65.2 peratus.

Manakala, bakinya sebanyak RM28.8 bilion atau 34.8 peratus merupakan pelaburan domestik. Manakala, bagi tahun 2018, sebanyak RM58 bilion atau 66.4 peratus merupakan pelaburan langsung asing dan RM29.4 bilion atau 33.6 peratus merupakan pelaburan domestik. Langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan keyakinan pelabur asing untuk melabur asing untuk melabur di

Malaysia adalah seperti berikut. Pertama adalah dengan memudahcarakan urusan para pelabur melalui pengenalan inisiatif dan fasilitet seperti berikut.

Pertamanya, penubuhan unit yang dinamakan sebagai *Project Acceleration and Coordination Unit* (PACU) dengan izin. Ini untuk mempercepatkan kelulusan permohonan dan pelaksanaan projek pelaburan di Malaysia.

Kedua, kita juga telah mengenalkan platform *e-Manufacturing License* (e-ML) untuk kelulusan lesen pengilangan secara *fast track* dengan izin bagi industri yang tidak sensitif dalam tempoh dua hari. Kita juga perkenalkan platform digital e-insentif bagi aktiviti pembuatan am dan syarikat berskala kecil untuk menambah baik proses permohonan mendapatkan insentif.

Selain itu kita juga menujuhkan pusat sehenti OAC untuk *business travelers* dan ini dikendalikan oleh MIDA untuk mempercepatkan kelulusan membenarkan kemasukan pelabur asing ataupun mereka yang berkaitan dengan perniagaan dan perdagangan ke Malaysia. Kedua, Tuan Yang di-Pertua, kita juga memperkenalkan pelbagai pakej-pakej insentif baharu untuk menggalakkan pelaburan asing masuk ke Malaysia termasuk Pakej Pengecualian Cukai Istimewa, Elaun Cukai Pelaburan dan memang ada banyak senarai dia.

Saya hanya nyatakan tiga di sini dan yang ketiga, *reinvestment allowance* untuk syarikat sedia ada. Ini merupakan langkah yang kedua. Langkah ketiga, untuk meningkatkan keyakinan para pelabur, kita sentiasa berusaha membina ekosistem dan rantai bekalan tempatan yang mampan berdaya tahan dan juga merangkumi industri hulu dan hilir yang diperlukan oleh pelabur asing untuk menghasilkan produk yang berkualiti. Kalau menurut Belanjawan 2021, peruntukan sebanyak RM1.4 bilion diperuntukkan melalui Skim Pembangunan Nasional untuk pembangunan bekalan rantaian domestik.

Langkah keempat Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan sumber tenaga kerja mahir berkualiti mencukupi dan menepati keperluan pasaran melalui kerjasama dengan pelbagai kementerian. Akhir sekali, kita juga menjalankan banyak aktiviti penggalakan pelaburan yang melibatkan dewan perniagaan yang melibatkan sama ada dewan perniagaan tempatan ataupun dewan perniagaan antarabangsa.

Kita juga menandatangani perjanjian persefahaman dengan dewan perniagaan antarabangsa, institusi kewangan untuk memaklumkan kepada mereka inisiatif dan juga usaha kerajaan dalam menarik pelabur-pelabur asing masuk ke Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Rompin, soalan tambahan.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Bagi menentukan bahawa keseimbangan pembangunan di antara Pantai Timur

dengan Pantai Barat, adakah kerajaan bercadang untuk menambahkan untuk insentif-insentif khas bagi pelabur-pelabur yang ingin melabur di kawasan-kawasan yang tidak maju seperti di Pantai Timur di Kuantan, Terengganu dan Kelantan? Apakah insentif tambahan yang perlu kerajaan laksanakan bagi menggalakkan pelabur-pelabur datang ke Pantai Timur?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Rompin. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri, satu minit.

Datuk Lim Ban Hong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Keseimbangan pembangunan di antara Pantai Timur, Pantai Barat dan seluruh Malaysia memang amat penting. Dalam usaha ini, kita boleh lihat dalam dua perspektif. Satu daripada segi insentif yang Yang Berhormat Rompin tanyakan.

Kita ada satu insentif yang dinamakan sebagai *Less Developed Areas Incentive* dengan izin, maksudnya untuk kawasan yang kurang membangun daripada segi sektor perindustrian dan perkilangan. Bagi syarikat-syarikat yang ingin melabur di kawasan yang kita klasifikasikan sebagai kurang membangun, mereka boleh mendapat insentif di bawah skim ini.

Kedua, saya juga ingin menarik perhatian Yang Berhormat Rompin ke atas usaha kerajaan yang dinyatakan dalam Belanjawan 2021 yang mana kita nampak sebanyak RM780 juta telah diperuntukkan untuk pembangunan lima buah wilayah ekonomi yang merangkumi di utara, di selatan termasuk Pantai Timur, Sabah dan Sarawak. Pembangunan Wilayah Ekonomi Khas ini dia sebenarnya bertujuan untuk membawa pembangunan yang lebih besar kepada kawasan-kawasan yang kita katakan, yang mungkin kurang maju daripada segi perkilangan dan perindustrian.

Selain itu, dalam belanjawan ini kita nampak ada satu peruntukan sebanyak RM15 bilion untuk projek infrastruktur pengangkutan yang mana kita tahu sekiranya kita hendak bangunkan kawasan-kawasan yang kurang maju daripada segi perindustrian dan perkilangan, sistem pengangkutan ataupun dengan izin, *connectivity* adalah sangat penting.

Jadi, RM15 bilion ini diperuntukkan untuk menambah baik *connectivity* di kawasan-kawasan tersebut agar pembangunan terutamanya daripada segi perindustrian dan perkilangan dapat dijalankan dengan baik. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Seterusnya, saya ingin menjemput Yang Berhormat Lumut.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Soalan saya untuk Yang Berhormat Menteri. Mana Yang Berhormat Menteri Kewangan tadi? Tadi ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ada Timbalannya.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]: Ada Timbalannya, okey.

Soalan kedua, terima kasih.

2. Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Lumut] minta Menteri Kewangan menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk memperluaskan jumlah penerima dan tempoh masa bagi Program Subsidi Upah sehingga pandemik COVID-19 ini selesai.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Abd Rahim bin Bakri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Lumut. Untuk makluman Yang Berhormat, menerusi pakej-pakej rangsangan yang telah dilaksanakan, Program Subsidi Upah sejak sembilan bulan yang lalu telah menyediakan peruntukan sejumlah RM15 bilion. Sehingga 31 Oktober 2020, kerajaan telah menyalurkan sejumlah RM12.5 bilion yang telah membantu seramai 2.7 juta orang pekerja dan lebih daripada seramai 330,000 majikan.

Memandangkan masih ramai pekerja yang terkesan dengan pandemik COVID-19 khususnya sektor pelancongan, kerajaan melalui Belanjawan 2021 telah melanjutkan pelaksanaan Program Subsidi Upah selama tiga bulan lagi dengan memberi pengkhususan kepada sektor pelancongan yang juga termasuk sektor peruncitan berdasarkan kriteria-kriteria yang berikut.

■1030

- (i) memberikan RM600 sebulan kepada mereka yang bergaji di bawah RM4,000; dan
- (ii) had pekerja yang layak menerima subsidi upah ditingkatkan daripada 200 orang kepada 500 orang pekerja bagi setiap majikan dan program ini akan menelan belanja tambahan sebanyak RM1.5 bilion yang akan memberi faedah kepada 70,000 majikan dan 900,000 orang pekerja.

Dengan berakhirnya PKPB di beberapa negeri dan pergerakan merentas negeri dibenarkan, aktiviti ekonomi dijangka akan beransur pulih dengan peningkatan permintaan. Oleh itu keperluan bantuan kepada majikan dan pekerja mungkin akan berkurangan. Namun kerajaan akan sentiasa mengawasi kedudukan ekonomi dan membuat perubahan kepada inisiatif atau bantuan, sekiranya perlu.

Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Walaupun jawapan tadi agak memberangsangkan tetapi tidak sampai sebulan yang lalu Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia ada mengumumkan bahawa 221 syarikat SME ‘gulung tikar’. Tutup, bankrap. Sebanyak 2,713 syarikat yang lain telah mengurangkan pekerja dengan membuang pekerja-

pekerja. Jadi, walaupun mereka ini adalah penerima daripada Program Subsidi Upah ini, nampaknya kesannya tidak ada.

Adakah kementerian mahu menambah masa lebih daripada tiga bulan dan juga jumlah peruntukan kepada mereka yang hendak dibantu ini? Lebih daripada RM600 serta meluaskan kepada industri lain seperti *construction* yang mengalami tekanan yang sangat kuat.

Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Abd Rahim bin Bakri: Terima kasih Yang Berhormat. Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum bahawa Program Subsidi Upah ini sedikit sebanyak telah memberikan impak yang positif dalam menangani masalah pengangguran dan juga akibat daripada pandemik COVID-19 . Hal ini kerana sedikit sebanyak program ini telah membantu majikan yang terkesan akibat COVID-19 untuk meneruskan operasi syarikat serta mengelakkan pekerja hilang pekerjaan.

Berkaitan dengan apa Yang Berhormat katakan tadi, sepetimana yang saya katakan tadi bahawa kerajaan sememangnya menilai dari semasa ke semasa tentang perkara ini. Apa yang kita lakukan pada ketika ini ialah untuk menyambung Program Subsidi Upah ini pada tahun 2021 untuk tiga bulan lagi dengan perbelanjaan RM1.5 bilion. Akan tetapi ini juga tertakluk kepada keadaan selanjutnya iaitu keadaan ekonomi bagi tahun 2021 untuk kita menimbangkan sekiranya perlu untuk perkara ini.

Terima kasih Yang Berhormat.

3. Tuan Jugah a/k Muyang @ Tambat [Lubok Antu] minta Menteri Pertanian dan Industri Makanan menyatakan apakah perancangan masa kini yang akan dilaksanakan bagi menangani masalah penternakan ikan air tawar di Empangan Batang Ai yang terjejas akibat daripada fenomena COVID-19 yang melanda keadaan sekarang?

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I [Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, kerajaan pada ketika ini menggalak dan mempromosi apa sahaja ternakan *aquaculture* bagi mengimbangi pengeluaran ternakan ikan marin dan selaras dengan Dasar Sekuriti Makanan Negara. Kerajaan juga prihatin untuk menangani masalah penternakan ikan air tawar di Empangan Batang Ai dan juga di seluruh negara.

Antara usaha kementerian bagi membantu pengusaha-pengusaha ikan air tawar;

- (i) program sistem penyampaian khidmat sokongan (SPeKS) iaitu bantuan *in-kind* (IKC) dengan izin seperti benih dan makanan ikan secara percuma iaitu sekali (*one-off*) bagi setiap penternak dengan nilai maksimum sebanyak RM20,000. Secara purata,

benih ikan yang diedarkan oleh kerajaan kepada penternak adalah sebanyak 5,000 ekor kepada setiap peserta. Ini bergantung pada bilangan benih yang sedia ada di pusat berkenaan bagi membantu penternak untuk mengembangkan hasil penternakan dan pengeluaran mereka;

- (ii) penternakan ikan air tawar di Batang Ai telah menerima bantuan IKC pada tahun ini yang melibatkan 75 penternak daripada keseluruhan 130 penternak yang berjumlah sebanyak RM1.5 juta;
- (iii) selain daripada itu, program taklimat kesedaran dan bimbingan persijilan myGAP akuakultur kepada pengusaha *hatchery* dan penternak akuakultur melalui penyediaan bantuan naik taraf fasiliti dan pemberian bekalan input, benih dan makanan ikan dengan nilai maksimum sebanyak RM200,000. Sebenarnya bagi mendapatkan sijil myGAP, setakat ini peserta-peserta dalam Batang Ai masih lagi belum mendapat sijil myGAP yang kita sangat perlukan;
- (iv) mempelbagaikan platform pemasaran dalam talian (*e-commerce*) bagi meningkatkan akses kepada lebih ramai pembeli; dan
- (v) selain daripada jualan ikan segar, kerajaan juga menyediakan kursus pemprosesan.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Ke-12 di bawah bahagian akuakultur telah diperuntukkan sebanyak RM60.75 juta dan untuk tahun 2021, sebanyak RM8 juta. Di bawah Dasar Jaminan Makanan, untuk program pergembangan akuakultur, peruntukan sebanyak RM10 juta dan bantuan pengusaha mikro sebanyak RM20,000 maksimum kepada setiap orang.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Jugah a/k Muyang @ Tambat [Lubok Antu]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan yang diberikan. Soalan tambahan saya, pada tahun 2017 berlaku serangan penyakit terhadap ikan air tawar dan telah menyebabkan banyak ikan air tawar yang mati di kawasan Batang Ai. Sekiranya kejadian itu berlaku lagi, apakah langkah segera dan bantuan yang boleh dihulurkan untuk membantu penternak-penternak di Batang Ai.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, memang pada tahun 2017 bukan sahaja kejadian ini berlaku di Batang Ai bahkan berlaku juga di Terengganu dan Kedah. Penyakit ini menyerang ikan tilapia dan juga ikan kap yang dipanggil penyakit virus *Tilapia lake virus* (TiLV).

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa kini TiLV ini merupakan satu ancaman kepada ternakan ikan tilapia dan ikan kap tetapi keadaannya pada ketika ini adalah masih terkawal lagi. Bahkan virus ini tidak membahayakan manusia. Maknanya walaupun ikan itu mati, kita terpaksa tanam dan yang masih hidup kita boleh makan lagi, tidak membahayakan manusia.

Kolam-kolam daripada tanah, kita terpaksa mengambil tindakan iaitu mengeringkan kolam ini selama dua tahun untuk memastikan supaya tidak ada kuman lagi. Akan tetapi untuk Batang Ai dalam empangan, kita restakan selama enam bulan dan sentiasa membuat pemantauan bagi memastikan tidak ada lagi penyakit-penyakit Tilapia ataupun penyakit-penyakit virus ini terus berlaku. Dalam membendung kejadian ini daripada merebak, langkah-langkah segera yang telah dijalankan oleh Jabatan Perikanan ialah kita sentiasa melakukan *surveillance* secara berterusan termasuk kita mengambil *sample* dua atau tiga kali setahun berdasarkan tahap serangan penyakit TiLV.

oleh sebab masa tidak mengizinkan, tetapi apabila Yang Berhormat menanyakan tentang apakah bantuan-bantuan yang bakal disalurkan. Sebenarnya kita akan memberikan bantuan benih, makanan ikan dan juga benih untuk spesies-spesies yang lain. Dalam masa yang sama, pengusaha juga boleh memohon benih dan makanan ikan secara percuma di bawah program Sistem Penyampaian Khidmat Sokongan (SPeKS) yang disediakan oleh DoF dan bantuan ini ditawarkan hanya sekali sahaja bagi setiap penternak dengan nilai maksimum sebanyak RM20,000.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1040

4. Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] minta Menteri Pengangkutan menyatakan tindakan kementerian untuk membantu pengendali bas sekolah dan bas berhenti-henti yang terjejas dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang berlanjut di Sabah, terutamanya di Sandakan.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Tuan Haji Hasbi bin Habibollah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sandakan. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak kerajaan mengumumkan Bantuan Prihatin Nasional sebanyak RM600 untuk pemandu bas sekolah yang layak, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah telah menerima dan menyelaras bantuan melibatkan 367 orang pemandu bas sekolah dengan jumlah bantuan sebanyak RM220,200.

LPKP Sabah juga telah membantu Kerajaan Negeri Sabah dalam membekalkan maklumat bas untuk mendapatkan bantuan RM300 yang melibatkan seramai 1,194 orang pemandu bas di negeri ini. Bantuan ini adalah inisiatif kerajaan negeri bagi

membantu pemandu-pemandu yang terjejas berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan oleh kerajaan bermula Mac 2020. Dalam hal ini, LPKP Sabah akan sentiasa bekerjasama dengan kerajaan negeri untuk membantu dan meringankan bebanan pemandu-pemandu yang terjejas.

Selain daripada itu, kerajaan menerusi Kementerian Kewangan telah membuka semula Geran Khas Prihatin pada 1 Oktober 2020 sehingga 31 Oktober 2020 yang memperuntukkan sebanyak RM600 juta kepada 200,000 para usahawan kecil. GKP 2.0 ini adalah bantuan RM3,000 secara *one off* dengan syarat permohonan seperti bukan penerima GKP sebelum ini, pemohon mestilah berstatus warganegara Malaysia. Jadi, ini adalah terbuka juga kepada pengusaha-pengusaha bas yang masih aktif menjalankan perniagaan semasa permohonan dibuat. Terima kasih.

Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya adalah seperti dalam kenyataan pada 3 Disember 2020, yang mana peruntukan Bantuan Prihatin Nasional kepada pemandu bas sekolah di Sabah sebanyak RM208,000 telah disalurkan kepada Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sabah pada 30 November 2020. Namun, para pemandu bas di Sandakan telah mengadu ke pejabat saya pada 12 Disember 2020 yang mana mereka masih belum terima bantuan ini. Boleh saya tanya, bilakah para pemandu bas sekolah akan menerima bantuan ini? Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Hasbi bin Habibollah: Terima kasih Yang Berhormat Sandakan. Kita memang maklum tentang perkara tersebut. Sebenarnya ada 69 aduan telah dibuat tentang pemandu bas yang belum menerima. Jadi, setakat ini seramai 41 orang sudah dibayar dan hanya tinggal seramai 28 orang lagi pemandu bas yang masih dalam proses. Terima kasih.

5. Dato' Haji Jalaluddin bin Haji Alias [Jelebu] minta Menteri Kewangan menyatakan sejauh manakah kemampuan syarikat penerbangan di Malaysia terutamanya Malaysia Airlines (MAS) mampu bertahan dalam krisis ekonomi kesan daripada pandemik COVID-19?

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Abd Rahim bin Bakri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Jelebu. Kesan COVID-19 terhadap industri penerbangan secara global adalah amat buruk dan Malaysia Airlines tidak terkecuali daripada menerima impak daripada penularan pandemik ini.

Malaysia Airlines Berhad kini beroperasi hanya dengan kira-kira 75 peratus daripada pesawatnya yang tidak dapat diterbangkan akibat sekatan perjalanan dan turut menyaksikan kapasiti dan pendapatannya adalah terjejas. Terdahulu, sebelum pandemik COVID-19 melanda, kedudukan kewangan Malaysia Airlines didapati telah

pun merosot. Di mana prestasi kewangan Malaysia Aviation Group Berhad di antara tahun 2015 hingga tahun 2018 adalah seperti berikut:

- (i) pada tahun 2015, kerugian RM1.1 bilion;
- (ii) pada tahun 2016, kerugian RM0.7 bilion;
- (iii) pada tahun 2017, kerugian RM1.2 bilion; dan,
- (iv) pada tahun 2018, RM1.3 bilion kerugian yang ditanggung oleh Malaysia Airlines.

Setakat 31 Ogos 2020, jumlah kecairan yang dimiliki oleh Kumpulan Malaysia Airlines Group Berhad adalah kira-kira RM366 juta, selain kira-kira RM578 juta yang tersedia untuk digunakan daripada dana yang diperuntukkan oleh Khazanah.

Bagi mengatasi masalah kewangan Malaysia Aviation Group Berhad dan MAB, kerajaan akan mengadakan rundingan lanjut dengan pihak Khazanah bagi mengenal pasti hala tuju syarikat khususnya bagi memperkuatkannya kedudukan kewangannya dan mengenal pasti penyelesaian strategik yang terbaik bagi kumpulan penerbangan tersebut. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Haji Jalaluddin bin Haji Alias [Jelebu]: Tuan Yang di-Pertua, saya meneliti jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Antara perkara yang berkaitan dengan MAS ini Tuan Yang di-Pertua ialah peruntukan yang kerajaan sediakan kepada Teras Pesawat Sdn. Bhd. bantuan geran untuk bayaran balik pinjaman bagi kos pembelian pesawat A380 Malaysia Airlines. Kerajaan *in total* Tuan Yang di-Pertua, untuk rekod Dewan, Khazanah telah membantu MAS ini sebanyak RM28 bilion. Sekarang ini Yang Berhormat Menteri sudah sebut bahawa sebanyak 25 peratus sahaja pesawat yang boleh diterbangkan ketika pandemik COVID-19.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, apakah perancangan jangka panjang kerajaan yang boleh dilakukan, terutamanya terhadap pinjaman pembelian pesawat ini? Adakah terdapat sebarang keperluan untuk jual semula pesawat yang telah dibeli bagi mengurangkan tanggungan MAS.

Kedua, apakah langkah kerajaan dalam penstrukturkan semula kewangan MAS pada masa akan datang agar ia sentiasa relevan dan boleh bertahan walaupun ketika ini hanya 25 peratus sahaja pesawat yang boleh diterbangkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Abd Rahim bin Bakri: Terima kasih Yang Berhormat Jelebu, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat, seperti mana Yang Berhormat sedia maklum bahawa kerajaan telah pun – khususnya Khazanah telah pun membelanjakan sebanyak RM28 bilion bagi menanggung Malaysia Airlines ini. Apabila pandemik COVID-19 ini telah berlaku, maka Malaysia Airlines hanya beroperasi sekitar 25 peratus sahaja daripada kapasitinya.

Oleh sebab itu, sudah tentulah kita berhadapan dengan permasalahan, khususnya untuk membayar *leasing* kepada penanggung-penanggung khususnya syarikat-syarikat *leasing*. Kerajaan telah pun mengambil langkah untuk menjalankan perbincangan bagi memastikan berlakunya *restructuring exercise* terhadap hutang usang, pajakan atau *leasing* yang telah dibuat oleh Malaysia Airlines. Nampaknya memang ada *progress* tertentu yang telah kita dapat lihat dan ini akan dimuktamadkan perundingannya pada 31 Disember 2020.

Setakat ini, untuk makluman Yang Berhormat, Malaysia Airlines masih lagi bersama-sama di dalam *alliance oneworld* iaitu merupakan rangkaian penerbangan global Malaysia Airlines untuk menjana pertumbuhan ekonomi jangka panjang. Walau bagaimanapun, dari segi bilateralnya Malaysia Airlines juga menjalinkan perhubungan dengan *airlines* yang lain khususnya Japan Airlines untuk memastikan bahawa Malaysia Airlines akan seterusnya relevan di dalam industri penerbangan global hari ini. Terima kasih Yang Berhormat.

6. Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta Menteri Alam Sekitar dan Air menyatakan tindakan dan perancangan Kementerian bagi memelihara kawasan tadahan air Ulu Muda termasuk mengelakkan berlakunya insiden pencemaran di Sungai Muda. Adakah lokasi yang menjadi sumber air amat penting kepada negeri-negeri Utara Semenanjung berkaitan akan dibuka untuk aktiviti pembalakan? Jika ya, kenapa.

Menteri Alam Sekitar dan Air [Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man]: Tuan Yang di-Pertua, pertama saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tanjong kerana mengemukakan soalan ini. Sebenarnya, soalan ini telah banyak kali dibangkitkan dan saya ingin tegaskan bahawa isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat berhubung dengan Kawasan Tadahan Air Ulu Muda.

Untuk makluman Dewan yang mulia, bahawa sumber air dan tanah merupakan dua bidang yang terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri selaras dengan Perlembagaan Persekutuan Jadual Kesembilan, senarai dua yakni senarai negeri. Lembangan Sungai Muda berada dalam negeri Kedah yang dikongsi di bahagian hilir sungai hingga ke laut bersama dengan Pulau Pinang.

Untuk makluman Dewan yang mulia, Lembangan Sungai Muda ini mempunyai keluasan berjumlah 4,151 kilometer persegi. Walau bagaimanapun, sebahagian besar Lembangan Sungai Muda terletak di negeri Kedah iaitu 98.68 peratus atau 4,096 kilometer. Manakala, di kawasan Pulau Pinang sebanyak 1.32 peratus yakni 55 kilometer persegi.

Bagi memelihara kawasan tadahan air Ulu Muda, kementerian telah melaksanakan pendekatan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu atau *Integrated River Basin Management (IRBM)* di Lembangan Sungai Muda pada tahun 2018. Pelan

IRBM ini merupakan asas kepada kerajaan negeri bagi membangun guna tanah di Lembangan Sungai Muda bagi mengelakkan berlakunya insiden pencemaran dan memastikan sumber air bersih dan mencukupi.

■1050

Kawasan Ulu Muda merupakan kawasan tадahan air yang penting bagi kedua-dua buah negeri di mana saya telah tegaskan dan Kerajaan Negeri Kedah di bawah Menteri Besar yang baharu ini telah pun menegaskan bahawa kawasan tадahan ini tidak sekali-kali akan diceroboh yakni tidak sekali-kali akan diberi kebenaran untuk pembalakan. Isu yang berlaku ialah sebahagian di antara kawasan ini telah pun diberi pembalakan sebelumnya sebanyak 25,000 hektar. Kerajaan negeri komited untuk menggantikan kawasan itu dengan kawasan baharu dan ini penegasan yang telah pun dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam Dewan Undangan Negeri. Pada 5 Mei 2020, kerajaan negeri telah pun mewartakan 25,000 hektar kawasan ini sebagai kawasan bebas pembalakan. Maksudnya tidak akan lagi berlaku sistem pembalakan dalam kawasan tersebut.

Untuk makluman Dewan yang mulia juga, Kerajaan Pusat telah pun memperuntukkan sebanyak RM70 juta bagi aktiviti *ecological fiscal transfer* bagi semua kerajaan negeri bagi menjamin kelestarian biodiversiti negara. Sehubungan dengan itu, atas pengorbanan besar Kerajaan Negeri Kedah, alangkah baiknya kalau sekiranya Kerajaan Negeri Pulau Pinang dapat mengadakan perbincangan bagi menyumbang dalam bentuk kewangan kepada Kerajaan Negeri Kedah atas pengorbanan dia memastikan kawasan tадahan air ini tidak dicerobohi dan dapat dipelihara dan memberi manfaat kepada kedua-dua buah negeri.

Bagi pihak Kerajaan Persekutuan, kami sedia pada bila-bila masa untuk mengadakan perundingan bersama dengan kedua-dua buah kerajaan negeri supaya kelestarian kawasan ini dapat dipelihara. Terima kasih.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri khususnya jaminan daripada negeri Kedah bahawa tidak akan sekali-kali memberi kelulusan untuk aktiviti pembalakan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri maklumkan di mana letak 25,000 hektar tanah atau hutan yang akan menggantikan kawasan yang diluluskan sebelum ini? Harap ia tidak terletak dalam kawasan tадahan Ulu Muda juga.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man: Terima kasih. Isu yang berlaku sekarang ialah kerajaan negeri memohon kepada Kerajaan Pusat bila mana syarikat pembalakan menuntut RM1.2 bilion ataupun purata RM40,000 setiap hektar kawasan yang telah diluluskan. Jadi persoalannya ialah bagaimana untuk mendapatkan gantian dalam bentuk kewangan dan ini sedang dirunding di peringkat kerajaan negeri dengan Kerajaan Pusat.

Walau bagaimanapun, saya suka juga menyebut bahawa Pulau Pinang perlu juga untuk sama-sama meneroka sumber air alternatif seperti air pulih guna daripada pembetungan yang disasarkan oleh pihak KASA ataupun kementerian sebanyak 1,500 juta liter sehari air pulih guna daripada loji kumbahan menjelang tahun 2030 untuk kegunaan industri.

Demikian juga kita mengharapkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dapat meneroka kawasan-kawasan sumber air bawah tanah dalam usaha mengurangkan pergantungan kepada sumber sedia ada. Suka saya maklumkan kepada Dewan yang mulia bahawa mengikut maklumat data daripada sumber Bahagian Pengurusan Hutan Ibu Pejabat JPSM, Pulau Pinang sebanyak 3,398.94 hektar dicadangkan diwartakan sebagai kawasan tадahan air. Untuk makluman sehingga setakat ini, Pulau Pinang masih belum mewartakan sedikit pun, masih lagi kosong.

Bagi pihak kementerian, kita merakamkan penghargaan kepada negeri-negeri yang telah mewartakan 100 peratus. Kedah 100 peratus kawasan daripada 110,000 telah diwartakan sebagai kawasan tадahan air. Manakala Johor 99.47 peratus, Melaka 100 peratus, Negeri Sembilan 100 peratus, Pahang 100 peratus, Perlis juga 100 peratus, Selangor dan Terengganu juga 100 peratus, manakala Perak 54.12 peratus dan Kelantan 99.20 peratus.

Berhubung dengan itu, kita harapkan bahawa Pulau Pinang dapat mewartakan 3,398.94 yang dicadangkan sebagai kawasan tадahan air diberi sebagai jaminan sumber air bagi negeri Pulau Pinang pada masa depan. Terima kasih.

7. Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap] minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah mekanisme yang dirangka oleh pihak kementerian bagi membantu serta memulihkan semula industri penerbangan tambang murah kerana sebelum ini turut membantu meningkatkan perkembangan ekonomi negara.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Tuan Haji Hasbi bin Habibollah]:
Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai mana Yang Berhormat sedia maklum, penularan wabak COVID-19 telah menjaskan industri penerbangan negara secara keseluruhannya meliputi syarikat penerbangan perkhidmatan penuh atau *full service carrier* dan servis syarikat penerbangan *low cost carrier*. Statistik menunjukkan trend penurunan permintaan penumpang domestik dan antarabangsa mulai 1 Mac iaitu jumlah permintaan penumpang berkurangan daripada 280,321 sehari pada bulan Januari tahun ini kepada 59,378 pada bulan September.

Berdasarkan semakan semula unjuran senario trafik penumpang Malaysia, Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) menjangkakan jumlah tempat duduk perkhidmatan penerbangan akan berkurangan lagi kepada 26 juta hingga 29 juta, bersamaan dengan -72 peratus pada tahun 2020 ini.

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Dalam hubungan itu, syarikat penerbangan dijangka memerlukan tempoh masa tiga tahun untuk pulih sepenuhnya daripada impak wabak ini tertakluk kepada situasi semasa penularan wabak tersebut di dalam dan luar negara. Sebagai persediaan kepada pembukaan sektor pengangkutan udara, kerajaan melalui Pakej Rangsangan Ekonomi iaitu pada Februari 2020 telah bersetuju antara lain supaya Malaysia Airports Holdings mengurangkan caj pendaratan dan parkir pesawat melalui mekanisme kontrak.

Di samping itu berdasarkan kepada saranan ICAO, WHO dan juga IATA semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan yang bermula pada 10 Jun hingga 31 Ogos tahun ini, lebih banyak kelonggaran telah diberikan oleh pihak kerajaan termasuk kebenaran untuk melakukan perjalanan rentas negeri dan pengecualian penjarakan fizikal dalam pesawat bagi semua perkhidmatan penerbangan berjadual dan tidak berjadual. Kelonggaran telah meningkatkan permintaan terhadap perkhidmatan penerbangan udara bagi sektor domestik.

Selain itu, MOT, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya dan syarikat penerbangan terus bekerjasama bagi meningkatkan kesedaran dan keyakinan orang ramai untuk menggunakan perkhidmatan penerbangan.

Bagi maksud menggerakkan sektor pelancongan antarabangsa, Kementerian Pengangkutan mengalu-alukan usaha kerajaan dalam melaksanakan konsep *travel bubble* beberapa buah negara seperti Singapura, Brunei, Thailand, Vietnam, New Zealand, Australia, Korea Selatan dan Jepun. Melalui konsep tersebut, penerbangan dan penumpang dari mana-mana negara yang berada dalam kategori hijau akan dibenarkan memasuki Malaysia tertakluk kepada SOP tertentu.

Dalam hubungan ini, cadangan *travel bubble* tersebut adalah tertakluk kepada rundingan yang sedang diadakan di antara Kementerian Kesihatan dan Kementerian Luar Negeri dengan negara-negara tersebut. Terima kasih.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Malaysia Airlines, AirAsia, Firefly, Malindo adalah antara syarikat-syarikat penerbangan dalam negara kita yang menghadapi kesan daripada COVID-19.

Jadi soalan saya yang pertama ialah apakah kementerian sudah mempunyai libat urus dengan agensi-agensi atau kementerian lain bagi menangani isu pemberhentian pekerja daripada syarikat-syarikat penerbangan dalam negara? Sekarang ini mereka tidak ada kerja.

Keduanya, apakah tindakan jangka pendek secara komprehensif yang direncanakan oleh kementerian bagi merancakkan kembali industri penerbangan selepas dari tahun 2020 ini? Maksudnya dalam tahun 2021. Terima kasih.

Tuan Haji Hasbi bin Habibollah: Terima kasih Yang Berhormat. Sebagai mana yang saya katakan tadi, untuk pemulihan sepenuhnya mengambil masa selama tiga tahun iaitu ia agak pada tahun 2023 untuk pulih keseluruhannya, *insya-Allah*.

Jadi antara syor-syor yang dikemukakan kepada *Economic Advisory Council* adalah seperti berikut, berkaitan dengan sektor penerbangan ini iaitu; pertama ialah pengecualian had bilangan – kita telah pun mengutarakan iaitu pengecualian had bilangan pekerja bagi sektor penerbangan yang layak menerima bantuan kewangan di bawah Program Subsidi Upah (PSU) yang bakal memanfaatkan kira-kira 35,473 orang pekerja. Pada masa ini, PSU hanya terhad kepada maksimum 200 orang pekerja bagi setiap syarikat.

■1100

Keduanya, bantuan bagi meringankan aliran tunai syarikat-syarikat penerbangan seperti penangguhan bayaran berkaitan fi dan caj penerbangan, dengan izin, *landing parking fee* melalui mekanisme kontra.

Ketiga, insentif kewangan bagi tujuan promosi dan pemasaran tiket penerbangan dan pemberian rebat utiliti kepada syarikat penerbangan dan operator lapangan terbang.

Keempat ialah peruntukan geran sepadan untuk promosi dan insentif penerbangan bagi menggalakkan syarikat penerbangan semula ke Malaysia iaitu pembahagian peruntukan secara 50-50 di antara kerajaan dan Malaysia Airport Holdings Berhad sehingga tahun 2022.

Kelima, pengurangan sumbangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) oleh majikan daripada 13 peratus ke 10 peratus bagi semua sektor penerbangan.

Ini adalah antara syor yang dikemukakan oleh MOT kepada *Economic Advisory Council*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat semua. Sekarang tamatlah sesi untuk waktu Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan pada hari ini. Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat semua.

[Sesi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2021****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2021****Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2021 dan Anggaran Pembangunan 2021 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." **[Hari Kesepuluh]**

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Tuan Pengerusi, semalam saya ada bangkitkan mohon penjelasan daripada Tuan Pengerusi tentang peraturan yang terkait dengan COVID-19. Apakah keputusan ini arahan dari Ketua Pengarah Kesihatan? Apakah buktinya?

Keduanya, apakah dengan arahan ini, semua peraturan yang kita kenakan, umpamanya sekatan 80 orang, penangguhan sidang yang dulunya tidak boleh lepas jam 2 itu, rosak semua sudah? Kemudian ada yang pakai PPE duduk di atas dan tidak ditetapkan oleh Tuan Pengerusi bahawa kerusi itu termasuk dalam kerusi orang yang boleh mengundi dalam proses pemilihan.

Jadi, saya minta penjelasan itu dari semalam dan mohon Tuan Pengerusi mengambil kesempatan ini menjelaskan supaya jelas kepada Ahli-ahli Yang Berhormat tentang kedudukan mutakhir soal peraturan ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Port Dickson. Semalam Yang Berhormat Port Dickson ada bangun untuk meminta penerangan tetapi malangnya di dalam kekecohan yang berlaku itu, saya terlepas memberi penerangan. Di atas kekhilafan tersebut, saya pohon maaf.

Untuk makluman Yang Berhormat, Yang Berhormat Tenggara, Yang Berhormat Tapah dan Yang Berhormat Batu yang dikenakan perintah pengawasan dan pemerhatian di rumah, *house surveillance order*, telah menulis surat permohonan kepada Tan Sri Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia untuk hadir di Dewan Rakyat. Sehubungan dengan itu, Tan Sri Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia melalui surat kepada ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat tersebut bertarikh 14 Disember 2020 telah meluluskan permohonan Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut untuk pelepasan masa (*time-off*) menghadiri pengundian di Dewan Rakyat pada 14 hingga 17 Disember 2020

dengan syarat-syarat yang ditetapkan. Kebenaran ini diberi secara bertulis. Saya ada salinan. Kalau hendak lihat, boleh saya beri nanti.

Yang Berhormat Bagan juga menanyakan tentang isu tempat duduk sepetimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang tadi. Dengan itu, saya menetapkan tempat duduk mereka ialah di Galeri Awam menurut peruntukan di bawah Peraturan Mesyuarat 2(2). Maka, mereka bolehlah mengundi dari tempat tersebut.

Yang Berhormat Lembah Pantai menanyakan saya tentang soal pengenalan diri. Mengenai perkara ini, kehadiran Ahli-ahli Yang Berhormat ini ke Parlimen akan dicatat oleh Bentara dan Bentara yang sama akan mengiringi mereka ke Galeri Awam Dewan Rakyat semasa pengiraan undi akan dijalankan. Pengenalan diri akan disemak oleh Bentara yang berkenaan semasa kehadiran dicatatkan dan juga semasa Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut bergerak menuju ke Dewan untuk mengundi.

Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat juga, saya difahamkan bahawa pengecualian ini bukanlah sesuatu yang baharu sebenarnya. Sebaliknya, sebelum ini pengecualian-pengecualian yang sama juga telah turut diberikan kepada *patient under surveillance* (PUS) untuk menghadiri upacara pengebumian dan melawat pesakit di hospital bagi kes-kes kecemasan juga.

Dalam pada itu, saya membenarkan pemakaian *personal protective equipment* (PPE) oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut dalam Dewan Rakyat selaras dengan Peraturan Mesyuarat 41(f) dan juga dengan mengambil kira situasi kesihatan dan keselamatan semua.

Namun demikian, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang mengenai 80 orang dan *standing order* yang telah disuspend itu, ia akan berterusan. Dan sepetimana yang dibuat pada seharian sebelum ini, sekiranya masa tidak mencukupi, maka usul Menteri akan dibuat untuk memanjangkan tempoh mesyuarat bagi membolehkan perbahasan dan undian dijalankan dengan teratur.

Jadi, itu sahaja, Yang Berhormat. Diharapkan penjelasan ini mencukupi untuk perkara ini, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Semalam saya bersama dengan Yang Berhormat Ketua Pembangkang telah berbincang dengan Tuan Pengerusi mengenai perkara ini. Saya hanya hendak dapat sedikit penjelasan iaitu bahawa ini hanya untuk pengundian sahaja?

Tuan Pengerusi: Pengundian.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Itu bermakna mereka tidak boleh mengambil bahagian? So, yang itu ialah hanya untuk undian sahaja?

Tuan Pengerusi: Untuk pengundian.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: So, dia akan ditempatkan di galeri di sana semasa pengundian dibuat?

Tuan Pengerusi: Ya, ya.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: So, macam mana mereka tahu? Kerana bukan setiap masa pengundian akan dibuat. So, mereka akan *standby* di dalam satu bilik...

Tuan Pengerusi: Di dalam bilik.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: ...Yang telah pun dikendirikan atau dikuarantinkan?

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Okey, baik, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Mereka akan *standby* di situ. Ada sedikit pemakluman tambahan. Dengan mengambil kira tempoh 10 hari bagi HSO yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan itu, saya telah dimaklumkan bahawa Yang Berhormat Tenggara telah menamatkan tempoh HSO pada semalam, Isnin, 14 Disember dan beliau boleh kembali ke Dewan mulai hari ini, hari Selasa, 15 Disember 2020.

Seterusnya bagi Yang Berhormat Batu, hari terakhir menjalani HSO adalah pada hari ini, Selasa, 15 Disember 2020. Ini bermakna Yang Berhormat Batu boleh kembali ke Dewan mulai pada hari esok, Rabu, 16 Disember 2020.

Akhirnya bagi Yang Berhormat Tapah pula, hari terakhir Yang Berhormat Tapah menjalani HSO adalah sehingga Khamis, 17 Disember 2020. Itu adalah maklumat tambahan yang saya dapat pada pagi ini.

Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat semua. Sekarang, kalau boleh kita teruskan?

Kepala B.63 [Jadual] –

Kepala P.63 [Anggaran Pembangunan 2021] –

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.63 dan Kepala Pembangunan P.63 di bawah Kementerian Pendidikan terbuka untuk dibahas.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Selamat pagi Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Apa khabar Tuan Pengerusi? *[Ketawa]* Peraturan 43, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Keputusan Tuan Pengerusi adalah muktamad. Ketika kita membahaskan pembentangan belanjawan di

peringkat dasar, Yang Berhormat Bagan telah pun membangkitkan persoalan kepada Menteri, bertanyakan kepada senarai butiran perbelanjaan untuk sekolah-sekolah agama, sekolah mualigh, sekolah Tamil dan sekolah Cina. Ketika itu, mesyuarat dipengerusikan oleh Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Mohd Rashid Hasnon.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Dan beliau telah mengarahkan Menteri yang hadir di Dewan pada hari itu untuk memberikan senarai formula kerana ketika itu Menteri telah melambai-lambaikan satu kertas, walaupun butiran-butiran tidak ada dalam pembentangan bajet mengatakan bahawa semua formula itu ada di dalam kertas. Menteri telah menganggukkan kepala menunjukkan isyarat bahawa formula itu akan dibekalkan kepada semua.

Tuan Pengerusi: Okey.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ini kerana pada hari ini kita membahaskan di peringkat Jawatankuasa. Kalau butiran-butiran itu tidak berada dalam meja kita, dalam makluman kita, bagaimanakah kita ingin membahaskan perkara tersebut?

Tuan Pengerusi: Faham.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Itu saya ingin tanya kepada Tuan Pengerusi, kalau boleh kami mendapatkan senarai tersebut untuk kita bahaskan dengan lebih terperinci lagi tentang pembentangan belanjawan bagi sesi ini untuk Kementerian Pendidikan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

■1110

Tuan Pengerusi: Saya khabar baik, Yang Berhormat. So, saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat Menteri boleh memberikan sedikit penjelasan mengenai perkara itu? Silakan.

Menteri Kanan Pendidikan [Dr. Radzi bin Jidin]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya selepas mendapat pertanyaan dari Ahli Yang Berhormat, kami semak dan juga Yang Berhormat Bagan, kami semak, dimaklumkan bahawa telah diuploadkan di website Parlimen. Kami bagi pada pukul 1.00 tengah hari. Sekejap ya. Pukul 1.00 tengah hari sudah diserahkan.

Sejurus selepas saya gulung, saya sudah serahkan kepada urus setia. Kami telah serahkan kepada pihak Parlimen dan telah dimaklumkan bahawa pukul 6.00 petang, diuploadkan ke dalam website Parlimen. Itu makluman yang saya dapat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya telah bentangkan kepada media pun. Saya sudah tunjuk kepada everyone dalam media, kita sudah bagi kepada pihak media. Jadi, tidak ada sebarang—Minta semak balik di website Parlimen kerana itulah makluman yang diberikan kepada saya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Tidak apa Yang Berhormat Jelutong, saya akan semak. Setiausaha Dewan Rakyat tolong semak dan kalau boleh kita *print* dan diedarkan *copy* sekarang juga.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Sebenarnya Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Dato' Mohd Rashid Hasnon, Timbalan Yang di-Pertua telah mengarahkan senarai formula itu diberikan *hardcopy* kepada kami.

Tuan Pengerusi: Ya. Saya...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: ...Untuk kami melihat dan meneliti tersebut.

Tuan Pengerusi: Setiausaha, kalau boleh kita semak *website* itu dan kita *print* serta edarkan sekarang juga. Terima kasih Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Saya ingin memulakan perbahasan Kementerian Pendidikan ini, saya ingin menjemput Yang Berhormat Simpang Renggam. Silakan.

11.11 pg.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Tuan Pengerusi, COVID-19 telah menghanyutkan kita ke dalam satu situasi yang maha getir. Dampak pandemik yang lama dan bertingkat-tingkat ini telah meninggalkan sisa generasi tersisih ataupun dengan izin, *lost generation*, seperti yang dilaporkan oleh WHO, UNESCO dan World Bank.

Jika kita kecilkan skop *lost generation* di Malaysia ini, kita boleh anggarkan sekurang-kurangnya hampir 1 juta orang murid bakal terkesan dan tersisih daripada proses pendidikan semasa, khususnya murid prasekolah, murid Tahun 1 dan murid Tahun 2. Anak-anak ini sedang bergelut dengan beberapa kemahiran asas seperti membaca, bertutur dan menulis.

Ketiadaan PdP secara normal selama hampir setahun, hakikatnya telah membantutkan proses pendidikan ini. Lebih malang lagi, apabila tidak kelihatan usaha serius KPM untuk berhadapan dengan isu ini. Soalannya, apakah KPM mempersiapkan *master plan* untuk anak-anak ini apabila memasuki Darjah 1 pada tahun 2021 nanti? Apakah langkah yang diambil?

Justeru, di Dewan yang mulia ini, saya menggesa agar Yang Berhormat Menteri Pendidikan tampil secara proaktif dan berinteraksi dengan lebih terbuka. Ini kerana saya yakin, di sana ada ramai lagi pihak yang mahu menghulurkan tangan, menyelesaikan kemelut ini secara kolektif bersama-sama.

Saya mencadangkan penubuhan 'Majlis Tindakan Pendidikan Kebangsaan' yang dianggotai oleh Ahli Parlimen Kerajaan dan Pembangkang serta pemegang taruh

yang lain untuk menangani masalah pendidikan pasca pandemik yang amat serius ini. Saya fikir satu resolusi boleh dihasilkan, andai Yang Berhormat Menteri bersedia membuka ruang kerjasama merentasi parti, ideologi dan juga kepakaran. Ini kerana sehingga kini, walaupun sudah berkali-kali Ahli-ahli Parlimen mahupun rakyat di luar sana bersuara, masih tidak ada satu jawapan pun yang jelas dan tuntas berkaitan *master plan* KPM untuk menyelamatkan *lost generation* ini.

Pendidikan adalah untuk semua dan tanggungjawab semua bersama. Butiran 010500 – Teknologi Maklumat. Tuan Pengurus, suasana COVID-19 telah memaksa ekosistem pendidikan berubah 180 darjah. Ini menjadikan kunci kepada kelangsungan pendidikan yang sebenar, selain daripada guru adalah bahan atau *content* dengan izin, pembelajaran itu sendiri. Baru-baru ini saya telah mempersoalkan kepada Kementerian Pendidikan berkaitan projek bekalan 800 video berdurasi 25 minit yang telah diberikan kepada Syarikat Radius One Sdn Bhd melalui tender terbuka.

Dewan ini juga telah dimaklumkan bahawa setakat bulan November, hanya 28 video sahaja yang telah disiapkan. Ini bererti, kurang dari lima peratus sahaja projek ini berjaya dilaksanakan. Sedangkan sejak bulan Jun ia dimulakan, kita sudah melepassi lebih lima bulan pembelajaran dalam talian. Yang Berhormat Menteri telah mengatakan juga kontrak dilanjutkan sehingga bulan Februari. Saya ingin meminta pihak kementerian menyediakan status sebenar kandungan yang telah dihasilkan sehingga hari ini, kepada Dewan yang mulia ini. Apakah tindakan lanjut dari pihak KPM untuk memastikan berbaki video iaitu 95 persen daripada projek ini dapat disiapkan kurang dari dua bulan, bermula dari sekarang.

Bayangkan, jikalau dalam masa lima bulan hanya 28 siri sahaja yang telah disiapkan, apakah sehingga bulan Februari nanti boleh disiapkan 772 video yang berbaki? Persoalan, kalau boleh disiapkan, bagaimanakah dengan kualitinya pula nanti? Selain itu juga, apakah sebenarnya merit atas penganugerahan projek ini kepada syarikat yang terlibat di mana harga yang ditawarkan sepertimana yang saya telah sebutkan di Dewan yang mulia ini, jauh rendah daripada di pasaran atau lebih tepat lagi, apakah benar KPM tidak melaksanakan kajian pasaran secara sepatutnya, sebaliknya terus membuka tawaran projek ini dengan alasan ingin segera.

Tuan Pengurus, di bawah Butiran 010500 -Teknologi Maklumat ini juga, terkait dengan isu *content* pendidikan. Warga pendidikan diarahkan menggunakan aplikasi *Digital Educational Learning Initiative Malaysia* (DELIMa), yang sepatutnya berfungsi sebagai platform pembelajaran digital. Sebelum ini KPM menggunakan *Frog VLE*. Disebabkan terdapat banyak masalah, kerajaan yang lalu telah membuat keputusan untuk tidak menyambung kontrak 1BestariNet dengan pihak pembekal. Ada beberapa isu timbul, seperti, *content* yang ada di *Frog VLE*, yang sepatutnya diserahkan semula kepada KPM, kerana KPM merupakan pemilik hak cipta.

Namun, sehingga hari ini, *content* tersebut tidak dapat dilihat di dalam DELIMA yang dipaksagunakan oleh para guru. DELIMA milik kerajaan, *Frog VLE* syarikat swasta. Akan tetapi, barang yang dihasilkan oleh guru-guru yang menjadi hak milik kementerian digunakan oleh syarikat swasta dan tidak ada di laman web kita yang digunakan oleh guru-guru kita sendiri.

Lebih malang lagi, jikalau kita pergi ke pelantar *Frog VLE* yang kini tiada kaitan dengan KPM lagi, segala perisian yang telah dihasilkan oleh KPM, oleh guru-guru kita dan milik KPM, terdapat di laman web mereka seolah-olah menjadi hak milik perniagaan mereka. Bayangkan kandungan milik KPM berada di pelantar syarikat asing iaitu *Frog VLE*. Manakala, laman web DELIMA, milik kerajaan pula, hanya menjadi *gateway* kepada pelantar-pelantar lain seperti *Google Classroom*, *YouTube*, EduwebTV, aplikasi *Canva* dan lain-lain tanpa kandungan khusus milik KPM yang telah dihasilkan oleh para guru.

Persoalan saya, jika yang sedemikian untuk apakah DELIMA ini? Berapakah kos yang diperuntukkan untuk DELIMA, sedangkan carian berkenaan bahan-bahan yang ada DELIMA ini boleh dibuat menggunakan *Google Search* sahaja? Saya menggesa KPM untuk menyemak semula rundingan dengan pihak pembekal *Frog VLE* dan menyegerakan proses serahan *content* yang sekian banyak itu.

Selain itu juga, menghidupkan semula e-bahan multimedia, SCORM yang sekian lama tidak boleh diakses. Saya juga meminta penjelasan Yang Berhormat Menteri Kanan Senator, apakah benar kos hangus VLE ini yang telah bermula semenjak tahun 2011 dahulu, mencecah RM1.13 bilion, yang mana ia bersamaan dengan 51 persen kos keseluruhan 1BestariNet yang dikendalikan oleh YTL Communication.

Pada tahun 2019, sebuah jawatankuasa data raya telah ditubuhkan di KPM untuk menyelaraskan data dan menggunakan *artificial intelligence*, dengan izin dan *machine learning* dengan izin, untuk tujuan penilaian berdasarkan sekolah dan penilaian murid-murid secara holistik demi menggantikan *method* penilaian secara konvensional. Selain itu juga untuk mengelakkan *mismatch* dengan izin, iaitu ketidakpadanan di peringkat menengah atas untuk membantu para pelajar ke pengkhususan yang menepati bakat, kecenderungan dan kemampuan para murid berdasarkan maklumat rangkum mereka, semenjak prasekolah lagi. JK Data Raya ini merupakan satu usaha *ground breaking* dengan izin dan merupakan langkah radikal untuk mempersiapkan murid-murid menghadapi zaman IR 4.0 dan mengelakkan ketidakpadanan pengkhususan dan kerjaya yang telah menyebabkan peningkatan *unemployment*, pengangguran di kalangan graduan dan juga pembaziran kemahiran akibat pelajar belajar di bidang yang tiada kaitan dengan kerjayanya.

JK Data Raya ini dianggotai oleh ramai pihak dari luar KPM, yang rata-ratanya berlatarbelakangkan IT dan mereka telah memberikan khidmat secara percuma ataupun *pro bono*, dengan izin.

■1120

Persoalannya, apakah status JK Data Raya ini.

Tuan Pengerusi: Akhir ya, Yang Berhormat.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Butiran 040100 Tuan Pengerusi, kita telah diberitahu bahawa TV Kerajaan iaitu RTM melalui saluran Okey hanya memperuntukkan dua jam sahaja untuk TV Pendidikan. Manakala menurut Yang Berhormat Menteri, KPM akan menambah tiga jam pada setiap Isnin hingga Jumaat untuk tujuan pendidikan yang sama melalui NTV7 milik Media Prima Berhad. Untuk itu ini saya meminta KPM membentangkan kepada kita:

- (i) berapakah belanja yang telah diperuntukkan untuk membayar Media Prima Berhad untuk tujuan tersebut; dan
- (ii) kenapa tidak dimanfaatkan sepenuhnya di Okey TV sahaja milik kerajaan. Mengapa tidak digunakan TV RTM milik kerajaan sahaja untuk menambahkan jam siaran untuk TV Pendidikan, mengapa perlu membayar kepada syarikat swasta?

Butiran 040100, pandemik telah menyebabkan banyak sekolah ditutup dan para guru terpaksa melakukan proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dalam talian (*online*). Para guru telah berulit dan bertungkus-lumus untuk memastikan proses PdP dapat berjalan dengan lancar demi masa depan anak-anak kita. Hal ini melibatkan waktu, mental dan juga wang ringgit terutamanya untuk membeli peranti tambahan.

Guru-guru juga mempunyai anak-anak yang terpaksa menggunakan peranti. Oleh kerana anak-anak mereka juga bersekolah dan melakukan PdP dalam talian. Mereka juga terpaksa membeli data Internet tambahan lebih dari biasa, menggunakan elektrik yang lebih untuk tujuan tersebut. Ada juga yang terpaksa mengeluarkan duit lebih untuk mencetak lembaran-lembaran kerja kuiz, nota dan menghantarkan ke rumah anak-anak murid mereka.

Apakah insentif kita kepada para guru yang merupakan wira kita? Saya dimaklumkan mereka dipaksa menghantar laporan mengajar dalam talian secara berkala kepada Pejabat Pendidikan Daerah (PPD). Para guru juga mengadu kini, mereka dibebani semula dengan pengisian pelbagai borang dan laporan yang pernah saya hapuskan sebelum ini. Persoalannya, wang ringgit yang mereka gunakan itu perlu diambil kira dan para guru saya merayu menggesa kepada KPM untuk memberikan kepada guru imbuhan sama ada dalam bentuk *one-off* ataupun melalui pelepasan cukai untuk jumlah wang yang telah mereka gunakan untuk proses PdP sepanjang sekolah ditutup. Ini boleh dengan kerjasama Kementerian Kewangan.

Tuan Pengerusi: Ringkaskan Yang Berhormat.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Tuan Pengerusi, saya akan tutup.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Dengan jelas saya katakan, sehingga saat ini sehingga detik ini, kita tidak melihat satu sikap yang serius oleh kerajaan secara umumnya untuk menangani masalah pendidikan secara serius, secara kolektif dan perancangan jangka masa panjang pasca akademik.

Ini bukan keluhan kami, Ahli Dewan Rakyat. Ini keluhan rakyat, ini keluhan masyarakat, keluhan para guru dan ibu bapa. Saya menyeru kepada semua Ahli Parlimen sama ada di blok pembangkang dan di blok kerajaan untuk menolak belanjawan pendidikan ini sebagai satu signal yang jelas bahawa kita tidak kompromi isu pendidikan dan kita sama-sama mahukan yang terbaik untuk pendidikan negara. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya ingin menjemput Yang Berhormat Padang Terap, silakan.

11.23 pg.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Selamat pagi.

Tuan Pengerusi, saya turut mengambil bahagian pada pagi ini dalam peringkat Jawatankuasa. Pertama masuk terus kepada Butiran 010500 – Teknologi Maklumat. Kita sedar salah satu daripada keperluan dalam Kementerian Pendidikan ini adalah membangunkan teknologi maklumat untuk membolehkan semua sekolah yang ada di dalam negara kita ini mendapat akses kepada segala bentuk teknologi untuk membolehkan apa yang berlaku di musim pandemik COVID-19 ini iaitu pembelajaran secara *online* dapat dipertingkatkan.

Kita sedar bahawa dalam 10,000 buah sekolah yang berada dalam negara kita ini, barangkali kita boleh katakan bahawa menerima secara baik teknologi ataupun akses kepada Internet barangkali berada pada tahap 70 peratus dan ada lagi 30 peratus yang sangat lemah penerimaan teknologi maklumat.

Saya tengok kepada Bajet ada RM271 juta untuk dibelanjakan pada tahun hadapan dan kita minta supaya kalau boleh kementerian dapat memberi satu gambaran yang benar bagaimana untuk mempertingkatkan capaian Internet ini khususnya sekolah-sekolah di luar bandar. Sebenarnya bukan sekolah di luar bandar sahaja sekolah ini adalah sekolah di pedalaman. Ada negeri-negeri yang ada kawasan pedalaman dan kita tahu di setengah-setengah daerah barangkali capaian Internet berada pada tahap yang cukup lemah, jadi sudah tentulah.

Kementerian mempunyai pelbagai maklumat untuk mendapatkan ataupun memberi kemudahan-kemudahan Internet ini kepada daerah-daerah jauh di luar bandar. Saya berharap bahawa dalam usaha ini kita dapat mempertingkatkan pada satu tahap yang lebih baik daripada yang ada sekarang. Saya dapat bahawa setengah-setengah guru-guru hendak hantar maklumat, dia kena tunggu sebab bila sudah ramai pakai Internet tidak boleh jalan, dia *buffering* kadang-kadang sampai 4 jam, 5 jam barulah dapat menghantar maklumat itu kepada PPD, kepada Jabatan Pendidikan Negeri dan juga kepada kementerian.

Jadi ini adalah satu saya ingat berpanjangan dan sudah tentulah kementerian mempunyai kerjasama yang baik dengan Kementerian Komunikasi khususnya MCMC bagi membolehkan kita menyelesaikan perkara-perkara yang dikaitkan dengan teknologi maklumat. Itu belum lagi kita bercakap mengenai dengan bagaimana *smart classroom* yang hendak diadakan. Bagaimana kita hendak menggunakan pengajaran secara *online*, secara sepenuhnya sebab sudah tentulah tidak dapat. Oleh sebab itu saya hendak nyatakan bahawa dalam teknologi maklumat itu kita mesti ada satu pelan khusus bagi sekolah-sekolah yang berada di luar bandar.

Saya pergi keduanya iaitu berkaitan dengan Butiran 03700 – Program Pembangunan Luar Bandar Sabah dan Sarawak. Ini saya hendak sebut sebab dalam ditulis RM471 juta untuk Sabah dan Sarawak. Kalau Sabah dan Sarawak RM471 juta, maknanya satu negeri lebih kurang RM200 juta lebih.

Kita sedar di Sabah dan Sarawak ini sekolah-sekolah daif, sekolah-sekolah yang telah dibina 50 tahun dahulu masih banyak. Jadi ada rancangan dibuat pada tahun 2018 iaitu memberi peruntukan sebanyak RM1 bilion setahun kepada Sabah, RM1 bilion setahun kepada Sarawak dan kalau diberi rancangan RM1 bilion satu tahun itu saya jangka tiga tahun berturut-turut kita beri kepada Sarawak RM3 bilion, kepada Sabah RM3 bilion saya yakin sekolah-sekolah daif yang lama itu boleh diselesaikan oleh kerajaan.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Padang Terap, bagi sedikit, boleh setengah minit sahaja.

Tuan Haji Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]: Setuju, setuju sangat, Yang Berhormat Padang Terap. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Boleh? Setengah minit sahaja.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Ya, ya.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Boleh, terima kasih. Saya dengar perbahasan Yang Berhormat berkaitan dengan bajet yang diberikan kepada negeri-negeri yang tertentu. Apakah Yang Berhormat setuju dengan saya, isu guru-guru duka lara walaupun beri berjuta bilion-bilion ringgit kalau isu duka

lara tidak dapat diselesaikan, diberikan peluang untuk mereka pindahkan balik setelah lebih 5 tahun ia juga akan akibatnya, effectnya tidak juga begitu bagus dalam konteks pendidikan walaupun berbilion-bilion diletakkan dalam negeri-negeri tersebut. Terima kasih, Yang Berhormat.

■1130

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Terima kasih Yang Berhormat Baling dan setuju untuk dimasukkan sebagai sebahagian daripada ucapan saya pada pagi ini.

Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]: Tuan Pengerusi.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Akhir...

Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]: Minta laluan Tuan Pengerusi.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: ...untuk Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]: Minta laluan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Libaran.

Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]: Ya, saya menyokong penuh dengan saranan Yang Berhormat tadi mengenai dengan sekolah daif ini. Kalau saya boleh sebut, di kawasan Libaran ini ada beberapa yang saya sebut di sini ialah seperti SK Rancangan Lubu, SK Sungai Manila, SK Sungai Tiram, SK Pulau Libaran, SK Pulau Tanjung Pisau, SK Pulau Padas, SK Ladang Sandak, SK Sungai Besar...

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Itu sudah spesifik.

Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]: SK Pemaguan dan—semuanya sekolah daif.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Kita setujulah, kita setujulah.

Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]: Jadi, ini juga memerlukan untuk...

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Kita setuju Yang Berhormat Libaran.

Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]: ...peruntukan sekolah daif di sekolah-sekolah ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Tuan Pengerusi, yang akhir dari saya, untuk Butiran 30000 – Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak (*Early Childhood Care and Education – ECCE*). Ini satu perkara yang sangat penting untuk negara kita. Saya kira bahawa saya hendak minta dalam penerangan Yang Berhormat Menteri nanti, penggulungan Yang Berhormat Menteri nanti supaya adakah dasar asuhan dan didikan awal kanak-kanak ini yang memangnya sudah ada. Bagaimana kita hendak memperluaskan *early childhood care education* ini? Oleh sebab di kebanyakan

negara, kanak-kanak telah dihantar ke sekolah pada usia enam bulan. Mereka berada di sekolah itu sehingga kepada *kindergarten* dan lepas itu baru masuk ke *primary*. Jadi, itu saja daripada saya pada pagi ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Padang Terap. Seterusnya, saya mempersilakan Yang Berhormat Langkawi.

11.32 pg.

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]: Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Butiran 00300 - Pendidikan Teknik dan Vokasional, di mana RM215,500,000 diperuntukkan; dan Butiran 01700 - Program Pembangunan Kurikulum, yang mana diperuntukkan RM15,963,000 untuknya.

Rakyat rata-rata berpendapat bahawa Dasar Pelajaran ataupun Dasar Pendidikan Negara sudah tidak sesuai dengan peralihan zaman. Benar, pendidikan bertujuan membekal anak muda dengan ilmu tetapi ilmu perlu sesuai dengan cara hidup masa depan anak muda. Kita orang Islam memang wajib mengetahui agama Islam yang kita anuti. Akan tetapi kita juga wajib sediakan diri untuk dunia di waktu mana kita perlu bekerja untuk membiayai kehidupan kita. Adalah penting masa untuk mempelajari agama diagih supaya masa untuk berkehidupan duniawi juga mencukupi. Pada zaman ini, ilmu sains dan matematik amatlah penting. Ilmu-ilmu ini tidak statik tetapi berubah-ubah sepanjang masa hasil kajian yang dibuat oleh para penyelidik. Hampir semua dari kajian ini di sedia dalam bahasa Inggeris. Menterjemah ke dalam bahasa kebangsaan memerlukan pakar Sains yang terpelajar dalam ilmu sains serta fasih dalam bahasa Melayu dan Inggeris.

Oleh kerana ilmu-ilmu baru ini amat banyak dan luas, menterjemahkan memerlukan ramai pakar sains yang fasih dalam bahasa-bahasa berkenaan. Kita tidak ada penterjemah seperti ini. Sebaliknya, jika ilmu sains dan matematik diajar dalam bahasa Inggeris, penuntut boleh akses semua ilmu baru yang relevan sendiri tanpa pakai penterjemahan. Apabila menerus pelajaran di luar negeri, bahasa Inggeris amatlah penting. Apabila kita sudah kuasai ilmu ini dengan mendalam dan kita juga membuat penyelidikan, pada masa itu kita boleh guna bahasa kita.

Sesungguhnya pada satu masa dahulu, bahasa ilmu adalah bahasa Arab. Orang Eropah pun terpaksa belajar bahasa Arab untuk mengejar ilmu orang Arab. Sebenarnya, para pakar sains dari kaum bukan Inggeris pun masih guna bahasa Inggeris untuk perkenal hasil kaji selidik mereka dan juga semasa berbincang berkenaan sains dalam majlis akademik. Demikian juga dengan matematik yang penting untuk menghantar roket ke *space station* ataupun ke bulan.

Kedua, saya telah sebut berkenaan mengetahui ajaran agama kita. Fardu ain memang diwajibkan ke atas kita tetapi fardu kifayah juga penting bagi seorang yang

ingin amal cara hidup Islam. Oleh sebab itu, fardu kifayah perlu diajar khusus berkenaan cara hidup Islam. Ini bermakna, mengetahui nilai hidup yang perlu diamal oleh orang Islam mengikut Al-Quran dan hadis yang sahih.

Ilmu yang diperolehi oleh orang yang tidak amal nilai hidup Islam akan disalah gunakan dan akan menghasilkan keburukan kepada diri sendiri, kepada Islam dan masyarakat Islam. Inilah yang kita lihat apabila orang Islam membunuh orang, termasuk orang Islam, sesuatu yang dilarang oleh agama Islam. Sistem mengajar juga perlu ditukar kerana perkembangan teknologi berkomunikasi yang mampu memperkenalkan ilmu dengan lebih mudah. Kita guna guru dalam darjah untuk menyampaikan ajaran ilmu kepada murid. Kita juga menyediakan buku untuk permudahkan perolehan ilmu tetapi sekarang kita boleh sampaikan ilmu dengan menggunakan komputer.

Sebenarnya, pengajaran yang disampaikan dalam *YouTube* umpamanya, lebih mudah difahami kerana ianya disediakan oleh pakar dan dengan adanya gambar bergerak. Penuntut boleh ulang berkali-kali pelajaran yang disampaikan. Sepatutnya semua pengajaran disediakan oleh guru pakar dalam *disc* ataupun *thumb drive*, telefon atau komputer yang lengkap dengan semua maklumat dan ilustrasi yang mudah difahami. Guru darjah akan memandu murid mengikuti pelajaran yang disediakan oleh guru pakar. Selain daripada cara ini untuk menyampaikan ilmu, kerja praktikal juga diperlukan supaya lebih mudah murid memahami isi kandungan pelajaran.

Saya harap pihak kerajaan akan kaji dan perkenalkan cara mengajar zaman teknologi ini. Melalui internet, kita boleh dapat pelajaran daripada guru-guru pakar, guru darjah akan memimpin pelajar mengikuti pelajaran yang sudah disediakan oleh guru pakar. Sudah tentu dalam mempelajari bahasa Inggeris, kursus yang disediakan oleh pakar yang membolehkan kita dengar perkataan-perkataan yang betul serta susunan ayat akan memudahkan kita mengikuti dan mengulangi apa sahaja berkali-kali sehingga terlekat di hati.

■1140

Sesungguhnya dasar dan cara pendidikan perlu dikaji dan dipinda supaya lebih sesuai dengan keperluan anak muda pada masa hadapan. Demikian juga dengan cara menyampaikan ilmu kepada penuntut di semua peringkat. Saya dapati tidak ada apa-apa cadangan dalam belanjawan untuk pendidikan ke arah ini. Oleh sebab itu, saya tidak dapat sokong peruntukan bagi Kementerian Pendidikan tahun 2021. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Langkawi. Saya menjemput Yang Berhormat Bukit Gantang.

11.40 pg.

Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang]:
[Berucap dalam bahasa Arab] Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Pengerusi: *Waalaikumussalam.*

Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang]: Salam sejahtera. Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk Butiran 030000 – Operasi Pendidikan di bawah Maksud Bekalan 63. Saya ingin memohon sedikit pencerahan daripada pihak kementerian mengenai beberapa perkara yang berkait aktiviti pembelajaran dan pengajaran di sekolah dalam tempoh masa pandemik COVID-19.

Kita faham dalam situasi mahu ataupun tidak, penilaian semasa terhadap penularan wabak COVID-19 ini perlu terus dipantau oleh pihak kementerian. Dalam masa yang sama juga aktiviti pembelajaran dan pengajaran tidak seharusnya terhenti, yang mana ia bakal menjelas masa depan anak-anak kita di luar sana.

Justeru, saya ingin mencambahkan pertanyaan saya kepada pihak kementerian iaitu, sejauh mana kah keupayaan pihak kementerian dalam memastikan tiada lagi sebarang pengumuman saat akhir seperti pengumuman penutupan sekolah tempoh hari yang mengakibatkan ramai guru dan pelajar yang kucar-kacir dalam menguruskan persediaan yang sepatutnya, terutama mereka yang bakal menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia dan STPM.

Apakah bentuk perancangan yang sedang dirangka oleh pihak kementerian bagi mengurangkan impak kecelaruan kepada masyarakat khususnya guru, pelajar dan ibu bapa yang terkesan akibat keputusan saat akhir yang dibuat pada masa akan datang? Oleh yang demikian, saya turut ingin menggesa agar pihak kementerian melaksanakan bantuan psikologi dan mental untuk guru-guru dan para pelajar yang terkesan akibat penundaan saat akhir peperiksaan penting seperti SPM dan STPM.

Ini memandangkan, kita tidak pasti sejauh manakah moral dan motivasi mereka telah jatuh merudum akibat pandemik COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang membatas pergerakan mereka kepada segala-galanya.

Seterusnya, saya merujuk kepada Butiran 010300 – Pembangunan Infrastruktur di bawah Maksud Bekalan 63. Untuk makluman pihak kementerian, sebanyak 21 buah sekolah rendah dan 11 buah sekolah menengah berada di bawah Parlimen Bukit Gantang. Sebelum ini telah dipohon bagi melaksanakan kerja-kerja pembaikpulihan serta penambahbaikan infrastruktur fizikal sekolah seperti penyelenggaraan pendawaian elektrik, baik pulih sistem saliran longkang dan parit, membaiki kebocoran bumbung, bilik atau tandas sekolah dan pelbagai lagi bentuk keuzuran yang memerlukan perhatian segera daripada pihak kementerian.

Saya anggarkan sejumlah – tidak banyak lebih kurang RM1 juta untuk kesemua 32 buah sekolah ini. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kementerian

iaitu sejauh manakah pihak kementerian telah mengambil maklum mengenai senarai permohonan pembangunan infrastruktur sekolah yang telah dihantar bagi Parlimen Bukit Gantang sebelum ini? Apakah jaminan daripada pihak kementerian bahawa senarai permohonan pembangunan infrastruktur sekolah di Parlimen Bukit Gantang ini telah disenaraikan dan akan dilaksanakan dalam tahun 2021?

Hal ini kerana, selaku Ahli Parlimen bagi sebuah kawasan luar bandar seperti Parlimen Bukit Gantang, ini telah menjadi sebahagian daripada tanggungjawab saya untuk memastikan kesemua sekolah sama ada rendah ataupun menengah sentiasa berada pada kondisi yang terbaik agar aktiviti pembelajaran dan pengajaran dapat dilaksanakan sebaik mungkin tanpa sebarang kekangan akibat kedaifan struktur fizikal sekolah berkenaan.

Akhir sekali, saya ingin menyentuh Butiran 020000 – Dasar Penilaian dan Pengurusan Prestasi di bawah Maksud Bekalan 63. Pada tahun ini sebanyak RM20,697,600 telah diperuntukkan. Ia berkurangan sebanyak RM2 juta lebih. Tujuan dasar penilaian dan pengurusan prestasi untuk memastikan segala dasar pendidikan digarap mengikut perancangan, peraturan yang ditetapkan.

Untuk itu, saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian mengenai perkembangan terkini berkenaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia Tahun 2013-2025 dan sejauh manakah pelan ini telah berjaya dilaksanakan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gantang. Saya mempersilakan Yang Berhormat Kulai.

11.46 pg.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada beberapa perkara pertama, semasa ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 6 November 2020 telah menyebutkan bahawa kos tambahan sebanyak RM725 juta akan diperuntukkan bagi menaik taraf bangunan serta infrastruktur di sejumlah 50 buah sekolah daif.

Saya tidak nampak di mana RM725 juta ini disebut dalam anggaran belanjawan Persekutuan dalam buku ini. *[Sambil menunjukkan senaskhah buku]* Jadi, saya minta kerjasama dan bantuan daripada Yang Berhormat Menteri untuk sebutlah di mana kita boleh cari butiran untuk RM725 juta ini. Sejumlah RM725 juta untuk 50 buah sekolah secara purata adalah RM14.5 juta.

Akan tetapi, pada masa yang sama saya ingin merujuk kepada jawapan daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan kepada Yang Berhormat Baram pada 14 Disember 2020, yang mana jawapan ini menyebutkan bahawa dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas iaitu bagi tahun 2016 hingga tahun 2020, sejumlah

RM3 bilion telah diluluskan untuk projek naik taraf dan pembangunan semula bangunan daif bagi 773 buah sekolah.

Secara purata ia hanyalah RM3.9 juta. Pada masa yang sama dalam jawapan yang sama dia sebut bagi tempoh mulai tahun 2018 hingga tahun 2020, sebanyak 241 buah sekolah yang mempunyai bangunan daif di negeri Sarawak yang telah dinaik taraf, ditanggungkan semula dengan kos projek berjumlah RM1.2 bilion. Secara purata, satu sekolah adalah RM4.7 juta.

Jadi, saya hendak tanya kenapa ada satu perbezaan yang begitu besar. Pada zaman Barisan Nasional dan pada zaman PH yang mana kos purata untuk sebuah sekolah tidak sampailah RM5 juta. Akan tetapi, sekarang kita memperuntukkan RM14.5 juta hanya untuk sebuah sekolah. Jadi, minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Kedua, tentang isu sementara yang disebut dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan juga. Dalam ucapan beliau telah disebutkan bahawa sebanyak 35,000 peluang pekerjaan akan ditawarkan dalam sektor awam dengan keutamaan mengisikan perjawatan seperti jururawat, *medical attendant* dan juga guru sementara.

Jadi saya hendak tanya, peruntukan yang telah disediakan adalah sebanyak RM700 juta. Akan tetapi, tetapi RM700 juta untuk sebanyak 35,000 orang pekerja ataupun pekerja kontrak hanyalah 20,000 setiap orang pekerja. Jadi sebanyak 20,000 setiap orang pekerja – ini kontraknya untuk tempoh masa berapa panjang? Kalau hanya untuk setahun, saya rasa memang tidak cukuplah. Kalau untuk tempoh masa 10 bulan, maksudnya untuk guru sementara, gaji mereka hanyalah RM2,000 sebulan.

Adakah ini satu gaji yang munasabah? Jadi, saya hendak tanya, bilakah guru sementara ini akan ditawar, bilangannya berapa banyak dan bila akan bermula? Hal ini kerana saya sangat setuju bahawa kita perlulah ambil guru sementara kerana menurut kedudukan perjawatan KPM setakat Januari tahun ini, pegawai perkhidmatan pendidikan (PPP) yang belum diisi adalah sebanyak 22,000 jawatan.

■1150

Jadi, saya harap bahawa perjawatan ini akan diisikan secepat mungkin tetapi mestilah dengan tawaran dan juga pakej gaji yang munasabah.

Selain daripada itu, isu ketiga yang saya hendak sebut adalah tentang budak-budak bukan warganegara ataupun budak-budak tanpa dokumen. Pada zaman PH, kita memang mengizinkan budak-budak bukan warganegara untuk masuk ke sekolah kerajaan dengan menunjukkan sijil pengangkatan ataupun sijil kelahiran untuk menunjukkan bahawa salah seorang ibu bapa mereka adalah warga Malaysia. Ini kerana dalam pandangan PH, golongan ini mereka duduk di Malaysia, mereka dilahirkan di sini dan mereka berhak untuk dapat pendidikan. Mereka memang dalam proses untuk dapat kerakyatan Malaysia.

Akan tetapi kebelakangan ini, pejabat saya, pejabat Yang Berhormat Kluang dan sebagainya banyak terima komelin, banyak terima aduan kerana secara tiba-tiba untuk golongan ini, untuk mereka memasuki sekolah kerajaan ataupun sekolah bantuan kerajaan mereka diminta oleh Jabatan Pendidikan Negeri untuk tunjuk pas pelajar. Ini bukan satu polisi yang munasabah kerana untuk dapat pas pelajar, golongan ini, mereka perlu dapat pasport daripada negara asing.

Akan tetapi untuk golongan ini mereka tidak berhasrat untuk menjadi warga asing. Mereka memang berhasrat untuk menjadi warga Malaysia. Jadi saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri sama ada pada zaman PN polisi tentang penerimaan budak-budak bukan warga negara ini telah dipinda.

Isu yang saya keempat ialah tentang penyelenggaraan. Walaupun telah disebut dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa RM800 juta telah disediakan, tetapi sekali lagi saya tidak dapat cari butiran untuk RM800 juta ini dalam Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2021.

Untuk tahun yang lalu, maksudnya seperti dalam Belanjawan 2020 kita memang ada satu butiran yang khusus iaitu Butiran 080500 – Penyelenggaraan Institusi Pendidikan KPM. Sama juga RM800 juta diperuntukkan. Sama juga untuk penyelenggaraan *genset*, telaga tiub dan solar hibrid di mana RM250 juta disediakan.

Akan tetapi sekarang walaupun jumlah RM800 juta ini untuk kerja-kerja *maintenance* disebut. Walaupun RM120 juta disebut untuk telaga *tube* baharu tetapi butiran ini telah hilang dalam Anggaran Perbelanjaan Persekutuan ini. Jadi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Yang Berhormat Pulai...

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Ya, Yang Berhormat Rasah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Mohon mencelah sedikit. Saya merujuk kepada jawapan daripada Kamar Khas pada 7 Disember dan jawapan lisan saya pada 10 Disember daripada KPM yang mana saya tanya, senaraikan nama sekolah SJK(C) dan SJK(T) yang menerima peruntukan penyelenggaraan untuk tahun ini tetapi jawapan yang diberikan hanya jumlah sekolah. Tidak disenaraikan.

Saya nampak ia jauh berbeza berbanding dengan zaman Yang Berhormat Kulai jadi Timbalan Menteri, Yang Berhormat Simpang Renggam jadi Menteri Pendidikan. Walaupun seorang sahaja Timbalan Menteri waktu itu, Menteri pun tidak ada sebut Kanan tetapi senarai sekolah, semua sekolah yang menerima bantuan disenaraikan untuk tatapan umum. Jelas terbukti ketelusan. Sekarang Menteri jadi Kanan. Dua orang Timbalan Menteri tetapi gagal tunjukkan. Jadi, saya nampak ini sesuatu yang tidak patut, tidak telus.

Saya mohon Yang Berhormat Menteri Kanan Pendidikan supaya boleh paparkan keseluruhannya berkenaan dengan perkara ini sebab ia penting. Ia adalah peruntukan yang telah diluluskan zaman Pakatan Harapan, zaman Simpang Renggam jadi Menteri dan Yang Berhormat Kulai jadi Timbalan Menteri dahulu. Terima kasih.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Kulai, berkenaan dengan program, “*No Wrong Door Policy*”, saya masih ingat lagi Yang Berhormat Simpang Renggam telah pun memperkenalkan program di mana kanak-kanak dibenarkan untuk pergi ke sekolah walaupun tidak mempunyai dokumentasi. Akan tetapi dalam satu sesi wawancara yang diadakan di dalam televisyen, mantan Timbalan Menteri Pendidikan Datuk P. Kamalanathan mengatakan bahawa ini adalah program yang diperkenalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Bolehkah Yang Berhormat tolong perjelaskan perkara ini? Terima kasih.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Memang pada zaman Pakatan Harapan, mantan Menteri Pendidikan iaitu Yang Berhormat Simpang Renggam telah melancarkan program yang kita panggil, “*Zero Reject Policy*”. Saya tidak kisah kalau sekarang Barisan Nasional hendak cakap bahawa ini adalah program yang dimulakan oleh mereka. Jadi, saya harap dalam Dewan Rakyat ini, Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional juga akan terus juga menyokong polisi ini dan mendesak Kerajaan PN untuk teruskan “*Zero Reject Policy*” ini.

Perkara terakhir Tuan Pengerusi iaitu tentang *bill utility*. Merujuk pada jawapan dari Menteri Kanan Pendidikan, setakat bulan November bil elektrik yang telah-peruntukan untuk bil elektrik telah disalurkan kepada JPN adalah sebanyak RM41.6 juta tetapi masih ada satu baki yang sebanyak RM14.8 juta iaitu sebanyak 26 peratus.

Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, apa kegunaan untuk RM14.8 juta ini kerana saya hendak pastikan bahawa semua peruntukan yang telah disediakan pada zaman PH telah diguna pakai dengan baik untuk semua sekolah di Malaysia. Sekian sahaja. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Kulai. Saya hendak pohon semua agar kalau boleh kita ikut masa yang ditetapkan kerana kalau kita tidak ikut, kita memakan masa sahabat kita yang kemudian sebenarnya. Saya menjemput Yang Berhormat Jempol.

11.56 pg.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi kerana izinkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2021 Peringkat Jawatankuasa Kementerian Pendidikan pada pagi yang mulia ini.

Butiran 030300 – Pendidikan Menengah. Tarikh peperiksaan SPM, SVPM, STPM dan STAM bagi tahun 2020 telah dijadualkan semula ekoran perkembangan semasa penularan COVID-19. Saya memuji tindakan KPM yang fleksibel dalam mengambil kira pelbagai pandangan, situasi semasa negara sebelum memutuskan sesuatu perkara. Isu yang saya ingin bangkitkan adalah tahap persediaan, persiapan murid yang bakal menduduki peperiksaan awam bagi tahun 2020.

Seperti mana yang kita semua sedia maklum, murid yang berada di luar bandar mengalami kesulitan untuk mengikuti pembelajaran dalam talian seperti *Google Meet*, *Google Classroom* dan sebagainya. Bagi murid yang tidak mempunyai peranti elektronik dan kemudahan Internet, saya yakin bahawa tahap persiapan mereka masih rendah.

Memandangkan pelbagai SOP COVID-19 telah dilonggarkan seperti mengurangkan tempoh kuarantin, dibenarkan merentas negeri dan sebagainya, saya ingin mencadangkan agar calon-calon peperiksaan awam tahun 2020 dibenarkan untuk menyambung persekolahan secara bersemuka dengan kadar segera. Kementerian tidak perlu menunggu sehingga 20 Januari 2021 kerana masa yang tinggal untuk calon-calon peperiksaan awam bagi tahun 2020 semakin suntuk.

Butiran 062800 – Bantuan Awal Persekolahan. Pada tahun hadapan, peruntukan telah dikurangkan sebanyak RM30 juta kepada RM300 juta sahaja berbanding RM330 juta pada tahun sebelumnya. Pemberian bantuan awal persekolahan amat penting dalam usaha membantu meringankan beban ibu bapa khususnya ketika tempoh krisis ini. Saya menyeru pihak KPM untuk menambah lagi jumlah peruntukan sedia ada supaya mengikut keperluan semasa terutama kepada masyarakat luar bandar dan juga pedalaman.

Selain itu, kadar pemberian bantuan tunai sebanyak RM100 bagi setiap murid yang layak perlu dikaji semula kerana kos sara hidup semasa tidak lagi seperti mula-mula inisiatif ini diperkenalkan. Tambahan pula had pendapatan garis kemiskinan yang terkini telah dinaikkan kepada RM2,208 berbanding kadar kemiskinan RM980 yang telah diguna pakai sejak 2005. Saya yakin cadangan KPM memperkemas kini kan inisiatif ini dan jangan hanya mengguna pakai ataupun meneruskan sahaja kaedah sistem yang lama.

Seterusnya, KPM juga perlu mengkaji kaedah pemilihan kelayakan bagi penerima yang layak kerana terdapat sesetengah keluarga pendapatan mereka tinggi tetapi tanggungan dan bilangan anak ramai. Begitu juga sebaliknya terdapat keluarga yang berniaga sendiri. Mereka tidak mempunyai slip gaji tetapi mempunyai pendapatan yang tinggi turut layak mendapat bantuan tersebut.

Butiran 060900 – Rancangan Makanan Tambahan. Terima kasih saya ucapkan kepada kerajaan yang prihatin terhadap literasi murid di sekolah rendah dengan menambah program RMT pada tahun hadapan.

■1200

Sebanyak RM28 juta telah ditambah dalam peruntukan pada tahun hadapan iaitu RM299 juta berbanding tahun sebelumnya hanyalah RM271 juta sahaja. Dengan adanya peruntukan tambahan ini, murid dan keluarga berpendapatan rendah bakal menerima kandungan khasiat harian untuk pertumbuhan fizikal dan mental menerusi penyediaan bekalan susu pada tahun hadapan.

Walau bagaimanapun, pada hemat saya, KPM perlu mempunyai alternatif lain untuk meningkatkan nutrisi murid selain daripada penyediaan susu kerana susu tersebut mudah rosak dan sebagainya, dan ada murid yang tidak boleh minum susu. Yang ini, pihak kementerian perlu mengkaji apakah alternatif lain seperti menyediakan vitamin dan lain-lain.

Dalam soal lain iaitu turut berpendapat bahawa kajian kriteria pemilihan murid juga perlu dikaji mengikut garis kemiskinan.

Butiran 03504 – Ubahsuai Naik Taraf Sokongan Pendidikan. Terima kasih saya ucapkan kepada kementerian kerana telah menyediakan peruntukan RM902 juta pada tahun hadapan bagi menyediakan penyelenggaraan dan pemberian. Menerusi peruntukan yang besar, maka besarlah harapan saya untuk melihat sekolah-sekolah di Parlimen Jempol khususnya diberi keutamaan yang telah rosak seperti: Sekolah Menengah Seri Perpatih— bumbung dan *air-cond* rosak; SMK Alam Beraja— makmal sains dan *air-cond*; SMK Palong 7— makmal sains; SK Palong 12— bumbung dan sebagainya.

Perkara-perkara ini sering kali dibangkitkan kerana pihak kementerian ataupun PPD tidak melihat sekolah-sekolah yang berada di luar bandar. Begitu juga dengan kuarters guru yang hari ini dilihat kuarters guru tidak diselenggarakan dengan baik dan sudah pastilah guru-guru di luar sana tidak begitu selesa menggunakan kuarters guru tersebut.

Saya pohon supaya kuarters-kuarters guru yang tidak lagi ada penghuninya dibuka untuk diberi kepada mereka yang hendak menyewa. Kebanyakan kuarters guru pada hari ini tidak ada penghuni dan guru-guru pun tidak minat duduk kuarters tersebut. Jadi dalam keadaan itu, kuarters tidak diselenggarakan dengan betul dan sudah pastilah ia menjadi sarang penagih dadah dan sebagainya. Yang ini saya pohon supaya diberikan keutamaan kuarters-kuarters guru ini.

Itu sahaja daripada saya. Saya mohon supaya apa yang saya sampaikan sebentar tadi mendapat perhatian dan tindakan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Tampin.

12.03 tgh.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan terima kasih Tuan Pengerusi.

Butiran 010400 – Pengurusan Sumber Manusia telah berkurangan daripada RM146.3 juta kepada RM142.9 juta. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, berapa ramaikah guru duka lara di seluruh negara? Apakah tindakan yang telah kerajaan lakukan untuk mengurangkan permasalahan tersebut? Bagaimana kementerian mengatasi masalah tersebut? Apakah situasi guru duka lara ini telah memberi kesan kepada motivasi atau kualiti pendidikan di negara ini?

Selain itu, saya ingin bertanya kepada kementerian, bagaimana kerajaan telah berusaha mengurangkan beban guru dapat diringankan supaya kualiti pengajaran dan pembelajaran dapat dipertingkatkan lebih-lebih lagi kita berhadapan dengan pandemik COVID-19?

Butiran 060300 yang bersangkutan dengan Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkuuh Bahasa Inggeris. Saya ingin bertanya, berapa jumlah sekolah yang telah terlibat dengan program ini? Apakah kementerian hendak menjadikan program ini sebagai dasar kepada sistem pendidikan pada keseluruhannya? Sejauh mana keberkesanan pelaksanaan dan apakah ia telah memberi manfaat kepada semua pelajar? Sejauh mana program ini telah merekayasa dalam memartabatkan bahasa Melayu?

Mengapa terdapat rakyat Malaysia belum begitu fasih dalam pertuturan mereka dalam bahasa Melayu sedangkan bahasa Melayu telah menjadi bahasa yang boleh mendekatkan hubungan antara kaum? Bagaimana tindakan susulan yang telah dan akan diambil oleh kementerian dalam memastikan penggunaan bahasa Melayu dapat diguna pakai secara tuntas dan fasih di kalangan masyarakat di negara ini? Apakah program ini telah dapat memperkuuhkan penggunaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar?

Butiran 060800 – Bantuan Makanan Asrama, meningkat. Butiran 060900 – Rancangan Makanan Tambahan, meningkat juga. Butiran 061400 – Bantuan Makanan Prasekolah, juga meningkat. Tahniah dan syabas.

Cumanya, saya ingin bertanya kepada kementerian, bagaimana peruntukan perkara ini meningkat dan bagaimana ia dibelanjakan? Sedangkan sekolah tidak dibuka dan pendidikan dilaksanakan tidak secara berdepan dan kebanyakannya dilaksanakan secara maya. Apakah makanan masih boleh disediakan atau bagaimana ia dilakukan sedangkan sesi persekolahan tidak dijalankan sepenuhnya? Apakah

justifikasi bantuan makanan ini diteruskan? Apakah kerajaan berhasrat untuk membuka sekolah seperti sedia kala sebelum pandemik ini berlaku?

Butiran 040100 – Bahan Pengajaran dan Pembelajaran, telah menurun secara mendadak. Mengapa peruntukan ini dikurangkan? Sedangkan kita berhadapan dengan paradigma pendidikan yang telah berubah dan kita berhadapan dengan pandemik COVID-19. Oleh kerana paradigma pendidikan lebih menjurus kepada penggunaan teknologi dan jangkauan jalur lebar yang lebih tinggi, kementerian sewajarnya mencari jalan yang lebih dinamik untuk semua pelajar mendapat pendidikan yang serata dan menyeluruh. Kita tidak mahu lagi mendengar dan melihat ada pelajar-pelajar panjang pokok, duduk di atas jambatan.

Saya ingin bertanya kepada kementerian, bagaimana kementerian hendak mengatasi ketidakmampuan pelajar mendapat pelajaran kerana ketidaksampaian jalur lebar dan kekurangan peranti di kalangan mereka?

Perkara seterusnya yang saya hendak bangkitkan ialah Butiran 07000 – Bangunan dan Pejabat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Saya amat terkilan dengan idea projek pembangunan dan pejabat KPM yang dilakukan di tengah-tengah musim pandemik ini. Peruntukan sehingga RM226 juta sangat keterlaluan di mana ia jelas bukan merupakan prioriti buat masa ini. Apakah membina ataupun mengubahsuai pejabat suatu kemestian pada masa ini? Saya berharap projek seperti ini perlu dikaji semula sejauh mana keperluan bangunan ini diubahsuai.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Yang Berhormat Tampin.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Perkara seterusnya yang saya hendak sebut— ya.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Yang Berhormat Tampin, mohon mencelah sedikit. Berkenaan dengan peruntukan untuk bangunan kementerian, apakah pandangan daripada Yang Berhormat Tampin kalau saya cadangkan bahawa sebahagian daripada peruntukan tersebut digunakan untuk membantu membina bangunan-bangunan gantian untuk sekolah-sekolah yang sedia ada? Termasuk SJKT Kuala Pilah yang mana bangunannya cukup daif dan perlu diganti dengan bangunan baharu yang saya percaya kosnya hanya setakat beberapa juta sahaja, tidak payah sampai RM200 juta. Apa pandangan Yang Berhormat Tampin?

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Terima kasih Yang Berhormat Rasah kerana memberi sedikit maklumat kepada kita dan masukkan ia sebahagian daripada ucapan saya.

Perkara yang terakhir yang saya hendak sebut ialah soal pengusaha-pengusaha bas sekolah dan juga kantin-kantin sekolah yang berhadapan dengan— apabila berhadapan pandemik ini sendiri, saya fikir ia memberi kesan yang cukup signifikan kepada perkembangan ataupun pendapatan mereka. Justeru itu, apakah tindakan dan

juga perkara yang akan dilakukan oleh kementerian untuk mengatasi perkara ini? Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Tanjong Manis.

12.09 tgh.

Tuan Haji Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas sedikit.

Saya terus kepada Butiran 03700 – Program Pembangunan Luar Bandar Sabah dan Sarawak. Daripada peruntukan sebanyak RM471 juta untuk tahun 2021, saya ingin tahu apakah ada terdapat peruntukan untuk membaik pulih sekolah-sekolah daif di kawasan Parlimen Tanjong Manis?

Untuk makluman, di seluruh Sarawak, sebanyak lebih daripada 1,000 buah sekolah daif. Saya tadi bersetuju dengan saranan daripada Yang Berhormat Padang Terap mengatakan bahawa kalau untuk Sabah dan Sarawak, jumlah RM471 juta untuk dua buah negeri tidaklah mencukupi. Kalau boleh, berilah RM1 bilion atau lebih ke atas sebab kita banyak sekolah daif yang berusia lebih daripada 50 tahun, ada yang hampir 100 tahun di kawasan saya. Jadi ini adalah penting sebab kita hendak melihat sekolah-sekolah daif ini dibaiki dengan secepat mungkin supaya memberi keselesaan kepada anak-anak sekolah yang hendak belajar.

■1210

Sebagai contoh di kawasan saya sahaja ada sebanyak 31 buah sekolah daif, jadi saya tidak dapat hendak sebut satu persatu tetapi sekolah-sekolah yang memerlukan perhatian segera seperti SK Bayang, SK Bruit, SK Tekajong di bawah PPD Daro, SK Mupong di bawah PPD Meradong, SK Adin dan SKJC Sing Ming di bawah PPD Sarikei yang memerlukan perhatian segera daripada pihak kementerian.

Di bawah butiran yang sama Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya sama ada Kementerian Pendidikan akan memberi peruntukan untuk membina sebuah dewan serba guna di SMK Semop. Untuk makluman pada masa sekarang, murid-murid sekolah terpaksa berhimpun di ruang antara dua buah blok darjah. Jadi, mereka tidak ada tempat yang sesuai untuk membuat perhimpunan. Kalau kena hujan dan panas, mereka terpaksa berlari mencari tempat semasa perhimpunan. Jadi, ini membebankan dan menyusahkan pihak-pihak guru dan pihak-pihak murid untuk membuat perhimpunan seperti biasa.

Kawasan untuk aktiviti pun disebabkan tiada dewan serba guna tidak adalah. Jadi, inilah yang penting bagi saya supaya di sekolah ini dibuat sebuah dewan serba guna. Di sekolah SMK Belawai, dewan serba guna yang ada agak terdedah kepada cuaca panas dan hujan kerana tidak ada dinding. Jadi diharapkan agar di Sekolah SMK

Belawai dibuat penambahbaikan kepada dewan serba guna yang sedia ada supaya senang untuk mengadakan aktiviti dan perhimpunan bagi murid-murid di sekolah tersebut.

Juga di sekolah yang sama di Sekolah SMK Semop. Sekolah ini sebenarnya terletak hanya 200 meter dari jalan besar. Di tepi jalan besar tersebut ada grid elektrik Sarawak Energy. Akan tetapi malangnya sekolah ini, dari semenjak siap tidak ada bekalan elektrik yang terus. Mereka menggunakan jana kuasa. Jana kuasa ini memerlukan bahan minyak bakar. Ada masanya di sekolah tersebut di sebabkan sekarang ini tidak ada jalan kena menggunakan feri dan ada masanya kekurangan bahan bakar.

Jadi, murid-murid sekolah mungkin terpaksa disuruh balik sebab untuk menjimatkan bahan bakar. Jadi di kawasan pulau yang sebegini besar, sekolah-sekolah menengah, penuntut asrama kena balik ke kawasan kampung masing-masing untuk menjimatkan sebagai contoh minyak tadi sebagai bahan bakar. Jadi inilah kesusahan yang dialami oleh murid-murid di sekolah tersebut.

Asrama. Di sekolah ini tidak ada asrama. Maaf, bukan tiada asrama tetapi mempunyai asrama yang mencukupi sebab yang sama budak-budak terpaksa disuruh balik pada hujung minggu disebabkan asrama yang tidak mencukupi. Bilik kelas yang tidak mencukupi. Ada yang menggunakan makmal sains sebagai bilik kelas dan juga terpaksa bertukar atau pun berkongsi bilik kelas di sebabkan kekurangan bilik kelas tadi. Saya harap bagi sekolah menengah yang begitu penting di kawasan saya, di kawasan luar bandar sebegini saya harap pihak kementerian memberi lebih perhatian kepada keperluan yang mendesak di kawasan sekolah ini.

Bagi maksud pembangunan yang sama Butiran 04600 – Sistem Pengkomputeran Sekolah. Ada sebanyak RM10 juta peruntukan untuk tahun 2021. Saya juga ambil maklum tentang peruntukan sebanyak ini dan saya harap sekolah-sekolah di kawasan Tanjung Manis tidak terlepas daripada agihan komputer-komputer yang begitu penting untuk sekolah-sekolah ini lebih-lebih lagi di masa kita menghadapi PKP dan pergerakan kelas-kelas ataupun perjalanan kelas-kelas agak terganggu sedikit dan memerlukan komputer-komputer untuk mengajar budak-budak semasa mereka tidak pergi bersekolah.

Jadi, perkara terakhir saya mohon kementerian memantau satu projek sakit di SK Penibong disebabkan ada masalah akses ke tempat pembinaan. Jadi diharap dapat diambil perhatian segera. Sekolah baharu tersebut, saya rasa dalam lebih kurang setahun yang lalu bermula tetapi sekarang ini hampir tidak ada pembangunan dibuat, kerja-kerja tapak dibuat disebabkan masalah akses.

Saya juga ingin mengambil merakamkan penghargaan kepada kementerian kerana telah bersetuju untuk membuat kerja-kerja baik pulih untuk sekolah di SK OKMP,

Paloh disebabkan masalah pemendapan dan bangunan yang rosak. Saya dimaklumkan bahawa kerja-kerja pembaikan akan dibuat pada bulan Mac tahun 2021. Jadi saya mohon itu sahaja daripada saya, saya mohon menyokong. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Setiawangsa.

12.15 tgh.

Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Setiawangsa ingin turut serta dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa bagi Kementerian Pendidikan. Bagi Butiran 030100 – Pendidikan Awal. Ada peningkatan daripada sebanyak RM832 juta kepada sebanyak RM896 juta.

Sebagaimana kita semua sedia maklum, pihak Kerajaan Persekutuan menyediakan sebanyak tiga jenis pendidikan pra sekolah. Pertama ialah prasekolah Kementerian Pendidikan. Kemudian kita juga ada tadika KEMAS. Kita juga ada Tabika Perpaduan selain tadika-tadika swasta.

Jadi, apa yang Setiawangsa ingin tekankan ialah mungkin sudah tiba masanya untuk pihak kerajaan memikirkan supaya semua prasekolah Kerajaan Persekutuan ini disatukan di bawah Kementerian Pendidikan supaya ada *coordination* dengan izin dan penyelarasian yang lebih baik. Kita berharap supaya kalau sebab di peringkat sekolah rendah dan di peringkat sekolah menengah, pendidikan yang disediakan oleh pihak kerajaan ini hampir universal, percuma. Kita juga berharap perkara yang sama juga dapat ada di peringkat prasekolah supaya ibu bapa tidak dibebankan dengan tadika swasta yang diwujudkan di bawah seksyen 20 Akta Pendidikan 1996.

Di bawah Butiran 030300 – Pendidikan Menengah. Setiawangsa ingin berharap ada pemantauan keberkesanan pembelajaran atas talian. Kita berdoa *insya-Allah* selepas ini sekolah dapat kembali walaupun dengan norma baharu tetapi kita tidak tahu selagi mana vaksin ini tidak di *deployed* sepenuhnya bila kita mungkin terpaksa tutup sekolah seperti yang berlaku sekurang-kurangnya dua kali pada tahun ini.

Jadi ada rungutan termasuk di peringkat SPM di mana pelajar tidak masuk kelas malah atas sebab bekerja. Jadi ini rungutan yang dibuat oleh guru-guru. Ada laporan yang dibuat oleh UNICEF, *Families on the Edge* yang terbit pada Oktober tahun 2020 tentang PPR di Lembah Klang yang mendapati sebanyak tujuh peratus pelajar menengah atas dan kalau dilihat hanya di kalangan pelajar lelaki sebanyak sembilan peratus yang tidak kembali ke sekolah selepas PKP kali pertama. Jadi, kita khawatir apabila kali ini kita sudah tutup kali kedua, tahun depan peratusan ini akan menjadi lebih tinggi. Kita perlu memantau terutamanya bagi pelajar miskin dan terpinggir supaya jurang pendidikan tidak semakin melebar.

Dalam bagi Butiran 050100 – Latihan Pra Perkhidmatan dan Butiran 050200 – Latihan Dalam Perkhidmatan. Terdapat penurunan kedua-dua butiran untuk Belanjawan 2021. Jadi apabila kita berhadapan dengan COVID-19 dan pasca COVID-19, kita melihat wujud vakum di mana guru-guru perlu cergas memahirkan diri dengan teknologi terkini. Jadi guru-guru perlu belajar buat cara-cara untuk buat *live* dengan alat-alat dan kelengkapan yang sesuai misalnya. Namun, di sana namun wujud ramai lagi guru-guru yang memerlukan bantuan dan bimbingan. Jadi, Setiawangsa mencadangkan agar latihan pra perkhidmatan dan latihan dalam perkhidmatan ini beradaptasi kepada keperluan ini.

Bagi Butiran 060000 – Program Kursus, Butiran 062300 – Program *Teach For Malaysia*. Di mana wujud penurunan ketara untuk tahun 2021. Kalau tahun 2020 *Teach For Malaysia* diperuntukkan sebanyak RM900,000 dan bagi tahun 2021 hanya sebanyak RM192,600.

Jadi, Setiawangsa ingin mendapatkan penjelasan mengapa berlaku penurunan yang ketara ini dan bolehkah kementerian memberi penjelasan keberkesanan program *Teach For Malaysia* daripada segi data dan juga hasil yang telah mereka peroleh. Sepanjang pengetahuan saya, hasil *Teach For Malaysia* ini amat menarik di mana pelajar-pelajar dan graduan terpilih untuk mengajar anak-anak khususnya di kawasan luar bandar yang telah memberikan kesan yang sangat positif dan impak yang begitu baik.

Setakat Mei 2019. Sebanyak 452 *fellow Teach For Malaysia* telah ditempatkan di sekolah-sekolah seluruh negara termasuk sebanyak 130,000 orang pelajar telah mendapat kesan daripada program ini. Jadi, Setiawangsa berharap pihak Kementerian Pendidikan dapat memberi penjelasan dan perhatian kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Setiawangsa di bawah Butiran Kementerian Pendidikan. Terima kasih.

Tuan Penggerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Libaran.

■1220

12.20 tgh.

Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Penggerusi, perbahasan saya hari ini adalah bagi Maksud 63 - Kementerian Pendidikan, butiran anggaran perbelanjaan pembangunan belanjawan kali ini. Kita difahamkan bahawa pendidikan terus menerima peruntukan terbesar iaitu RM50.4 bilion atau 15.6 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan kerajaan.

Ia merangkumi perbelanjaan bagi aspek kesihatan pelajar di sekolah, baik pulih infrastruktur, kemudahan, perbelanjaan dan sebagainya. Maka sejajar dengan fungsi ini

sebagai pusat pembangunan modal insan, Hab Pendidikan Sandakan yang terletak di Sungai Batang bukan sahaja membuka peluang luas kepada pelajar khususnya dari Pantai Timur Sabah untuk melonjak pelajaran dan pengajian malah membantu melahirkan modal insan yang berkualiti dari bandar dan pedalaman Sabah.

Maka penubuhan Sekolah Seni Malaysia (SSeM) memberi peluang kepada anak-anak muda Malaysia yang bekerja dalam bidang seni dan supaya mereka boleh membentuk kerjaya dalam bidang seni ini. Justeru, kerajaan negeri telah pun juga meluluskan dan menyediakan tapak tanah seluas 40 ekar di Hab Pendidikan Sandakan ini sebagai tapak pembinaan Sekolah Seni di Sabah.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sementara menunggu pembinaan bangunan SSeM Sabah di Hab Pendidikan Sandakan ini, SMK Elopura juga telah dijadikan sebagai sebuah tapak sementara pendidikan seni bagi penubuhan Sekolah Seni Malaysia Sabah. Jadi, persoalannya yang saya ingin bangkitkan di sini ialah sejauh mana proses pembinaan bangunan SSeM Sabah di Hab Pendidikan Sandakan dan jangkaan persiapan bangunan ini.

Seterusnya dalam konteks kesejahteraan persekitaran pembelajaran, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa beberapa buah sekolah yang daif di kawasan Libaran ini. Saya ingin nyatakan di sini ialah ini memerlukan bantuan kerajaan ialah seperti SK Rancangan Lubuh, SK Sungai Manila, SK Sungai Tiram, SK Pulau Libaran, SK Tanjong Pisau, SK Sungai Padas, SK Ladang Sandak, SK Sibugal Besar, SK Pamaguan dan SK Nunuyan Laut.

Untuk makluman Tuan Pengerusi, kesemua 10 buah sekolah rendah ini masih dalam proses menunggu verifikasi daripada agensi-agensi yang terlibat. Saya difahamkan juga bangunan-bangunan yang daif ini telah pun menjangkau usia yang begitu lama yang dibangunkan atau dibina lebih daripada 50 tahun yang lalu. Ini memerlukan untuk pembaikan untuk dinaiktarafkan.

Saya ingin merayu supaya segera proses verifikasi demi menjamin kesejahteraan dan keselamatan murid-murid juga guru-guru di sekolah yang terlibat ini. Sekian Tuan Pengerusi, terima kasih banyak.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Klang.

12.24 tgh.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri, saya rujuk kepada Butiran 030200. Dua minggu lalu dalam ucapan penggulungan Yang Berhormat Menteri semasa menggulung belanjawan untuk tahun depan, Menteri Pendidikan mengemukakan formula yang akan memberikan peruntukan sebanyak RM29 juta untuk sekolah-sekolah Tamil. Ini berbanding dengan RM50 juta yang diberikan pada tahun-tahun sebelumnya.

Penurunan peruntukan 42 peratus ini untuk sekolah Tamil adalah sangat mengejutkan. Ini telah mencetuskan kemarahan orang-orang India di Malaysia. Peruntukan sebanyak RM50 juta pada tahun-tahun yang lalu masih belum dapat menyelesaikan semua masalah yang berkaitan dengan penempatan semula sekolah-sekolah Tamil *relocation* yang kurang didaftarkan seperti pembinaan bilik darjah, prasekolah, penyelenggaraan yang lemah dan kekurangan kemudahan di sekolah-sekolah Tamil. Akan tetapi sekarang Yang Berhormat Menteri Pendidikan secara tiba-tiba dan telah mengemukakan satu formula yang sangat tidak adil kepada masyarakat India khususnya anak-anak muda, kanak-kanak yang datang daripada kumpulan B40.

Saya bercadang kepada Yang Berhormat Menteri dan juga Kementerian Pendidikan perlu menyediakan laporan mengenai status sekolah-sekolah Tamil di Malaysia, kemudahan yang ada, keselamatan bangunan, jadual penyelenggaraan dan data-data lain yang relevan sebelum mengurangkan peruntukan untuk sekolah-sekolah Tamil.

Juga Tuan Pengurus kira-kira 65 peratus hingga 70 peratus daripada sekolah Tamil di *location* adalah di luar bandar dan memerlukan *relocation*. Kalau peruntukan dipotong seperti sekarang daripada RM50 juta kepada RM29 juta maka *relocation* ini tidak boleh dijalankan. Ini akan merugikan masyarakat India khususnya kanak-kanak India yang pergi ke sekolah-sekolah ini.

Tuan Pengurus dan Yang Berhormat Menteri...

Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]: Boleh celah sedikit?

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Minta penjelasan.

Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]: Terima kasih. Saya dengar apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Klang tentang peruntukan di mana penurunan ketara yang kita nampak kepada sekolah SJKTC iaitu 42 persen yang telah pun diturunkan kepada RM29 *million* dari tahun lepas RM50 *million*.

Adakah ini secara open yang menunjukkan boleh kerajaan satu-satunya cara untuk tutup sekolah-sekolah Tamil di luar bandar dan juga ini diambil sebagai satu cara oleh kerajaan untuk pastikan bahawa sekolah-sekolah ini akan ditutup pada yang akan datang.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Yang Berhormat Klang, sedikit lagi Yang Berhormat Klang, sekolah. Terima kasih Yang Berhormat Klang. Seterusnya saya ingin tanya mengenai SJKT Ladang Kuala Muda bahagian *home*, di daerah Kuala Muda. Apa rancangan pihak kementerian tentang pengalihan sekolah tersebut ke lokasi baru iaitu Bandar Puteri Jaya. Sebidang tanah sebanyak 10 ekar telah diperuntukkan untuk sekolah oleh OSK Properties Sdn. Berhad, di mana 3.5 ekar telah diagihkan

kepada sekolah Tamil. Bila sekolah tersebut akan dialihkan ke lokasi baru. Mohon jawab. Terima kasih Yang Berhormat Klang.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Yang Berhormat Klang, minta mencelah. Tajuk yang sama. Saya rasa selain daripada pengurangan daripada RM50 juta kepada RM29 juta untuk tahun depan, kementerian juga kena jawab kenapa pada tahun ini RM50 juta yang diperuntukkan ketika Pakatan Harapan menjadi kerajaan hanya diberikan, ini maklumat yang saya dapat pada 10 Disember, jawapan daripada Yang Berhormat Menteri hanya 339 buah SJKT sahaja yang mendapat peruntukan daripada RM50 juta tersebut. Terima kasih.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Minta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab semua isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Langat, Yang Berhormat Padang Serai dan juga Yang Berhormat Rasah.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri sebilangan besar sekolah-sekolah Tamil di Malaysia dibina pada tahun 1970-an, tahun 1980-an. Hampir 70 peratus daripada 527 buah sekolah Tamil terletak di kawasan luar bandar dan mereka sangat memerlukan penambahbaikan, penyelenggaraan dan juga ada sekolah di antara perlu dipindahkan.

Majoriti kebanyakan pelajar sekolah Tamil berasal daripada keluarga B40. Di kebanyakan keluarga India B40, ramai yang berpendapatan upah bekerja terutama di sektor tidak rasmi. Dengan pandemik COVID-19, mereka menghadapi kesulitan serius untuk meletakkan makanan di meja dan juga membayar sewa. Pendidikan untuk anak-anak yang datang dari rumah ini tidak boleh dikompromikan dan minta Yang Berhormat Menteri memahami tidak boleh dikompromikan lagi.

Pemotongan anggaran akan merosakkan operasi dan juga penyelenggaraan sekolah dengan serius dan menolak hak asasi mereka untuk menerima pendidikan yang berkualiti. Adalah tidak adil bagi kerajaan untuk membandingkan...

■1230

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Klang, senarai saya panjang hari ini.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Dua minit, satu minit-satu minit.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Tak boleh, 30 saat, silakan.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: 30 saat? Oh! Okey.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Minta maaf ya, banyak ini.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Okey. Adalah tidak adil kerajaan untuk membandingkan sekolah Tamil dengan sekolah kebangsaan dan sekolah aliran Cina. Data menunjukkan bahawa sekolah Tamil ketinggalan kemudahan yang ada dan memerlukan perhatian yang segera untuk meningkatkannya. Kementerian Pendidikan

juga gagal untuk mempertimbangkan kesan inflasi dan juga kenaikan kos sebelum mengurangkan peruntukan untuk sekolah Tamil.

Kerajaan mesti mendengar rintihan seperti kekurangan kemudahan, kerusi dan meja yang rosak, bumbung yang bocor dan masalah penyelenggaraan lain di sekolah-sekolah Tamil. Pendidikan adalah satu-satu kunci untuk membasmi kemiskinan di kalangan keluarga B40 India. Kerajaan Perikatan Nasional harus meningkatkan peruntukan untuk sekolah Tamil. Kerajaan Pakatan Harapan memberikan RM50 juta dan saya cabar Kerajaan Perikatan Nasional untuk memberikan RM60 juta untuk memberi satu keyakinan kepada golongan India.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: RM100 juta.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Pagoh sebenarnya mempertahankan hak India di Malaysia. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Beaufort.

12.31 tgh.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *Bismillahi Rahmani Rahim.* Saya terus kepada Butiran 03700 – Program Pembangunan Luar Bandar Sabah dan Sarawak. Saya bersetuju, menyokong Yang Berhormat Tanjung Manis tadi bahawa sepatutnya peruntukan ini dibesarkan lagi, ditambah lagi sampai RM1 bilion. Di Sabah, masalah sekolah daif dan kekurangan daripada pelbagai aspek kemudahan sentiasa menjadi permasalahan masyarakat dan juga prasaran pendidikan setempat.

Perkara ini perlu diambil perhatian bagi tujuan penyelenggaraan dan menaik taraf sekolah untuk memastikan sekolah dapat menyediakan pembelajaran yang baik, yang lebih kondusif kepada pelajar. Pembangunan pendidikan Malaysia perlu memberi penekanan dan prihatin bagi kawasan luar bandar. Sekolah-sekolah di bandar dibekalkan dengan kemudahan pembangunan, peralatan yang baik dan lengkap, guru yang terlatih, sumber yang mencukupi. Sebaliknya, peluang menikmati pendidikan bagi murid di luar bandar dan pedalaman amatlah terhad.

Berdasarkan maklumat terkini daripada *dashboard* awam, yang telah siap bagi sekolah daif di negeri Sabah bagi tahun 2020 ialah sebanyak 155 buah dan yang belum bermula adalah sebanyak 65 buah. Saya ingin bertanya, bilakah yang 65 buah yang belum mula ini akan dimulakan? Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah membuat tinjauan dan lawatan ke negeri Sabah, termasuklah ke Daerah Beaufort dan Kuala Penyu di dalam Parlimen Beaufort. Khususnya telah dapat melawat ke Sekolah Kebangsaan Biah pada bulan September 2020.

Sekolah ini adalah sekolah yang jauh dan memerlukan bekalan elektrik, *wiring* dan selalu menghadapi masalah banjir. Saya percaya Yang Berhormat Menteri yang

prihatin yang telah melawat ini akan dapat memberikan peruntukan yang sesuai untuk memastikan sekolah yang berada di luar bandar ini dan jauh terpencil ini mendapat apa yang sepatutnya, khususnya untuk para pelajar di sana.

Saya juga berharap supaya pihak kementerian dapat memastikan projek-projek naik taraf sekolah daif di Sabah dan di kawasan Parlimen Beaufort dapat disegerakan perlaksanaannya. Ada enam dalam kawasan Parlimen Beaufort, Sekolah Kebangsaan Lajau, Sekolah Kebangsaan Berangkup, Sekolah Kebangsaan Mansun, Sekolah Kebangsaan Tempurung dan Sekolah Kebangsaan Kekapur.

Saya juga ingin tahu, apakah cadangan pembangunan yang dibawa ke kawasan luar bandar Sabah? Di tempat manakah lokasi yang dikenal pasti untuk projek-projek yang dicadangkan setelah Yang Berhormat Menteri sendiri melawat dan memerhatikan keadaan yang sebenarnya berlaku di kawasan-kawasan luar bandar ini? Untuk Butiran 01300 – Pendidikan Khas. Murid berkeperluan khas berhak untuk menerima pendidikan yang berkualiti dan inilah komitmen kita sebagai kerajaan yang prihatin. Bukan hanya sekadar kita menerima mereka di sekolah seperti mana yang kita katakan pendidikan yang inklusif, *zero reject policy*.

Akan tetapi kita mahu juga mereka menerima pendidikan yang berkualiti. Saya sarankan supaya pihak kementerian memberikan tumpuan kepada Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI), fasilitet permohonan mereka yang difahamkan sangat daif dan sempit dapat kita perbaiki dan kita tambah baik lagi.

Saya juga ingin tahu, setakat ini berapakah jumlah guru dan murid di pendidikan khas Sabah? Adakah pihak kementerian bercadang untuk menambah bilangan guru di pendidikan khas? Sekiranya tidak mencukupi, pihak kementerian mestilah melatih dan melantik lebih banyak lagi guru pendidikan khas bagi kita memberikan peluang yang sama kepada anak-anak kita yang memerlukan pendidikan khas ini.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Yang Berhormat Beaufort, boleh saya hendak mencelah? Yang Berhormat Pasir Mas, sikit.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Sekejap, sikit sahaja.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Dalam pada untuk penempatan guru itu Yang Berhormat Beaufort, saya juga ingin meminta pandangan Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Beaufort sendiri. Isu seramai 153 orang, jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 sudah ditemu duga tetapi belum diberikan penempatan. Tempoh sah laku sebagai calon simpanan tamat 25 Disember 2020 iaitu 10 hari lagi. Mereka ini sedang terkapai-kapai sekarang ini, mungkin Yang Berhormat Menteri dapat bagi penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat Beaufort.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Dimasukkan di dalam perbahasan saya.

Butiran 010500 – Teknologi Maklumat dan juga Butiran 04600 – Sistem Pengkomputeran Sekolah. Teknologi adalah amat penting pada masa dan ketika ini. Sekarang ini guru-guru dan murid menggunakan sistem *online* untuk pembelajaran. Kualiti capaian internet yang kurang baik menyebabkan kualiti pembelajaran pun tidak mencapai tahap yang kita sasarkan.

Guru dan juga murid menghadapi masalah untuk mencapai apa yang sepatutnya untuk pendidikan di masa yang kita berhadapan dengan pandemik COVID-19 ini. Saya berharap supaya sistem capaian internet ini dapat kerjasama daripada pihak yang berkenaan, dua kementerian bekerjasama bagi memastikan sekolah-sekolah, khususnya yang berada di luar bandar, mendapat capaian internet yang terbaik.

Saya juga ingin menekankan di sini bahawa di sekolah-sekolah di luar bandar disebabkan oleh capaian internet yang tidak baik ini, kebanyakannya komputer-komputer dan *lab-lab* komputer tidak digunakan atau tidak berfungsi. Ini menyebabkan komputer-komputer ini menjadi rosak dan menjadi *obsolete*.

Oleh kerana itulah saya berharap supaya perkara yang amat penting ini sepatutnya kita lihat semasa kita berhadapan dengan pandemik COVID-19 ini. Ini adalah sesuatu yang menjadi norma baharu, maka ia harus diberikan perhatian yang serius oleh pihak Kementerian Pendidikan. Saya ingin juga menyatakan di sini...

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Beaufort.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: ...bahawa agar sistem DELIMA yang sedang dilaksanakan sekarang ini...

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat, panjang sangat Yang Berhormat Beaufort.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: ...dapat dimanfaatkan oleh semua sekolah, guru, pelajar dan juga ibu bapa. Memastikan pendidikan dalam negara kita dalam apa jua pun keadaan adalah yang terbaik. *Insya-Allah*. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih Yang Berhormat Beaufort, Yang Berhormat Sekijang.

12.37 tgh.

Puan Hajah Natrah Ismail [Sekijang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 060800 – Bantuan Makanan Asrama, Butiran 060900 – Rancangan Makanan Tambahan dan Butiran 061400 – Bantuan Makanan Prasekolah. Saya menyambut baik peruntukan yang diberikan bagi tujuan bantuan makanan kepada murid-murid sekolah. Saya juga ingin mencadangkan agar bantuan makanan kepada murid-murid ini bukan sahaja diberikan kepada murid-murid prasekolah dan sekolah rendah sahaja.

Namun, perlu juga diperluaskan kepada pelajar-pelajar di sekolah menengah dan di institusi pengajian tinggi agar tiada anak didik daripada kalangan keluarga yang susah (B40) yang akan tercicir untuk mendapat bantuan makanan ini. Saya juga menyokong usaha kerajaan dalam melaksanakan Program Makanan Percuma di semua sekolah rendah di seluruh negara.

Namun, yang menjadi kerisauan saya, apakah jaminan kerajaan dalam memastikan kualiti makanan yang disediakan memenuhi keperluan nutrisi kepada murid-murid? Bagaimanakah kriteria bagi menentukan pembekal atau pengusaha menyediakan makanan ini? Berapakah kos keseluruhan program ini yang akan ditanggung oleh pihak kerajaan?

Saya juga difahamkan Program Susu Sekolah (PSS) hanya diberikan tiga kali seminggu sahaja. Mengapakah pemberian susu ini tidak diberikan setiap hari kepada murid-murid yang terlibat? Saya berharap agar pihak kerajaan akan memandang serius akan perkara ini supaya tidak timbul isu penyelewengan dan keracunan makanan di kalangan pelajar atau murid-murid.

Seterusnya, saya ingin menyentuh Butiran 061800 – Penyertaan Pelajar di Peringkat Antarabangsa. Saya ingin tahu perincian kepada butiran ini. Saya juga ingin menarik perhatian kepada pihak kementerian berkaitan Program Inovasi yang telah dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Saya difahamkan ada syarikat-syarikat tertentu yang akan membantu dengan menaja kos penglibatan pelajar di dalam program di peringkat antarabangsa kepada sekolah-sekolah yang terpilih sahaja. Walhal, banyak sekolah-sekolah yang sama ada dari sekolah rendah mahupun sekolah rendah juga ingin melibatkan diri dalam Program Inovasi ini.

■1240

Saya juga ada menerima maklum balas daripada beberapa buah sekolah yang terlibat. Rungutan yang diterima daripada pihak sekolah ialah tiada dana khas yang diperuntukkan dan bantuan yang diberikan oleh pihak PIBG masih lagi tidak mencukupi. Hal ini bertambah serius apabila guru-guru terpaksa mengeluarkan wang sendiri bagi menampung kos perbelanjaan untuk membolehkan pelajar-pelajar mereka melibatkan diri dalam program ataupun pertandingan di peringkat daerah, negeri ataupun kebangsaan dan seterusnya ke peringkat antarabangsa. Saya beranggapan pelajar-pelajar ini berpotensi untuk diketengahkan dengan adanya daya inovasi dan kreativiti yang mereka miliki melalui penyertaan dalam pertandingan-pertandingan di peringkat yang telah saya sebutkan tadi.

Seterusnya, akhir sekali saya merujuk kepada Kepala P.63 Butiran 01100 – Bantuan Modal. Saya ingin tahu dengan lebih terperinci pecahan kepada bantuan modal yang disalurkan oleh pihak kementerian. Saya juga ingin ketengahkan isu berkaitan dengan Sekolah Menengah Agama Al-Khairiah, Kampung Gubah, Segamat. Sekolah

ini berstatus sekolah bantuan modal kerana sekolah ini terletak di dalam kawasan tanah wakaf. Saya juga telah meninjau keadaan sekolah ini. Apa yang saya dapati, sekolah ini serba kekurangan terutamanya daripada segi pembangunan fizikalnya. Dengan keadaan sekolah yang sempit, tiada padang sekolah dan kerosakan infrastruktur bangunan, ia akan memberi kesan langsung kepada pembelajaran dan pelajar-pelajar.

Sebelum ini ada perancangan untuk memindahkan lokasi sekolah ini namun sehingga kini tiada tindakan yang dilakukan oleh pihak kerajaan. Oleh itu, saya ingin mencadangkan agar sekolah ini dipindahkan ke satu lokasi yang lain. Saya juga difahamkan terdapat sebidang tanah keluasan 25 ekar terletak di kawasan Bukit Siput, Segamat. Sekolah tersebut merupakan tanah milik Kementerian Pendidikan Malaysia. Saya berharap agar pihak kementerian dapat mempertimbangkan agar pemindahan Sekolah Menengah Agama Al-Khairiah, Kampung Gubah ini disegerakan dengan hanya penambahan kos pembinaan sekolah di kawasan yang telah dicadangkan.

Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi .

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Kinabatangan.

12.42 tgh.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 03000 – Koperasi Pendidikan dan juga Butiran 03700 – Program Pembangunan Luar Bandar Sabah dan Sarawak.

Tuan Pengerusi, termasuk kita dalam Dewan Rakyat ini semua pemimpin membicarakan soal perpaduan. Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh. Bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat. Akan tetapi, sebetulnya kitalah manusia yang paling hipokrit. Manis di bibir, pandai bermain lidah. Kita tidak sedar kita telah awal-awal memecahbelahkan perpaduan anak-anak kita dengan sekolah pengasingan dan sebagainya.

Justeru itu, hari ini saya ingin bertanya dengan kementerian, adakah kementerian ini berhasrat untuk mewujudkan satu sekolah perpaduan iaitu semua sekolah di situ. Sekolah kebangsaan ada, sekolah jenis kebangsaan ada, tetapi dalam satu kawasan. Dalam kantin yang sama, dalam padang yang sama. Bermakna mereka walaupun berlainan sekolah yang mereka pelajari tetapi dalam satu lingkungan mereka masih berkomunikasi antara satu dengan yang lain. Ini penting, sebab untuk merealisasikan perpaduan dan kesatuan ini perlu ada usaha.

Saya percaya Yang Berhormat Menteri yang ada pada hari ini dia mempunyai kebijaksanaan. Justeru itu, mulakan tahun depan. Mungkin satu, dua, tiga sekolah setiap negeri. Satu sekolah perpaduan ini – biar anak-anak kita – mereka bersatu padu,

mereka tahu ada jati diri. Mereka tahu siapa pemimpin mereka, dari mana asal usul mereka.

Ini tidak. Selepas itu – tetapi dalam ceramah-ceramah politik – Ah, semua berpadulah apa lah. Temberang sahaja orang Sabah cakap. Jadi, ini saya rasa saya cadangkan kepada pihak kementerian supaya laksanakan sekolah perpaduan untuk memastikan kebenarannya bahawa kita inginkan perpaduan kaum dalam negara kita ini dapat dipupuk daripada awal-awal lagi.

Butiran 03700, berkaitan dengan pembangunan sekolah luar bandar. Di Sabah ini, masih banyak sekolah-sekolah yang perlu diperbaiki dan saya meminta kementerian ini berbincanglah dengan Kerajaan Negeri Sabah untuk memastikan bagaimana kita cuba mengatasi isu dan masalah yang dihadapi. Contohnya capaian internet. Baru-baru ini sekolah-sekolah kita, seluruh dunia diserang oleh virus COVID-19 dan sudah tentu ada mekanisme baharu. Pendidikan dan pembelajaran melalui *online* dan sebagainya.

Akan tetapi, di luar bandar, mana ada capaian internet. Mana ada *online*-nya. Apabila tidak ada, maka tercicirlah pelajar-pelajar ini. Mereka tidak dapat tinggal menelaah pelajaran di rumah masing-masing. Jadi, ini pun perlu kita ambil kira. Yang Berhormat Menteri turun nanti di Sabah, bincang, kita cari jalan penyelesaian bagaimana mahu mengatasi masalah. Memang, kalau diatasi sekali gus memang berat. Saya akui. Akan tetapi, kita *stage by stage*, berperingkat dan berperingkat. Kita lihat bagaimana kesesuaian yang kita boleh ambil kira dengan keadaan-keadaan, masalah-masalah yang dihadapi ini.

Selepas itu, saya rasa kita akan boleh berpuas hati, boleh berbangga. Ini kerana, kita dapat mencari penyelesaian yang sebenar-benarnya untuk mengatasi masalah-masalah yang kita hadapi ini. Kita tidak pasti bila serangan COVID-19 ini akan berhenti sebab tidak ada satu formula yang menyatakan ia akan berhenti ataupun akan hilang begitu sahaja. Kita tidak tahu pula apa musibah yang mendatang pada masa akan datang.

Justeru itu, kita harus mencari pendekatan baharu dan penyelesaian yang baharu untuk memastikan bahawa anak-anak murid kita boleh bersaing dengan anak-anak murid di seluruh negara. Orang kata kalaupun bersilat, biarlah dalam gelanggang yang sama rata. Bukan pula satu bersilat dalam suasana yang baik, satu pula dalam rumput dan duri-duri yang mencucuk kaki mereka. Jadi, ini sudah tentu akan menghalang kecapaian pembelajaran pelajar-pelajar di luar bandar. Saya minta Yang Berhormat Menteri untuk mengambil perhatian dan tindakan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Saya ada pilihan. Sebelum Yang Berhormat Menteri gulung – Yang Berhormat Menteri boleh menggulung? Sedia? Akan tetapi, saya berikan satu kepada belah sini [*Merujuk kepada blok pembangkang*],

sini [*Merujuk kepada blok kerajaan*] kemudian Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Batu Kawan, silakan.

12.48 tgh.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Pengerusi atas peluang untuk Batu Kawan untuk membahas peringkat Jawatankuasa perbelanjaan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Saya mulakan dengan Butiran 01300 – Pendidikan Khas. Peningkatan RM33 juta sehingga RM60 juta. Saya ingin tahu di manakah wujudnya peningkatan ini kerana pada masa COVID-19 yang mana tempat-tempat ataupun lebih khususnya institusi pendidikan, sekolah-sekolah dan juga sekolah-sekolah pendidikan khas ditutup. Maka, ibu bapa menghadapi satu keadaan yang begitu sukar untuk mereka mengawal atau menjaga anak-anak mereka yang OKU. Saya lihat di sini pada masa tersebut tiada apa-apa kenyataan ataupun tindakan yang tegas ataupun proaktif daripada pihak kementerian untuk membantu ibu bapa yang perlu menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah pendidikan khas ini.

Walaupun saya menyambut baik peningkatan ini dan saya rasa ini merupakan satu langkah yang baik, tetapi dengan izin *the devil is always in the details*. Maka, saya ingin tahu butiran bagaimana RM33 juta ini yang dinaikkan sehingga RM60 juta akan diagihkan untuk pendidikan khas terutama sekali sekiranya wujud gelombang keempat atau kelima yang mana anak-anak OKU atau anak-anak istimewa ini tidak dapat atau dihalang daripada dihantar ke sekolah-sekolah pendidikan khas.

Seterusnya, Tuan Pengerusi saya menyentuh Butiran 010300 – Pembangunan Infrastruktur yang juga melihat peningkatan RM21 juta hingga RM23 juta. Yang ini saya ingin membawa satu isu khas di kawasan saya, SMK Valdor. Saya mendapat tahu bahawa lebih 20 tahun SMK Valdor mohon untuk satu dewan terbuka untuk sekolah mereka.

■1250

Selepas tahun 2018 di mana kami menjadi kerajaan, saya dibenarkan masuk ke sekolah tersebut sebab pembangkang pada masa itu dilarang masuk. Bila saya masuk dan saya lihat, saya lihat keperluan itu amat terdesak untuk satu dewan terbuka maka saya mulakan satu *working group* bersama dengan PIBG, bersama dengan JKR, bersama dengan badan sekolah dan bersama dengan MPKK di kawasan tersebut untuk kami mencari satu jalan penyelesaian dan juga komitmen saya menggunakan peruntukan ICU saya RM400,000 untuk membina satu dewan terbuka.

Malangnya selepas Langkah Sheraton bulan Februari 2020 tahun ini, semua rancangan kami, *paperwork* kami dihentikan dan ICU tidak mendapat apa-apa makluman mengenai bagaimana peruntukan saya boleh digunakan atau diagihkan

walaupun ada peruntukan saya. Maka, saya menulis surat kepada Perdana Menteri dan cc kepada Kementerian Pendidikan (MOE) apakah status pembinaan dewan tersebut sebab wang ada. Wang saya yang diagihkan tetapi sehingga hari ini tidak ada apa-apa jawapan, pengetua pun tanya saya, “*Yang Berhormat, apa cerita dengan dewan terbuka SMK Valdor*”.

Jadi, saya harap dengan pengumuman Yang Berhormat Menteri dalam ucapan penggulungan dasar akan diagihkan RM50 juta untuk pembinaan dewan terbuka maka saya harap SMK Valdor akan terlibat sama sebab *what we are asking is just RM400,000, not millions* Yang Berhormat Menteri. Jadi, saya harap memang terdesak sungguh, 20 tahun minta *at least we try to do what we can* untuk sekolah tersebut.

Seterusnya saya menyentuh Butiran 020100 – Dasar Pendidikan. Saya kecewa sedikit dengan penurunan peruntukan daripada RM22 juta hingga RM20 juta. Namun, soalannya adalah adakah dasar ini juga akan merangkumi sukatan baharu bagi menambah baik kandungan pendidikan seks untuk anak-anak kita, *good touch and bad touch*, kerja-kerja baik yang dilakukan oleh NGO-NGO, adakah ia akan terlibat ataupun akan ditambah dalam dasar pendidikan negara?

Kita lihat memang wujud, ada sukatan pendidikan seks tetapi pada pandangan saya dengan melihat kadar jenayah seksual di antara anak-anak muda di negara kita ini dengan izin, *spike* di masa MCO atau PKPB ini, saya rasa sangat-sangat risau akan masa depan anak-anak kita. Jadi, dasar pendidikan ini harus ditambah baik. *We have to keep up with times* Yang Berhormat Menteri, Tuan Pengurus. *You cannot use what you use 30 years ago or 40 years ago*.

Pendidikan seks hari ini bukan satu topik atau tajuk yang *taboo*. Kita perlu menghadapi, *we have to talk about it* dan kita perlu menyediakan sukatan yang betul dan baik untuk anak-anak kita dan mulakan pengajaran tersebut, bukan cuba untuk – *to cover-up what sex education is all about*. Pada masa yang sama saya ingin tanya juga sama ada sukatan mengenai hak asasi manusia dan juga perubahan iklim akan termasuk sama dalam penambahbaikan dalam dasar tersebut?

Sedikit lagi saya mengulas Tuan Pengurus. Saya juga ingin tahu apakah justifikasi penurunan peruntukan bersama dengan rakan-rakan saya ini daripada RM50 juta hingga RM29 juta bagi sekolah-sekolah Tamil. Sekolah-sekolah mubaligh juga melihat satu penurunan RM50 juta sehingga RM20.9 juta. Saya ingin tahu apakah justifikasi tersebut. Di alam sekarang ini, di masa kita bergelut dengan pandemik COVID-19, maka saya rasa peningkatan itu adalah wajar. Saya menyokong Ahli Parlimen Klang untuk minta, mohon, mendesak dan menuntut kepada kerajaan agar menaikkan peruntukan RM50 juta hingga RM60 juta.

Sedikit sahaja lagi Tuan Pengurus. Saya juga ingin *put on record here* di bawah Kerajaan Pakatan Harapan, lima buah sekolah Tamil di kawasan saya, Parlimen Batu

Kawan secara keseluruhan telah menerima RM670,000. Saya ingin maklumkan di sini, sekiranya kita ikut kiraan yang diberikan, 527 sekolah Tamil di Malaysia, agihan RM29.9 juta maka secara purata sebuah sekolah Tamil akan menerima RM56,888. Kalau kita darab lima untuk lima sekolah Tamil di kawasan saya Yang Berhormat Menteri, mereka hanya akan dapat RM284,000. *Now, they are short-change because* di bawah Pakatan Harapan, *these five schools* menerima RM670,000. Di bawah Kerajaan PN, kalau lima sekolah ini hanya akan menerima RM284,440.

Yang Berhormat Menteri, *I think the future of the country* adalah dalam tangan Yang Berhormat Menteri. *In education, you can help B40 families, you can help Orang Asli children, you can help young people who are dropping out to school. The onus is on you.* Dalam isu pendidikan, *we are all here to support good policies* dan juga *mechanism* bagaimana peruntukan ini akan diagihkan.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Saya, untuk penggulungan Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Menteri sudah hendak jawab sudah lepas...

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Saya menerima jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri dalam ucapan penggulungan sebagai jawapan kepada usul yang dibawa atau isu masalah yang dibawa oleh Yang Berhormat Jelutong. Namun, saya tidak lihat bagaimana pengiraan atau justifikasi penurunan tersebut.

Saya lihat satu penjelasan hanya dalam bentuk satu carta seperti ini. *[Menunjukkan dokumen yang dipegang] It just says 162 SJK(T) kerajaan dan 365 SJK(T) sekolah bantuan kerajaan dan RM29.98 juta diagihkan but there is no pengiraan here. Why is there a reduction? That is what we want to know. Why is there a reduction?*

Saya tidak nampak pun dalam belanjawan tetapi saya rasa rakan-rakan saya sudah menyentuh. *It doesn't appear sekolah Cina, sekolah mualigh, it doesn't appear secara butiran khas dalam perbelanjaan.* Jadi, saya ingin tahu mekanisme bagaimana peruntukan ini akan diagihkan? Saya harap Yang Berhormat Menteri akan berikan jawapan dalam Dewan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat, *last sekali dalam senarai saya, Yang Berhormat Setiu ada?*

Dato' Sri (Dr.) Richard Riot anak Jaem [Serian]: Boleh bagi Serian?

12.56 tgh.

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Pengerusi [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Serian, saya dapat senarai daripada SUDR, maaf.

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: *Alhamdulillahi rabbil 'alamin, wassalatu wassalamu ala asrafil ambiya iwal mursalin, wa 'ala alih wasahbihi ajma'in.* Tuan Pengerusi, saya terus kepada Butiran 040300 – Pembangunan Kurikulum. Pembangunan kurikulum pembelajaran *remote learning* ataupun *online-based learning* dengan izin Tuan Pengerusi. Kebanyakan isu yang dihadapi oleh guru adalah murid-murid yang tidak memberi kerjasama untuk menghadiri kelas yang disediakan.

Sebagai contoh, apa yang tular sebelum ini seorang guru yang menunggu pelajar SPM berjam-jam untuk mengikuti kelas pengajian namun tidak ada seorang pun murid yang menyertainya. Perkara ini menyebabkan KPI yang diletakkan oleh kementerian tidak dapat dicapai apabila hanya guru yang memainkan peranan. Justeru, apakah langkah kerajaan bagi memastikan pelaksanaan pengajaran secara atas talian ini mendapat kerjasama dari kedua-dua pihak agar sasaran kerajaan dalam bidang pendidikan dapat dicapai melalui pembelajaran atas talian.

Butiran yang kedua 010400 – Pengurusan Sumber Manusia. Saya menyentuh perkara ini apabila mendapat aduan di mana proses kemasukan guru-guru Semenanjung yang berkhidmat di Sarawak membebankan para guru. Pihak Sarawak State Disaster Management Committee (SDMC) dengan izin Tuan Pengerusi telah mengeluarkan surat bahawa guru-guru yang ingin kembali bertugas wajib di kuarantin di tempat kuarantin dan membuat *swab test* sebanyak dua kali.

Polisi ini hanya dijalankan di Sarawak namun begitu pihak kerajaan negeri tidak akan menanggung kesemua kos tersebut yang mencécah RM2,400 bagi seorang guru. Oleh itu, saya mencadangkan agar pihak kementerian mengadakan perbincangan dengan pihak SDMC bagi mengurangkan beban guru dengan mengkaji semula arahan tersebut serta membenarkan mereka untuk kuarantin di rumah sahaja.

Seterusnya Butiran 010300 – Pembangunan Infrastruktur. Di kawasan saya di kawasan Parlimen Setiu ada sekolah-sekolah yang sering ditenggelami banjir. Antaranya Sekolah Kebangsaan Kampung Bukit dan Sekolah Kebangsaan Sungai Las. Ada juga permohonan yang saya telah utarakan sebelum ini iaitu kerosakan pagar Sekolah Kebangsaan Renek, pembinaan dewan sekolah Menengah Renek. Baru-baru ini, akibat daripada banjir pagar Sekolah Kebangsaan Chalok mengalami kerosakan. Jadi, saya mahu supaya semua yang rosak ini dibaiki segera sebelum sesi persekolahan bermula.

Seterusnya Butiran 030300 – Pendidikan Menengah. Program Jawi, Al-Quran, Arab dan Fardu Ain (JQAF) dilihat berjaya memperkasakan pendidikan Islam dan penghayatannya dalam kalangan murid-murid Islam di sekolah rendah. Pendidikan Islam dalam sistem pendidikan negara perlu diperkasakan dengan memberi nafas

baharu dan peranan yang lebih besar kepada Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pendidikan Malaysia. Oleh itu, saya mencadangkan agar program ini diperluaskan lagi kepada pelajar sekolah menengah, hal ini kerana masih terdapat ramai murid yang telah berada di peringkat menengah namun masih lagi tidak menyelami aspek fardu ain.

■1300

Butiran seterusnya Butiran 020100 – Dasar Pendidikan. Terdapat beberapa kajian yang telah dilaksanakan atas *syllabus* pengajian sekolah rendah dan menengah yang didapati tidak bersesuaian untuk pengajaran secara *online*. Oleh itu, merujuk kepada Butiran 020100 – Dasar Pendidikan, adakah *home-based learning*, dengan izin Tuan Pengurus, dapat memberikan kesan menyeluruh kepada pelajar?

Masihkah relevan *syllabus* pembelajaran dengan kaedah semasa COVID-19 iaitu pembelajaran secara *online*? Adakah pihak kementerian ada bercadang untuk mengkaji semula *syllabus* sedia ada kepada satu *syllabus* yang bersesuaian untuk digunakan melalui pendekatan secara atas talian?

Terima kasih Tuan Pengurus.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Yang Berhormat Setiu.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Yang Berhormat Setiu, minta laluan.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Sik.

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Saya ada 42 saat lagi.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Mohon sedikit laluan ya.

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Okey, boleh, boleh.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Yang Berhormat Setiu beri kepada Sik ya?

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Dua-dua boleh.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) mempengerusikan Jawatankuasa]

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Tuan Pengurus, Sik juga mohon maklum balas daripada kementerian berkaitan satu laporan dalam portal mengenai nasib 153 calon simpanan guru yang memperoleh keputusan cemerlang dalam temu duga yang berlangsung pada bulan September dan Oktober 2019 yang lalu.

Jadi, yang membimbangkan ialah nasib mereka apabila mereka berdepan dengan tarikh luput sebagai calon simpanan pada 25 Disember ini. Apakah pihak kementerian melihat isu ini untuk diselesaikan segera untuk menempatkan guru-guru yang telah lulus dengan cemerlang temu duga ini? Terima kasih.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Minta, Yang Berhormat Setiu, sedikit sahaja. Sedikit sahaja. Saya hendak...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Satu minit sahaja.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Setiu berkaitan dengan perkembangan terkini IPG. Adakah diteruskan oleh pihak kementerian ataupun ditamatkan sebagaimana diuarkan sebagaimana dalam Kerajaan PH terdahulu? Adakah Yang Berhormat Setiu bersetuju dengan persoalan ini?

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Terima kasih. Tuan Pengerusi, saya mohon supaya ucapan kedua-dua Ahli Parlimen tadi dimasukkan sebagai sebahagian daripada ucapan saya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Setiu. Yang Berhormat, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk menjawab. Masa 30 minit.

1.02 tgh.

Menteri Kanan Pendidikan [Dr. Radzi bin Jidin]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sepertimana yang kita tahu, Belanjawan 2021 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan merupakan satu usaha yang amat penting bagi memelihara kesejahteraan rakyat.

Mengambil kira bahawa pendidikan adalah satu pelaburan yang paling penting dalam membina sebuah negara yang berdaya maju dan mampu bersaing di peringkat global, KPM menerima peruntukan terbesar iaitu sebanyak RM50.36 bilion atau 15.6 peratus daripada jumlah keseluruhan cadangan perbelanjaan kerajaan. Daripada jumlah peruntukan tersebut, sebanyak RM47.27 bilion atau 93.9 peratus adalah untuk perbelanjaan mengurus dan 3.09 bilion atau 6.1 peratus adalah untuk perbelanjaan pembangunan.

Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan butiran yang berkaitan Kementerian Pendidikan Malaysia sebentar tadi. Ini termasuklah Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Batu Kawan, Yang Berhormat Beaufort, Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Sekijang, Yang Berhormat Klang, Yang Berhormat Libaran, Yang Berhormat Tampin, Yang Berhormat Setiawangsa, Yang Berhormat Simpang Renggam, Yang Berhormat Jempol, Yang Berhormat Kulai, Yang Berhormat Langkawi, Yang Berhormat Bukit Gantang, Yang Berhormat Padang Terap dan Yang Berhormat Tanjung Manis.

Pertama sekali, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada pertanyaan-pertanyaan yang telah disampaikan sebentar tadi dan sepertimana yang kita sedia maklum, saya hanya mempunyai 30 minit untuk menjawab persoalan tersebut. Telah

banyak persoalan berkaitan dasar yang telah saya jawab dalam penggulungan di peringkat Dasar tempoh hari. Namun, ada beberapa perkara dasar yang disentuh dalam perbahasan kali ini yang saya rasakan perlu diberi penekanan penting khususnya berkaitan dengan dasar kurikulum kita.

Yang Berhormat Langkawi menyentuh berkaitan dengan kaedah yang kita gunakan dalam pendidikan. Ada beberapa orang lagi Yang Berhormat yang menyatakan bahawa kaedah yang kita gunakan mesti mengambil kira perkembangan semasa, mesti mengambil kira situasi penggunaan teknologi dan sebagainya.

Inilah antara perkara-perkara yang sentiasa diberikan penekanan oleh Kementerian Pendidikan dalam konteks memastikan bahawa usaha-usaha yang dilaksanakan ini mengambil kira perkembangan teknologi dan mengambil kira digitalisasi di dalam Kementerian Pendidikan di semua peringkat termasuklah di sekolah melibatkan guru, murid dan pelajar.

Perkara ini adalah terkandung dalam beberapa butiran dalam Belanjawan 2021. Pertama sekali di bawah Butiran 010500. Ramai Ahli Yang Berhormat menyentuh mengenai Butiran 010500 berkaitan dengan teknologi maklumat. Dalam konteks ini, kerajaan akan menaiktarafkan capaian *internet* sekolah dengan capaian berkelajuan 30 hingga 100 Mbps kepada 100 hingga 800 Mbps melalui rangkaian bersepadu sektor awam MyGov*Net yang disediakan oleh MAMPU bermula pada pertengahan tahun 2021.

Ada tadi Ahli Yang Berhormat menyentuh berkaitan dengan sambungan internet di kawasan-kawasan luar bandar khususnya di Sabah dan Sarawak dan di kawasan pedalaman di Semenanjung. Perkara ini telah saya sentuh sebelum ini bahawa hampir di semua sekolah telah ada sambungan internet.

Untuk sekolah-sekolah yang tidak dapat disambung kepada jalur lebar, maka sekolah-sekolah ini akan disambung melalui VSAT dan semua sekolah yang masih belum mendapat sambungan ini akan dapat disambung dijangkakan pada bulan Februari 2021. Itu pertanyaan berkaitan dengan teknologi maklumat.

Ada juga yang menyentuh berkaitan dengan apakah kerangka dasar KPM dalam usaha mengambil kira perkembangan semasa, mengambil kira keadaan COVID-19, mengambil kira keadaan bahawa pelajar-pelajar tidak dapat ke sekolah. Inilah antara perkara yang KPM sedang rangka di bawah dasar digitalisasi untuk melihat infrastruktur-infrastruktur yang ada untuk melihat apakah aplikasi-aplikasi yang boleh digunakan dan untuk memastikan bahawa usaha-usaha menyeluruh dibuat.

Jadi, perkara ini mengambil sedikit masa kerana sewaktu berlakunya COVID-19 ini, kita tidak menjangka bahawa keadaan tersebut akan berlaku. Jadi pada waktu itu, kita gunakan apa-apa sahaja sumber yang ada bagi membolehkan supaya kita dapat

memastikan pelajar-pelajar dapat terus mengikuti pembelajaran mereka di rumah melalui pelbagai kaedah.

Dalam Bajet 2021, diumumkan bahawa dalam usaha untuk memastikan kesalinghubungan sekolah dalam konteks jalur lebar, maka RM500 juta telah diperuntukkan di bawah inisiatif digital negara JENDELA di bawah KKMM. Ini akan melibatkan sekurang-kurangnya 430 buah sekolah di seluruh negara.

KPM juga telah diberikan satu peruntukan oleh GLC melalui projek rintis pemberian komputer riba kepada 150,000 murid di 500 buah sekolah dan ini dilaksanakan melalui Yayasan Hasanah.

Selain itu, kita juga dalam Bajet 2021 mendapat peruntukan di bawah Butiran 01800 – Bahagian Teknologi Pendidikan untuk kajian *baseline* infrastruktur ICT. Apabila kita ingin laksanakan pendigitalan di peringkat sekolah, kita dapat kita tidak mempunyai data-data yang lengkap tentang kemudahan ICT secara keseluruhannya di sekolah.

Apa yang berlaku, ada sekolah yang mungkin tidak menerima peruntukan daripada kerajaan tetapi telah menerima sumbangan *laptop* dan sebagainya daripada GLC, NGO dan sebagainya. Kita ingin melihat apakah status keadaan di setiap buah sekolah. Jadi, *alhamdulillah*, dalam Bajet 2021, kita menerima peruntukan tersebut. Juga, kita akan terus melaksanakan penggantian peralatan ICT di bawah Butiran 010500 untuk teknologi maklumat.

Selain daripada itu, kita juga akan melakukan penambahbaikan dalam konteks kandungan bahan-bahan untuk dimasukkan dalam pelantar DELIMa yang disebut oleh Yang Berhormat Simpang Renggam tadi. Berapakah kos yang kita tanggung untuk membangunkan DELIMa untuk tahun ini? Tidak ada kos. Dalam belanjawan tahun depan, dalam sekitar lebih sedikit daripada RM1 juta untuk tujuan tersebut. Itu untuk DELIMa.

Seterusnya...

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Menteri.

■1310

Dr. Radzi bin Jidin: Sekejap Yang Berhormat, saya ingin menjawab apa yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Simpang Renggam, juga berkaitan dengan apa yang disebutkan tadi, Syarikat Radius One, berkaitan dengan TV Pendidikan.

Untuk makluman Yang Berhormat Simpang Renggam, sepertimana saya jelaskan dalam penggulungan peringkat Dasar tempoh hari. Pada waktu itu masih ada 79 buah video yang masih belum direkodkan sekarang, semuanya telah direkodkan.

Saya mempunyai data-data lengkap berkaitan dengan hal ini, yang mana di peringkat suntingan ada 383 buah video, peringkat tayang kaji ada 29 buah video, peringkat pembetulan ada 191 buah video, peringkat lulus SME ada 29 buah video,

peringkat lulus *master* ada 29 buah video, peringkat TVP *engage* ada 72 buah video, peringkat *packaging* TVP ada 12 buah video, peringkat *engage* RTM ada tiga buah video, peringkat lulus tayang ada sembilan buah video dan 43 buah video telah ditayangkan.

Itu adalah berkaitan pertanyaan Yang Berhormat Simpang Renggam mengenai apa yang disebutkan tadi TV Pendidikan. Silakan.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Menteri, saya amat terkejut dengan peruntukan yang akan diberikan kepada DELIMA sebanyak RM1 juta lebih di mana kalau— Saya yakin semua boleh pergi ke laman web DELIMA, ia hanya *gateway* umpama *Google Search* untuk pergi kepada pautan-pautan yang lain. Jadi, ini satu jumlah yang besar diperuntukkan hanya untuk membina laman web yang boleh dilakukan secara percuma, secara dalaman.

Keduanya, soalan berkaitan dengan perisian yang telah dibina oleh KPM, yang telah ditempatkan di *Frog VLE*. Kenapa masih berada di *Frog VLE* dan bukan di DELIMA? Sepatutnya kita mengambil balik kerana ia milik KPM.

Ketiganya, saya rasa Syarikat Radius One merupakan syarikat yang luar biasa. Kita tanya tidak sampai sebulan, mereka tidak siap 700 lebih video, tetapi hari ini telah siap kesemuanya. Ini sungguh luar biasa. Saya rasa pertama kali syarikat *production house* boleh siapkan 700 lebih video dalam tempoh kurang sebulan. Ini amat luar biasa. Persoalan yang kita risaukan, ibu bapa risaukan, guru risaukan adalah kualiti yang disiapkan dalam enam bulan tidak boleh siap tetapi dalam kurang sebulan boleh siapkan 700 lebih video. Ini amat luar biasa. Terima kasih.

Tuan Pengurus [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Menteri.

Dr. Radzi bin Jidin: Yang Berhormat, saya hendak betulkan sedikit. Bukan tidak siap keseluruhan 700 buah video dalam tempoh tersebut. Sepertimana saya katakan tadi, semuanya sudah siap, kecuali 79 buah video pada waktu itu, di peringkat akhir. Jadi, yang 79 buah video ini sudah siap. So, maknanya secara keseluruhan, penggambaran telah diadakan untuk kesemua 800 buah video.

Jadi, Yang Berhormat, berkaitan dengan yang lain itu, telah saya jelaskan tadi bahawa apa yang disebutkan tadi sewaktu saya sebut tempoh hari masih ada di peringkat-peringkat tertentu dan syarikat ini telah menyelesaiannya. Jadi, saya rasa saya tak nak *drag* perbincangan ini terlalu panjang kerana ia jelas dilaksanakan melalui tatacara tertentu jadi ia merupakan usaha kementerian pada waktu itu untuk memastikan kita dapat menyediakan satu kemudahan TV Pendidikan untuk anak-anak kita dalam tempoh yang cukup kritikal, dalam tempoh yang cukup singkat.

Yang Berhormat perlu ingat bahawa sewaktu kita perkenalkan TV Pendidikan waktu itu, *terrestrial* TV Pendidikan sudah tidak ada. TV Pendidikan hanya datang daripada internet sahaja. Maka, kita mengambil keputusan mencari jalan apakah

kaedah yang ingin dilaksanakan sebab itulah kita berusaha dengan pelbagai pihak berkaitan dengan hal ini. Jadi, saya rasa itu berkaitan dengan teknologi, saya sentuh sedikit sebanyak.

Ramai Ahli Yang Berhormat tadi bertanyakan tentang sekolah daif. Yang Berhormat Kulai ada sentuh sekolah daif. Yang Berhormat Kinabatangan ada sentuh, Yang Berhormat Jempol ada sentuh, Yang Berhormat Beaufort ada sentuh berkaitan dengan sekolah daif...

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Menteri?

Dr. Radzi bin Jidin: Ya.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Saya rasa ada soalan yang tidak dijawab tadi berkaitan *Frog VLE*?

Dr. Radzi bin Jidin: Oh! Okey...

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: ...dan juga soalan bayaran yang dibayar bernilai sebilion lebih kepada YTL itu.

Dr. Radzi bin Jidin: Okey, so berkaitan dengan *Frog VLE*– Maaf, saya lupa nak jawab tadi. Berkaitan dengan *Frog VLE* tersebut, apa yang berlaku adalah masih ada. Sewaktu kontrak tamat pada zaman Yang Berhormat Simpang Renggam, kalau Yang Berhormat ingat semasa kontrak itu tamat masih ada penangguhan bayaran tertunggak yang masih belum dibayar sebab itulah kita tidak dibenarkan akses kepada sistem tersebut.

Ini Yang Berhormat Simpang Renggam pun tahu. Zaman Yang Berhormat, jumlah tersebut masih belum dibayar, masih ada pertelingkahan berkaitan jumlah tersebut maka aksesnya disekat. Itulah jawapan berkaitan dengan apa yang disebut...

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Sudah setahun, saya rasa hampir setahun lah...

Dr. Radzi bin Jidin: Ya, itu– Yang Berhormat ada 22 bulan pun tidak selesai, saya baru beberapa bulan so bagi saya masa sedikit, kita selesaikan. Kalau Yang Berhormat hendak bayarkan lain cerita. Okey. Satu lagi, berkaitan– Saya boleh *move to* sekolah daif ya. Sekolah daif tadi ramai bertanya tentang sekolah daif.

Tuan Haji Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]: Tanjong Manis pun ada tanya, sekolah daif.

Dr. Radzi bin Jidin: Dari mana?

Tuan Haji Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]: Tanjong Manis pun ada tanya, sekolah daif.

Dr. Radzi bin Jidin: Yang Berhormat Tanjong Manis pun ada tanya sekolah daif. Banyak sahabat kita tanya sekolah daif tadi. Saya ingin jelaskan butiran-butiran. Yang Berhormat Kulai bertanya di bawah butiran mana sekolah daif ini diletakkan? Saya sebutkan di sini bahawa di bawah Butiran 00102 – Rendah Akademik, Butiran

00201 – Menengah Akademik, Butiran 03700 – Program Pembangunan Luar Bandar Sabah dan Sarawak, Butiran 03504 – Ubahsuai Naik Taraf Sokongan Pendidikan, Butiran 01300 – Pendidikan Khas dan Butiran 00800 – Rumah Guru. Itu merupakan butiran-butiran yang berkait dengan sekolah daif di seluruh negara. Silakan Yang Berhormat.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Saya hanya nak minta Yang Berhormat Menteri Kanan untuk memberikan jawapan bertulis di mana setiap butiran berapa peruntukan yang diadakan? Itu sahaja. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

Dr. Radzi bin Jidin: Okey.

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Dalam soal sekolah daif. Adakah kerajaan ataupun kementerian bercadang untuk membuat butiran khas untuk sekolah daif ini? Oleh sebab bagi negeri Sabah, sekolah-sekolah daif ini terlalu banyak dan peruntukannya begitu payah untuk didapatkan. Supaya ada pemantauan dan ada penilaian serta ada harapan apabila ia akan diselesaikan? Terima kasih.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Yang Berhormat Menteri, sedikit mencelah? Daripada Sibuti. Saya hendak tanya dengan Yang Berhormat Menteri Kanan, adakah pengumuman berkenaan tentang telaga tiub yang pada peringkat Dasar, RM120 juta itu termasuk dalam pelaksanaan sekolah daif?

Ini kerana saya mendapati perbezaan Belanjawan 2020 dan Belanjawan 2021 ini, butiran berkenaan tentang penyelenggaraan genset, telaga tiub dan juga solar hibrid ini sudah tidak ada di dalam Belanjawan 2021. Adakah isu berkenaan tentang solar hibrid ini telah diselesaikan dan juga mengapa telaga tiub ini diguna pakai untuk pelaksanaan penyelesaian masalah air di sekolah-sekolah?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila, Yang Berhormat Menteri.

Dr. Radzi bin Jidin: Terima kasih. Pertama sekali berkaitan Yang Berhormat Kulai, saya akan berikan secara bertulis detil tersebut. Berkaitan apa yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Tuaran, kenapakah tidak ada butiran, satu sahaja ya? Itu merupakan satu cadangan yang baik. Ini antara perkara yang kita sedang lihat bagaimanakah kita boleh tambah baik keadaan ataupun kaedah yang kita boleh laksanakan dalam konteks butiran-butiran ini.

Namun, dalam keadaan tertentu ada *historical facts*, ada ceritanya di mana kadang-kadang projek ini dimasukkan dalam butiran tersebut dan sekarang ini masih berjalan. Kemudian, ditambah butiran projek baru dalam butiran lain yang masih berjalan. Oleh sebab itu, ia jadi banyak butiran Ahli Yang Berhormat Tuaran.

Berkaitan Yang Berhormat Sibuti. Peruntukan untuk membina telaga tiub ada ya. Peruntukan untuk membina telaga tiub ada di dalam Belanjawan 2021 di mana kos projek adalah sebanyak RM120.11 juta. Saya akan memperincikan butiran ini. Ada all

the detail dengan saya. Selain itu juga, siling peruntukan adalah sebanyak RM18.4 juta melibatkan 184 buah sekolah iaitu 30 buah sekolah di Sarawak, 154 buah sekolah di Sabah.

Telaga tiub ini saya nak ceritakan sedikit *since* Yang Berhormat Sibuti bertanyakan keperluan telaga tiub. Ada keadaan di mana sekolah-sekolah ini tidak mendapat akses air melalui paip-pair yang disalurkan oleh pihak berkuasa tempatan. Oleh yang demikian, terpaksa diadakan telaga tiub ini bagi membolehkan sekolah-sekolah yang tidak mendapat air daripada yang disediakan oleh kerajaan negeri atau pihak berkuasa tempatan ini mendapat air.

Kadang-kadang ada situasi di mana paipnya ada, paipnya disalurkan oleh pihak kerajaan ada, tetapi tekanan air tidak ada. Apa yang berlaku, buka paipnya tidak keluar air. Oleh yang demikian, diusahakan projek-projek telaga biru. Kebanyakan projek-projek telaga tiub di negeri Sarawak, maaf, telah selesai dan sekarang ini ada di bawah butiran penyelenggaraan. Jadi, untuk telaga tiub ini ada dua butiran.

■1320

Butiran pertama sekali adalah butiran untuk pembangunan telaga tiub yang diumumkan dan juga butiran apabila sudah siap, ia akan berada di bawah butiran penyelenggaraan, jadi ada dua butiran tersebut Yang Berhormat Sibuti. Dalam keadaan sekarang ini juga apa yang kita dapati ada telaga-telaga tiub yang kita usahakan sebelum ini tidak terlalu dalam dan airnya tidak bersih. Maka dalam usaha baharu, di mana telaga-telaga tiub ini akan dibuat pembinaan baharu ini akan menggunakan teknologi yang lebih baik. Di mana kedalamannya akan ditingkatkan supaya air-air yang lebih bersih dapat dibekalkan kepada sekolah-sekolah.

Jadi, saya teruskan berkaitan persoalan yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Kulai tadi, saya bercakap tentang sekolah daif ini, Yang Berhormat Kulai tanya, mengapa kosnya berbeza. Yang Berhormat Kulai, mengambil kiraan, betul kalau kiraan tersebut berdasarkan jumlah sekolah sebagaimana yang disebut tadi, untuk tahun 2016 hingga tahun 2020 di bawah RMKe-11 ada 773 buah sekolah di mana kosnya sebanyak RM3.055 bilion. Apa yang ditekankan oleh Yang Berhormat Kulai tadi, kenapakah kosnya berbeza?

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perbezaan kos ini disebabkan oleh perbezaan skop. Ada keadaan di mana sekolah-sekolah ini tidak digantikan sepenuhnya, dibuat sedikit pembinaan. Ada sekolah yang diganti baharu, diganti yang baharu ini, kosnya tinggi berbanding dengan biasa. Kos-kos ini telah diperakukan oleh JKR. Jadi, tidak ada usaha untuk sahaja-sahaja hendak *inflict cost, this is professionally done* menggunakan maklumat-maklumat yang diberikan oleh JKR. Bagaimanakah kosnya, termasuklah lokasi sekolah. Kadang-kadang sekolah yang ada ini, walaupun di

bandar kosnya makin rendah tetapi apabila hendak bawa bahan-bahan binaan ke kawasan luar bandar ini, kosnya akan tinggi. Oleh sebab itu di peringkat kementerian, saya sedar tadi ramai Ahli Yang Berhormat yang menyentuh tentang pembinaan sekolah daif ini. Ada yang kata lambat, ada yang kata peruntukan sudah ada tetapi masih belum dibina, ada yang kata mengapa tidak dilaksanakan.

Saya ingin menyentuh perkara ini sedikit mendalam. Penekanan yang saya berikan kepada pihak kementerian adalah kita lihat semua, kita buat satu *stock take* kita lihat apakah keadaannya, apakah masalahnya. Yang Berhormat Kinabatangan tadi berceritakan mengenai mengapakah KPM tidak berbincang dengan kerajaan negeri. Oleh sebab itu, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia pada hari ini akan berbincang secara langsung dengan kerajaan negeri dalam konteks pembinaan sekolah daif ini khususnya berkaitan dengan tanah.

Kadang-kadang hendak buat sekolah daif ini nampak mudah. Peruntukannya sudah ada, kita hendak pergi masuk tanah ini, tanah orang. Jadi, apabila tanah itu bukan milik kerajaan, maka kita tidak boleh bina satu struktur bangunan di atas tanah tersebut. Akan tetapi, saya sudah minta kementerian senaraikan, apakah isu-isunya dan *insya-Allah* pada tahun 2021 kita akan tangani isu ini dengan lebih cepat, dengan lebih cekap supaya sekolah-sekolah ini dapat dibina.

Dato' Sri Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat, bijak. Yang Berhormat Menteri bijak.

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Yang Berhormat Menteri, adakah Yang Berhormat sedar bahawa terdapat masih banyak lagi sekolah-sekolah di Sabah yang tidak mempunyai *land title*. Tidak mempunyai *land title* dan oleh sebab itu dia tidak ada DP dan sebab itu tidak boleh keluar OC. Oleh sebab sekolah ini dikira, dianggap tidak selamat. Bagaimana, sampai bilakah keadaan ini berterusan dan apa langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan supaya dapat diatasi. Terima kasih.

Tuan Pengurus [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Okey Yang Berhormat Tuaran.

Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan]: Yang Berhormat, satu lagi Yang Berhormat. Yang Berhormat, pada tahun 2005 yang lalu, Menteri Pendidikan pada waktu itu Yang Berhormat Pagoh dia ada menggunakan satu sistem di mana sejumlah RM5 juta telah diberi kebenaran kepada Jabatan Pendidikan Negeri untuk Jabatan Pendidikan Negeri Sabah itu untuk menggunakan wang tersebut bagi tujuan pembangunan infrastruktur pendidikan.

Adakah sistem ini masih berterusan dan adakah – kalau dia berterusan, bolehkah sistem ini digunakan dengan nilai tambah, mungkin RM10 juta hingga RM15 juta agar pembinaan sekolah daif ini akan dapat lebih cepat dan teratur. Terima kasih.

Tuan Penggerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Putatan.

Dr. Radzi bin Jidin: Terima kasih, pertama Yang Berhormat Tuaran. Yang Berhormat Tuaran ini, itu yang sebut tadi isu *land titles*. Kami sedar di peringkat kementerian ada beribu lagi tanah di mana sekolah itu duduk, tetapi *land titlenya* masih belum ada bersama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia. Oleh sebab itu, saya katakan tadi dalam peruntukan tahun ini sahaja, kita dapat satu jumlah peruntukan yang besar untuk memastikan usaha-usaha kita kata pemutihan *land title* ini dapat dilaksanakan. Sorry, bukan tahun ini, tahun 2021 untuk pemutihan tanah-tanah yang mana menjadi tapak sekolah di seluruh negara. Ini merupakan satu isu, seperti mana yang saya sebut tadi, selagi tidak selesai *land titles* kita tidak boleh buat, kita tidak boleh *spend* sebarang DE di atas tanah tersebut. Jadi, itu merupakan perkara yang kami di peringkat kementerian sedang tekankan.

Menjawab Yang Berhormat Putatan berkaitan dengan apakah kita hendak lihat kaedah mekanisme lain. Seperti mana yang saya sebut tadi, kami mengambil pendekatan bahawa segala perbelanjaan ini perlu penyelenggaraan dan pembangunan ini perlu dibelanjakan secepat mungkin. Oleh sebab itu, saya sudah minta supaya pihak kementerian melihat di mana sahaja birokrasi-birokrasi yang ada, yang kita boleh pendekkan supaya tahun 2021, *we start fresh*. Sebarang peruntukan ini dapat disalurkan dengan cekap, masuk sahaja tahun, kita sudah tahu penyelenggaraan di sekolah mana yang akan dilaksanakan, maka kita akan laksanakan.

Dalam konteks penyelenggaraan ini, ramai Ahli Yang Berhormat menyentuh mengenai penyelenggaraan di kawasan masing-masing. Ramai sentuh penyelenggaraan di kawasan masing-masing ada sekolah yang teruk, ada sekolah yang tidak diselenggarakan dan sebagainya. *Insya-Allah*, seperti mana saya tekankan tadi bahawa inilah merupakan antara penekanan kita dalam konteks pelaksanaan tahun 2021.

Seterusnya, saya ingin menyentuh...

Dato' Sri (Dr.) Richard Riot anak Jaem [Serian]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Menteri.

Dr. Radzi bin Jidin: Silakan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya difahamkan bahawa Yang Berhormat Segamat akan mengemukakan satu permintaan kepada Yang Berhormat Pagoh. Memohon supaya peruntukan ataupun jumlah wang yang diagihkan untuk sekolah-sekolah Tamil dan sekolah-sekolah Cina itu akan diminta dinaikkan semula. Adakah perkara itu telah berlaku, telah dibincangkan dan sekolah-sekolah Agama dan sekolah-sekolah Mualigh juga. Peruntukan-peruntukan itu dinaikkan. Sama ada Yang Berhormat Segamat telah

pun membincangkan perkara ini dan telah membuat permohonan permintaan tersebut. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Jelutong.

Dr. Radzi bin Jidin: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tahu isu penyelenggaraan ini merupakan satu perkara yang ramai sentuh tadi. Izinkan saya jelaskan isu ini satu persatu. Pertamanya tadi Yang Berhormat Jelutong kata kami tidak bagi, itu tidak betul Yang Berhormat. Saya selesai sahaja penggulungan, pegawai saya telah serahkan kepada pihak Parlimen dan telah di-upload-kan dalam website Parlimen. Seperti mana saya janjikan...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Okey, telah diterima, terima kasih.

Dr. Radzi bin Jidin: Jadi itu, kami telus dalam apa jua yang kita ingin laksanakan kita telus dalam konteks ini.

Kedua, saya ingin menyentuh – ada yang tanya di manakah letaknya peruntukan-peruntukan penyelenggaraan ini, di bawah butiran manakah peruntukan penyelenggaraan ini termasuklah Yang Berhormat Kulai ada menyentuh.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sebanyak RM600 juta daripada – keseluruhannya adalah RM800 juta ya. Sebanyak RM600 juta daripada peruntukan ini diletakkan di bawah butiran pembangunan P. 03504 – Ubahsuai Naik Taraf Sokongan Pendidikan. Itu ada RM600 juta di bawah Pembangunan. Kemudian ada sebanyak RM200 juta di bawah Butiran 010200 – Pengurusan Kewangan dan Akaun OA20 ada di bawah butiran tersebut Ahli Yang Berhormat. Jadi – silakan.

Dato' Sri (Dr.) Richard Riot anak Jaem [Serian]: Yang Berhormat Menteri.

Dr. Radzi bin Jidin: Sila.

Dato' Sri (Dr.) Richard Riot anak Jaem [Serian]: Serian di sini ya. Baru-baru ini, sebuah sekolah di pedalaman negeri Sarawak iaitu sekolah yang dinamakan SK Temong telah mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa. Di mana sekolah – saya repeat sekolah pedalaman telah memenangi anugerah *Best Film* di Festival de Cinema Escola de Alvorada' (FECEA), Brazil.

Jadi soalan saya, adakah kementerian bersedia untuk memberi insentif khusus kepada pelajar-pelajar ini dan kalau boleh pertimbangkanlah untuk memberikan *scholarship* kepada mereka. Ini kerana pelajar-pelajar ini Tahun 5, sudah dapat mengharum nama negara di persada dunia dan mereka yang *I want to inform here* pelajar-pelajar ini Magres, seorang Bidayuh.

■1330

Keduanya, Nabiyatul seorang Melayu. Jadi, di sekolah pedalaman di Sarawak pun sudah perkataan perpaduan itu amat erat sekali. Jadi, Yang Berhormat Menteri tolong menjawab.

Dr. Radzi bin Jidin: Yang Berhormat Serian, *since* Yang Berhormat Serian bercakap, saya sentuh sedikit Yang Berhormat Serian dan juga apa yang disebut oleh Yang Berhormat Sekijang tadi, seingat saya berkaitan dengan penglibatan pelajar-pelajar ke luar negara. Kita memang ada peruntukan untuk penglibatan pelajar-pelajar ke luar negara dalam program-program yang melibatkan KPM. Ada program-program yang KPM memang hantar pelajar-pelajar ini, maka sekiranya pelajar-pelajar tersebut masuk dalam program tersebut dan ianya kita akan gunakan daripada peruntukan-peruntukan tersebut. Ini termasuklah program-program atau pertandingan-pertandingan sukan yang melibatkan pelajar-pelajar, khususnya pelajar-pelajar sekolah menengah di sekolah sukan seluruh negara.

Apa yang disebut oleh Yang Berhormat Serian tadi berkaitan dengan pelajar-pelajar yang menerima anugerah-anugerah antarabangsa ini. Apa yang kementerian laksanakan adalah untuk melihat potensi setiap pelajar kita. Kadang-kadang mereka berada di luar bandar yang tiba-tiba kita dapat tahu anak ini cukup hebat, mempunyai satu kebolehan yang hebat. Inilah antara perkara-perkara yang kami di peringkat kementerian akan lihat tentang bagaimanakah kita dapat membantu supaya potensi anak-anak ini dapat dioptimumkan. Terima kasih Yang Berhormat Serian. Saya kembali kepada penceritaan berkaitan dengan...

Tuan Penggerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat, ada seminit lagi, Yang Berhormat.

Dr. Radzi bin Jidin: ...penyelenggaraan tadi. Saya tidak ada masa sudah.

Tuan Penggerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya, cepat sedikit.

Dr. Radzi bin Jidin: Sedikit ya, sedikit.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Menteri, belum menjelaskan isu sekolah Tamil.

Dr. Radzi bin Jidin: Saya hendak jelaskan. Saya mohon Tuan Penggerusi bagi sedikit sahaja, isu penyelenggaraan tadi ramai sahabat-sahabat kita tanya. Pertama sekali, seperti mana yang saya jelaskan, penyelenggaraan. Di peringkat dasar, saya sudah jelaskan secara menyeluruh bahawa apabila kita bercakap tentang sekolah ini, ia ada dua. Di dalam konteks pertama, sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan. Di bawah Akta Pendidikan, kerajaan bertanggungjawab menyelenggara sekolah kerajaan dan kerajaan boleh membantu sekolah bantuan kerajaan. Itu asasnya. Oleh sebab itu, apa yang kita lihat apabila berlaku COVID-19, saya banyak turun ke bawah, dalam satu tempoh yang singkat lebih daripada 100 buah sekolah saya telah melawat

di Sabah khususnya, banyak masa. Kita lihat bahawa sekolah-sekolah ini ketinggalan dalam konteks penyelenggaraan, cukup ketinggalan. Jadi, kami balik ke kementerian, berbincang bagaimakah benda ini boleh terjadi?

Bila kita kata sekolah ini tidak diselenggara, sekolah ini tidak diselenggara dan sebagainya, bagaimakah ini boleh terjadi? Oleh sebab itu, kita kata peruntukan penyelenggaraan ini dengan jumlah sekolah lebih daripada 10,000 buah sekolah, memang tidak cukup. Akan tetapi kita hendak tengok bagaimakah cara terbaik, cara terbaik. Oleh sebab apa, sekolah ini tidak kiralah sekolah apa pun, ini sekolah anak-anak kita. Saya tanya sahabat-sahabat kita tadi, bercakap tentang anak-anak pelajar India, sebagai contoh. Tahu tidak Yang Berhormat, 37 peratus pelajar-pelajar sekolah kebangsaan, pelajar-pelajar India anak-anak kita ini berada di sekolah kebangsaan. Kita tidak ada hendak mendiskriminasi mana-mana pihak. Apa yang kami laksanakan adalah apabila berbincang dengan pegawai, pegawai kata keadaannya apabila peruntukan ini tidak diagihkan secara *proportionate*. Maknanya, jumlah agihan ini tidak mengambil kira sekolah. Kita kluster kan ikut kategori seperti mana Yang Berhormat sebut tadi sekolah SJKT, SJKC, sekolah mualigh dan sebagainya, ikut kategori dan tidak mengambil kira jumlah sekolah.

Jadi, ada sekolah yang dapat banyak, ada sekolah yang dapat sedikit dan paling sedikit puratanya dapat adalah sekolah kebangsaan. Oleh sebab itu, dalam asas yang digunakan ini kami tidak ambil kira apa-apa. Apa yang kami ambil kira adalah berapakah jumlah sekolah yang ada? Apakah sekolah ini sekolah kebangsaan ataupun sekolah bantuan kerajaan? Kalau sekolah itu kita ambil jumlah peruntukan, saya sudah tunjukkan diagram itu tadi yang kita ada RM800 juta, RM750 juta penyelenggaraan, RM50 juta untuk naik taraf dewan. RM750 juta penyelenggaraan ini, RM620 juta untuk sekolah, RM50 juta untuk bukan sekolah. Bukan sekolah ini banyak, kita akan bagi sedikit sahaja. Tahun ini kita hendak selesaikan sekolah, tahun hadapan. PPD, JPN dan sebagainya RM50 juta. Cerun, ada sekolah yang memerlukan perhatian untuk cerun ini, RM50 juta. Peruntukan tambahan kritikal RM30 juta, itu penjelasan. So, RM620 juta ini kita bagi kepada semua sekolah yang ada di Malaysia, semua sekolah. Berapa purata yang kita dapat dan itulah purata sekolah seluruh. Kalau kita ambil *as if* RM620 juta bagi semua sekolah, *we get one single purata*.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: [Bangun]

Dr. Radzi bin Jidin: Kemudian daripada jumlah itu kita kali 90 peratus sebab sekolah bantuan kerajaan. Kami boleh bagi bantuan tetapi KPM tidak bertanggungjawab sepenuhnya untuk menyelenggara, tumpuan adalah kepada sekolah kerajaan. Oleh sebab itu, kita ambil 90 peratus, kali dengan *average* tersebut dan kita dapat satu *figure*. Ini adalah nombor untuk sekolah bantuan kerajaan, kita ambil nombor

tersebut, kita kali kan dengan sekolah bantuan kerajaan dan mengikut kategori yang ada. Jadi, saya hendak jelaskan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat...

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Sedikit, Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Menteri, boleh. Saya bagi lima minit lagi.

Dr. Radzi bin Jidin: Okay.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, lima minit lagi.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Yang Berhormat Menteri, sedikit sahaja. Mohon. Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang begitu prihatin dalam soal anak-anak yang belajar di pedalaman. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri, mungkin belum jawab. Soal makanan tambahan RMT yang telah pun ditambah peruntukannya dan sebagainya. Penggunaan susu tadi itu mungkin kesesuaian bagaimana susu ini boleh sampai ke pedalaman. Ada kesesuaian susu ini tidak tahan lama, tidak sejuk beku ini tidak ada dan sebagainya, sampai kepada anak-anak ini sudah cirit-birit, susu masam dan sebagainya. Ini langkah yang alternatif daripada susu ini apa? Vitamin kah dan sebagainya, makanan dan apa yang lain-lain, selain boleh menggantikan susu untuk sekolah pedalaman. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Jempol.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan.

Dr. Radzi bin Jidin: Yang Berhormat Jempol, sekejap lagi saya jawab Yang Berhormat Jempol. Saya habiskan dahulu, silakan.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak balik ke isu formula yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi dan saya terima baik, saya *understand the logic behind it*. Akan tetapi masalah di sini Yang Berhormat Menteri ialah kebanyakan daripada anak-anak murid yang pergi ke sekolah Tamil, sebenarnya adalah anak-anak miskin. So, kalau kita hendak membasmikan kemiskinan di kalangan orang India, maka sekolah mesti dinaik taraf. So, itu merupakan satu *prerequisite* untuk mengatasi masalah kemiskinan. Sama dengan Orang Asli juga, sama juga dengan sekolah daif dan sebagainya. So, oleh kerana itu saya fikir formula itu untuk masyarakat yang miskin harus ditukar sedikit supaya kita tidak pinggirkan mereka daripada arus *development* Malaysia.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Klang, baik. Sila.

Dr. Radzi bin Jidin: Yang Berhormat Klang, ini saya hendak jelaskan, Yang Berhormat. *You got the point there*. Apa yang kami buat, bila kita tengok tadi, kita

tengok okey, saya bagi contoh. Sekolah kerajaan, sekolah rendah, sekolah menengah, sekolah asrama penuh akan dapat RM477 juta. Kemudian, SKJC both SBK dan kerajaan akan dapat RM74.07 juta, ini peningkatan juga ya. SJKT RM29.98 juta tetapi kita letakkan satu lagi *pool* RM30 juta. Kalau Yang Berhormat ingat, ada satu *pool* kat depan ini, RM30 juta peruntukan kritikal. Sekiranya katakanlah SJKT peruntukannya sudah habis, sudah sampai silingnya tetapi ada satu keperluan mendesak, maka kita masih ada *pool*. Oleh sebab itu, saya kata tadi kita *be very frank*, kita hendak pastikan kita *address* semua pihak, semua ini adalah anak-anak kita. *So, I want all of you to be with us*, dengan izin Tuan Pengurus, supaya melihat ini merupakan satu pembaharuan. Bukan untuk apa, untuk memastikan anak-anak kita mendapat yang terbaik.

Jadi, saya hendak sentuh...

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Menteri, *we are with you on this matter* tetapi yang soal itu *we need fairness*. *We need proportional support* dan saya...

Dr. Radzi bin Jidin: *As I said*, kalau tidak cukup...

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: *These are poor children who need help.*

Dr. Radzi bin Jidin: Yes. Kalau tidak cukup Yang Berhormat, ada. Ada *that bit*.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Jawab RMT, Yang Berhormat Menteri. RMT jawab dahulu.

Dr. Radzi bin Jidin: Kemudian saya hendak jawab berkaitan apa yang ditanya oleh Yang Berhormat Jempol. Ramai yang tanya tadi berkaitan dengan bantuan makanan dan sebagainya. Antaranya adalah peningkatan Rancangan Makanan Tambahan. Kalau dahulu, susu ini kita bagi dua kali sehari sahaja, sekarang ini dalam peruntukan untuk Belanjawan 2021, susu ini kita bagi sepanjang lima hari persekolahan untuk pelajar-pelajar yang layak. Akan tetapi saya bersetuju dengan Yang Berhormat Jempol bahawa apabila kita bagi susu ini, kemudian timbul isu penyimpanannya tidak ada, susu rosak dan sebagainya. Apakah makanan-makanan yang bernutrisi lain yang boleh kita pertimbangkan? Itu merupakan antara perkara yang dalam perhatian pihak KPM. Kita sedang melihat apakah yang terbaik. Kita berbincang dengan KKM, apakah yang kita boleh lihat supaya kadang-kadang ada yang tidak boleh susu dan sebagainya. Kita cuba lihat dan apa yang penting, *the bottom line is*, dengan izin, anak-anak kita ke sekolah mendapat nutrisi yang baik demi untuk pembangunan fizikal dan mental mereka.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dr. Radzi bin Jidin: Last sekali, Yang Berhormat Kuala Krai tadi ada menyentuh berkaitan dengan IPG. Sama ada adakah terdapat mana-mana IPG akan

ditutup? Untuk makluman Yang Berhormat Kuala Krai, tidak ada mana-mana IPG yang akan ditutup. [Tepuk] Apa yang ada hanyalah *co-exist* yang kita wujudkan bersama dengan kolej vokasional dan sebagainya, ada lima buah.

■1340

Tidak ada yang akan ditutup. Apa yang kami laksanakan di peringkat kementerian adalah untuk memastikan IPG ini dilihat sebagai sebuah institusi premium yang melahirkan guru-guru hebat yang dapat menyumbang kepada pembangunan anak-anak kita. Sekian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM47,270,939,700 untuk Kepala B.63 Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2021 jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]

[Kepala B.63 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan di bawah Kepala P.63 Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2021 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]

[Kepala P.63 jadi sebahagian daripada Anggaran Perbelanjaan]

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

1.41 tgh.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato'
Takiyuddin bin Hassan]:** Tuan Pengerusi,

“Tanpa mengambil kira Usul Peraturan Mesyuarat 12 (1) terdahulu iaitu Khamis 5 November 2020 dan mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), saya mohon mencadangkan bahawa mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga diputuskan Rang Undang-undang Perbekalan 2021 dan Usul Anggaran Pembangunan 2021 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Rabu, 16 Disember 2020.”

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ada yang menyokong?

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas) [Datuk Seri Mohd
Redzuan bin Md Yusof]:** Saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

**Kepala B.64 [Jadual] –
Kepala P.64 [Anggaran Pembangunan 2021] –**

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.64 dan Kepala Pembangunan P.64 di bawah Kementerian Penggajian Tinggi sekarang terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat, sekarang saya menjemput mengikut senarai pembahas. Saya menjemput Yang Berhormat Tangga Batu. Kemudian, diikuti oleh Yang Berhormat Setiu. Sila Yang Berhormat Tangga Batu, selama lima minit.

1.43 tgh.

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum* dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat Menteri.

“Wujudmu di sini di tanah anak merdeka,

Bagai obor ilmu memayungi putera puterinya”.

Ini adalah permulaan lagu UiTM. Merujuk kepada Butiran 021100 – Universiti Teknologi Mara. Perbezaan peruntukan menyusut sebanyak RM128,579,000, iaitu pada tahun 2020 sebanyak RM1 bilion peruntukan untuk UiTM sebanyak RM1,861,374,000 kepada RM1,732,795,000. Jika ditolak peruntukan ini dalam Butiran 030700 – Hospital Universiti Teknologi Mara (HUiTM) iaitu sebanyak RM52,849,000, bermakna belanja operasi pendidikan tinggi UiTM adalah RM75,730,000. Apakah justifikasi kepada penurunan peruntukan ini bagi UiTM?

Peruntukan lebih RM1.8 bilion kepada UiTM bukanlah besar kerana UiTM punyai tiga buah cawangan di setiap negeri. Seluruh Malaysia UiTM ada lebih sebanyak 40 buah cawangan. Saya ingin mengetahui, apakah dimaksudkan penjimatan dalam sebanyak RM3 juta yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri dalam penggulungan tempoh hari? Kami pernah menjalani penjimatan dalaman ini pada tahun 1997 yang mana kami terpaksa membawa kipas dari rumah kerana hawa dingin hanya dibuka beberapa jam sahaja.

Seterusnya, bagi Butiran 050400 - Biasiswa Pendidikan Tinggi, peruntukan tahun 2020 adalah sebanyak RM170 juta, diturunkan kepada RM161,500,000. Bermakna, terdapat penyusutan sebanyak RM8,500,000. Jika dibahagikan peruntukan sebelum ini iaitu RM170 juta kepada sejumlah 20 IPTA, bermakna setiap universiti mendapat peruntukan biasiswa RM8,500,000.

Jadi, peruntukan untuk universiti manakah yang telah dikorbankan? Saya memohon agar peruntukan biasiswa, tidak perlu diberi keutamaan dan yang kurang

penting seperti pembangunan fizikal yang tidak perlu. Contohnya pembinaan tugu di tapak malapetaka *Highland Towers* dan kekalkan peruntukan biasiswa. Kita perlukan lebih ramai cerdik pandai yang boleh menilai dan memilih keutamaan apabila kita terpaksa memilih.

Saya juga difahamkan peruntukan untuk pensyarah menghadiri conference, seminar, kursus-kursus bagi pembentangan kertas kerja sudah jauh ataupun sudah tiada. Jika, pandemik berakhir, saya harap peruntukan untuk ini diberikan semula kerana ia adalah tempat di mana bertemu minda-minda hebat dan berkembangnya ilmu. Saya juga mendapat tahu berapa ramai pensyarah yang ditamatkan kontrak dan tidak disambung perkhidmatan. Tuan Pengurus, merujuk kepada Butiran 040100 – Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti. Terdapat pertambahan sebanyak RM136,766,000 iaitu RM1,277,634,200.

Jadi, jika pertambahan ini adalah– saya berharapkan bahawa peruntukan ini akan dapat meningkatkan fasiliti di politeknik dan kolej komuniti di Malaysia. Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, di Tangga Batu tidak ada institusi pelajaran tinggi dan hanya ada sebuah kolej komuniti. Pencapaian akademik di sekolah di Tangga Batu adalah dengan izin, *average*. Jadi, kadar ponteng sekolah juga agak tinggi antara 10 peratus hingga 13 peratus.

Dengan pandemik ini, saya jangkakan masalah ini berganda dan dapat menjadikan COVID-19 sebagai alasan. Yang Berhormat Menteri, Tuan Pengurus, ayat pertama yang diturunkan Allah SWT iaitu '*Iqra*' ataupun 'Baca'. Hadis juga tentang yang diriwayatkan Anas bin Malik Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda bermaksud, "*Carilah ilmu walaupun ke negeri China.*"

Kedua-dua ayat Al-Quran dan hadis ini menunjukkan betapa pentingnya pendidikan dan pengajian tinggi. Oleh sebab itu, pengurangan peruntukan kepada elemen-elemen pendidikan pengajian tinggi bukanlah langkah bijak.

Teguh kita menang bersama,

Tema Belanjawan 2021,

Jumlah pendapatan,

Amboi banyaknya.

Daripada mana kerajaan hendak dapat itu?

Rakyat Malaysia memang hebat,

Sungguh Istiqomah ikut arahan,

Harap belanjawan benar-benar bermanfaat,

Kalau gagal kita tukar saja kerajaan.

Terima kasih.

Tuan Penggerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Setiu, kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Jerlun. Kalau Yang Berhormat Jerlun tak ada, Yang Berhormat Jelutong. Sila Yang Berhormat Setiu.

1.48 tgh.

Tuan Shaharizukimain bin Abd. Kadir [Setiu]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Membaca selawat] Tuan Penggerusi, saya terus kepada Butiran 010200 – Pendidikan Tinggi. Merujuk pada butiran ini saya ingin membangkitkan beberapa perkara berkenaan butiran ini terutama melibatkan pelajar-pelajar di IPTS yang turut memerlukan bantuan kerajaan dalam menjamin kualiti pembelajaran di universiti tersebut.

Perkara ini amat penting kerana ia melibatkan nasib kira-kira seramai 600 ribu orang pelajar yang menuntut di institusi pengajian tinggi swasta dan usahawan pendidikan bumiputera terutama melibatkan pembelajaran atas talian.

Sesi pembelajaran *online* adalah pendekatan terbaik dalam melandaikan lengkok kes jangkitan COVID-19. Namun, terdapat kekangan khususnya melibatkan akses dan data internet dalam kalangan pelajar. Isu ini melibatkan pelajar-pelajar IPTS daripada kelompok B40.

■1350

Majoriti daripada mereka yang belajar di IPTS mendapat biasiswa. Namun, apabila melibatkan pembelajaran atas talian mereka amat memerlukan aset Internet yang stabil dan menyeluruh di mana aspek ini tidak termasuk dalam mana-mana tajaan. Oleh itu saya mencadangkan agar kerajaan dapat memperluaskan pakej pelan data dan peranti kepada pelajar IPTA, kepada pelajar-pelajar di IPTS, terutama mereka yang tergolong dalam kategori isi rumah B40.

Perkara seterusnya, berdasarkan butiran yang sama adalah berkenaan kebolehpasaran graduan. Saya meneliti peratusan sasaran kadar kebolehpasaran graduan institusi pendidikan di bawah seliaan kementerian menurun bagi tahun 2021 hanya sebanyak *81 percent*, berbanding tahun sebelumnya 85 peratus. Apakah punca sasaran ini menurun? Adakah isu ini semakin meruncing? Hal ini kerana saya tidak menafikan peluang pekerjaan sektor 3D meningkat akibat pengurangan pekerja asing serta peluang pekerjaan yang ada tidak berkualiti.

Peluang pekerjaan yang ada langsung tidak bersesuaian dengan para graduan. Justeru, apakah mekanisme yang dijalankan oleh kerajaan dalam memastikan isu tidak ada kerja ini dapat ditangani bukan sahaja kepada para graduan yang telah menamatkan pengajian malah kepada graduan yang bakal menghabiskan pengajiannya?

Perkara terakhir berkaitan butiran ini ialah pemerkasaan kemahiran golongan OKU di peringkat pengajian tinggi. Saya ingin mencadangkan agar kemahiran-kemahiran yang dimiliki oleh golongan ini dimanfaatkan sebaik mungkin. Hal ini kerana ramai pelajar daripada golongan tersebut mempunyai kemahiran luar biasa dalam sesetengah bidang, namun tidak dimanfaatkan sebaik mungkin. Oleh itu, apakah inisiatif kerajaan dalam memastikan kemahiran golongan ini tidak diabaikan dan digunakan di peringkat pengajian tinggi?

Butiran seterusnya, Butiran 020000 – Operasi Pendidikan Tinggi. Merujuk kepada butiran ini saya meneliti beberapa buah universiti yang mempunyai fungsi utama sebagai universiti penyelidikan sebagai contoh UM, UKM, USM dan UPM. Universiti-universiti tersebut turut melaksanakan pembelajaran atas talian sedangkan fungsi untuk penyelidikan sukar dijalankan jika menggunakan kaedah tersebut semata-mata.

Adakah pihak kementerian ada mengkaji keberkesanan mekanisme tersebut khusus kepada universiti-universiti penyelidikan dan apakah langkah alternatif yang disediakan bagi memastikan penyelidikan dapat terus dimantapkan walaupun dalam situasi pandemik COVID-19.

Perkara terakhir berkaitan dengan Butiran 050400 – Biasiswa Pendidikan Tinggi. Peruntukan yang dilaburkan bagi Bajet 2021 ialah sebanyak RM161.5 juta dan mengalami sedikit penurunan. Saya ingin mencadangkan agar kerajaan dapat menawarkan semula pinjaman pelajaran MARA kepada pelajar yang berkelayakan, yang mendaftar mengikut program peringkat diploma di IPTS bumiputera, terutama dalam bidang-bidang kritikal. Sekian Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Setiu. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Jelutong, lima minit kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Kimanis.

1.54 tgh.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri kepada beberapa butiran. Pertama, saya lihat bahawa terdapat pengurangan dalam Butiran 010100 – Pengurusan Am dari RM477 juta kepada RM341 juta. Begitu juga dengan beberapa butiran yang lain.

Apa yang menarik perhatian saya adalah berkenaan dengan Butiran 030100 – Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) daripada RM410,122,000 juta pengurangan kepada RM 410,004,000. Begitu juga dengan Butiran 030600 – Hospital Pakar Kanak-kanak (HPKK) daripada RM23 juta kepada RM21 juta.

Butiran 050400 – Biasiswa Pendidikan Tinggi. Kalau Yang Berhormat Menteri masih ingat lagi kelmarin telah menjadi tular satu berita sensasi seorang pelajar di kolej

swasta- Vicneswary, berusia 23 tahun yang terpaksa berhempas pulas untuk mencari pendapatan untuk menampung kos pembelajaran. Pada waktu rakyat kita susah, ramai ibu bapa yang hilang kerja. Pemandu bas, pemandu teksi malahan seorang juruterbang sekarang terpaksa menjual burger di kaki lima. Bayangkan nasib anak-anak mereka.

Saya kurang pasti kenapakah peruntukan Butiran 050400 – Biasiswa Pendidikan Tinggi ini dikurangkan dari RM170 juta kepada RM161 juta iaitu RM9 juta dikurangkan. Akan tetapi kita masih lagi meningkatkan pembayaran untuk NGO seperti Penggerak iaitu RM8 juta diberikan, untuk JASA sebanyak RM50 juta diberikan... [Disampuk] RM85 juta diberikan pada asalnya.

Saya ingin tanya apakah rasional kerajaan sekarang? Kalau kita tidak dapat membela nasib penuntut-penuntut kita di universiti swasta dan juga di universiti kerajaan, apakah yang akan dilakukan oleh mereka untuk mencari pendapatan? Ramai daripada mereka sekarang tidak dapat menampung kos pembelajaran kerana ayah dan ibu mereka hilang pekerjaan.

Saya di sini ingin merakamkan jutaan terima kasih. Mujurlah laman berita *Free Malaysia Today* telah mengadakan satu kempen di mana saya telah baca berita pagi tadi, mereka telah dapat mengutip wang untuk membayar semua kos pembelajaran Vicneswary ini. Yang Berhormat Menteri, saya minta Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan. Kita juga faham bahawa pada masa sekarang ramai yang belajar melalui talian dan sebagainya.

Akan tetapi saya ingin merakamkan satu berita juga yang dinyatakan oleh Presiden Majlis Profesor Negara, Profesor Datuk Dr. Raduan Che Rose, yang menyatakan bahawa terdapat banyak masalah yang dihadapi oleh penuntut-penuntut universiti bukan sahaja di bandar tetapi juga di luar bandar.

Saya ingin tanya perkara yang utama berkenaan dengan satu tuduhan yang dihadapi oleh seorang graduan Wong Yan Ke dari Universiti Malaya yang telah dihadapkan dengan pertuduhan di mahkamah kerana merakamkan satu serbuan yang dibuat oleh seorang anggota polis. Saya kurang faham Yang Berhormat Menteri, kalau kita boleh memasang *video camera* atau *webcam* dalam kenderaan kita yang merakamkan kemalangan-kemalangan di jalan raya yang boleh membantu pihak polis untuk menyiasat.

Apakah salahnya penuntut ini merakam satu serbuan yang dibuat di rumah beliau? Kenapakah beliau dihadapkan ke mahkamah? Kenapakah beliau dituduh dengan pertuduhan? Apakah rasionalnya? Kalau Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri kelmarin mengatakan bahawa kerajaan membelanjakan sejumlah wang, beberapa juta untuk memasang *video camera* atau *webcam* pada anggota-anggota maka apakah rasionalnya dalam pertuduhan ini dibuat?

Saya minta di sini kalau boleh Yang Berhormat Menteri melaksanakan tanggungjawab sebagai Menteri yang bertanggungjawab bagi Kementerian Pendidikan Tinggi, juga menunjukkan tanggungjawab terhadap kes ini. Kalau boleh membawa perbincangan dengan Kementerian Dalam Negeri, Menteri Dalam Negeri dan mencadangkan supaya pertuduhan terhadap Wong Yan Ke ini ditarik balik kerana memang tidak ada sebarang rasional... [Tepuk]

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

Hal ini kerana prinsipnya adalah kalau kita memasang, saya mohon maaf kerana mengulangi, kalau kita memasang *webcam* dalam kenderaan-kenderaan untuk merakamkan kejadian-kejadian, kesalahan-kesalahan, kemalangan-kemalangan, kita memasang CCTV di rumah kita. Adakah salahnya merakamkan sesuatu serbuan yang dibuat oleh anggota polis, walhal semasa serbuan tersebut anggota itu tidak dihalang langsung oleh beliau.

Tuan Penggerusi, terima kasih atas kesempatan yang diberikan. Yang Berhormat Menteri saya tunggu jawapan. Terima kasih.

Tuan Penggerusi: Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Kimanis.

1.59 tgh.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Penggerusi, saya merujuk kepada Butiran 04800. Yang Berhormat Tuan Penggerusi, sementara Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) ini terus fokus untuk menjaga kualiti dan juga pencapaian para mahasiswa di universiti-universiti awam terutamanya.

■1400

Saya minta KPT juga jangan terlepas pandang terhadap satu tanggungjawab sosial yang cukup penting iaitu bagaimana untuk membantu dan juga membela anak-anak bangsa kita, para belia kita terutamanya yang berada di luar bandar yang mereka tidak mampu untuk mencapai keputusan yang cemerlang dalam SPM. Mereka ini terbengkalai dan juga terlepas peluang tidak layak masuk ke universiti. Akan tetapi dalam butiran ini iaitu kolej komuniti, saya minta KPT harus lebih memperkasakan usaha-usaha untuk membantu para belia yang berada di luar bandar terutamanya untuk memasuki kolej komuniti. Maka dipermudahkanlah syarat-syarat itu. Jangan lagi diperketat macam-macam.

Tuan Penggerusi, kolej komuniti ini ditubuhkan untuk memberi peluang kepada masyarakat setempat untuk berpeluang mengikuti pembelajaran sepanjang hayat dan

juga membuka peluang lebih banyak belajar kemahiran teknologi dan juga vokasional TVET.

Di Kimanis pada tahun 2018, Tuan Pengurus, telah pun diluluskan sebuah kolej komuniti. Apabila diumumkan dan diminta rakyat Kimanis untuk berkumpul beramai-ramai untuk menghadiri upacara pecah tanah ataupun *soft launching* kolej komuniti yang telah pun diluluskan, maka saya waktu itu sebagai ADUN meminta rakyat kita turun beramai-ramai. Apa tidaknya, mereka cukup gembira dan cukup teruja sebuah kolej komuniti akan dibina di Parlimen Kimanis. Maka datanglah mereka berbondong-bondong pada hari itu. Akan tetapi, apabila sahaja pilihan raya dan Kerajaan Pakatan Harapan mengambil alih kerajaan, kolej komuniti yang telah pun diluluskan yang telah dibuat *soft launching* pun dibatalkan begitu sahaja.

Saya ingin bertanya kepada Kementerian KPT ini, adakah KPT ingin meneruskan projek ini? Saya meminta sebagai wakil rakyat Parlimen Kimanis, saya merayu dan saya meminta kepada Yang Berhormat Menteri, kepada kerajaan pertimbangkanlah semula, teruskanlah projek yang mulia ini kerana rakyat saya ramai para belia. Para belia kita di luar bandar terutamanya di Kimanis dan daerah-daerah yang berjiran dengan Kimanis, mereka memerlukan kolej komuniti ini. Saya minta kerajaan teruskanlah projek ini. Jangan sampai nanti rakyat mempersalahkan kita. Kerana projek ini telah pun diluluskan. Rakyat telah kenduri datang beramai-ramai menghadiri *soft launching* pada hari itu tetapi dibatalkan begitu sahaja.

Saya terlibat untuk mencari tapak yang sesuai. Sebuah blok kedai telah pun dipersetujui untuk disewa tetapi kenapa hari ini tidak diteruskan? Saya minta dan saya ingin bertanya, bilakah projek Kolej Komuniti Kimanis ini diteruskan? Saya minta disegerakan.

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Celahan, Yang Berhormat Kimanis.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Siapa?

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Tuaran.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Yang Berhormat Tuaran, sila. Sedikit sahaja.

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Yang Berhormat Kimanis. Adakah Yang Berhormat Kimanis juga ingin bertanya kepada kementerian bahawa perkara yang sama juga telah berlaku untuk Kolej Komuniti Tuaran? Sudah pun dilancarkan, pegawai-pegawai pun datang ke sana dan mantan KSU dahulu pun sudah membuat perakuan bahawa ia akan dilaksanakan dan sebagainya, peruntukan ada, tetapi akhirnya tidak dapat dilaksanakan. Adakah Yang Berhormat juga mahu tanya ini untuk Kolej Komuniti Tuaran dan bukan untuk Kolej Komuniti Kimanis sahaja? Terima kasih.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Saya kasihan dengan Yang Berhormat Tuaran. Beliau juga sebahagian daripada Kerajaan Pakatan Harapan pada waktu itu tetapi dibatalkan juga projek untuk Tuaran. Jadi saya mintalah kepada kerajaan teruskanlah semua projek-projek pembinaan kolej komuniti. Di Kimanis belum ada satu pun kolej komuniti ataupun IPTA, IPTS diwujudkan.

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Yang Berhormat Kimanis.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Akan tetapi saya minta hari ini kerajaan membuktikan yang Kerajaan Perikatan Nasional yang cukup prihatin kepada rakyat, tolong teruskan projek untuk rakyat di Parlimen Kimanis. Apa lagi Yang Berhormat Tuaran?

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Sebenarnya pelaksanaan pengumuman di Tuaran itu sebenarnya semasa Kerajaan Barisan Nasional lagi.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Ya, tetapi dibatalkan waktu PH.

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Sehingga pada hari ini masih tidak dapat dilaksanakan lagi.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Okey, okey. Butiran seterusnya, Tuan Pengurus, singkat sahaja, iaitu Butiran 05015 – ICT Strategy Planning, di mana IPTA dan IPTS juga di Sabah ini masih lagi mengalami gangguan capaian *internat* yang terlalu perlahan. Saya minta kementerian kaji semula. Buatlah sesuatu dengan sesegera mungkin untuk memulihkan capaian *internet* di semua IPTA, IPTS di seluruh negeri Sabah itu dapat dicapai dengan sebaik-baik. Kita tidak mahu ada lagi pelajar seperti Veveonah yang panjang pokok dan macam-macam. Kita mahu bantu para mahasiswa kita dapat capai *internet* supaya prestasi mereka juga akan cemerlang.

Itu saya, Tuan Pengurus. Sekian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih.

Tuan Pengurus: Terima kasih Yang Berhormat Kimanis. Yang Berhormat Jerlun. Silakan.

2.05 ptg.

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Pengurus, saya juga turut ingin berbahas peringkat Jawatankuasa untuk Kementerian Pengajian Tinggi. Bermula dengan Butiran 020000 – Operasi Pendidikan Tinggi yang berjumlah RM7.5 bilion untuk 20 IPTA. Sememangnya ini adalah satu angka yang besar tetapi memang patut dibelanjakan. Akan tetapi, adakah ia memenuhi aspirasi negara?

Buat ketika ini, kita dapat begitu ramai sekali pelajar-pelajar dari keluarga B40 yang mempunyai masalah kerana ketiadaan komputer riba dan juga perkhidmatan jalur lebar yang membantu mereka untuk menjalani kursus-kursus mereka di peringkat universiti. Saya harap pihak kementerian boleh pertimbangkan untuk meringankan bebanan mereka dengan mendapatkan komputer riba untuk kegunaan mereka itu. Kerana tanpa ini, ia akan meluaskan lagi jurang perbezaan di antara pelajar-pelajar yang berada dan yang tidak berada.

Seterusnya, Butiran 030000 – Hospital Pengajar. Saya ingin menyarankan bahawa kerja-kerja penyelidikan dan pembangunan di dalam hospital pengajar ini boleh dipertingkatkan lagi lebih-lebih lagi dalam keadaan kita menghadapi krisis pandemik COVID-19 ini supaya institusi R&D, dengan izin, dapat juga menggunakan kepakaran dan kemahiran yang sedia ada di dalam negara kita ini untuk mendapatkan, contohnya vaksin-vaksin yang boleh kita gunakan, bukan hanya untuk COVID-19 tetapi juga untuk penyakit-penyakit yang lain.

Butiran 05011 – Penyelidikan Fundamental yang berjumlah RM301 juta. Ia tentunya satu perkara yang sangat penting. Akan tetapi, pada waktu yang sama, ia perlu diimbangi juga dengan penyelidikan untuk *applied science*, dengan izin, supaya kita gunakan pendapatan daripada R&D asas tadi untuk diaplikasikan kepada sesuatu yang benar-benar memanfaatkan masyarakat kita. Saya lihat dalam Outcome 2 : Kecemerlangan bakat, disebut di situ bahawa tujuan kita adakan penyelidikan ini adalah untuk terbitan jurnal. Jadi saya harap selain daripada terbitan jurnal, kita juga beri perhatian kepada perlunya kita memastikan semua duit yang kita belanja untuk R&D ini dimanfaatkan sepenuhnya oleh masyarakat kita.

Saya ingin menyarankan supaya tahap perkongsian ataupun kerjasama yang sebelum ini biasanya dilakukan di peringkat universiti bersama dengan pihak swasta dapat dipertingkatkan lagi supaya keberhasilannya bermanfaat pada masyarakat. Kita dapat selain daripada dengan swasta, kerjasama di antara universiti pun penting. Apa yang diamalkan di Malaysia ini ialah setiap IPTA itu bersaing sesama sendiri untuk mendapatkan geran daripada Kerajaan Persekutuan. Apabila ada saingan seperti itu, tahap kerjasama antara IPTA kita tidak pada tahap yang sepatutnya.

Jadi, oleh sebab itu, saya ingin menyarankan supaya pihak kementerian fikirkan bagaimana kita boleh gunakan sumber yang terhad dan mendapatkan manfaat yang lebih baik sekiranya ada kerjasama lebih erat di antara IPTA-IPTA kita serta swasta termasuk juga universiti di luar negara. Itu sahaja saya ingat caranya untuk kita mengeluarkan usahawan dan industrialis.

■1410

Selain itu Tuan Pengurus, Butiran 040000 – Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET). Ini tentunya satu peruntukan yang sangat dialu-alukan, RM1.4

bilion. Kita perlukan ini supaya kita pastikan bahawa keupayaan graduan-graduan TVET kita ini mendapat pekerjaan dalam keadaan pandemik COVID-19 sekarang ini. Contohnya dalam bidang hospitaliti...

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: [Bangun]

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: ...Mereka menghadapi masalah untuk membuat *internship* di hotel-hotel. Buat masa ini kita tahu bahawa industri perhotelan itu menghadapi keadaan yang sangat merunsingkan. Jadi bagaimana kementerian memikirkan untuk jurusan hospitaliti ini dapat diperkuuhkan dalam keadaan COVID-19 ini. Terima kasih.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Yang Berhormat Jerlun, sedikit Yang Berhormat Jerlun. Boleh sedikit Tuan Pengerusi? Mencelah Yang Berhormat Jerlun. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Jerlun.

Kalau kita rujuk di muka surat 488, Buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan ini, ada dinyatakan tentang prestasi graduan TVET ini di mana kementerian menjangkakan prestasi mereka pada tahun hadapan akan merosot terutamanya yang boleh bekerja dalam bidang pengajian mereka iaitu daripada 80 peratus sehingga 60 peratus. Adakah Yang Berhormat setuju bahawa satu pendekatan yang lebih komprehensif perlu kita laksanakan supaya prestasi ini akan terus bertambah baik, bukannya bertambah merosot. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih.

Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]: Saya terima persoalan itu masuk dalam ucapan saya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Jerlun. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Jerai.

2.12 ptg.

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaaatuH.

Tuan Pengerusi: Waalaikumsalam.

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terus ke Butiran 02000 – Operasi Pendidikan Tinggi. Pada suku pertama 2019, seramai 519,600 orang penganggur direkodkan. Dalam jumlah itu, seramai 238,286 orang penganggur direkodkan oleh *JobsMalaysia* termasuk 174,000 orang penganggur siswazah. Rata-ratanya dalam kalangan B40 dan keluarga miskin.

Tanpa pekerjaan, para siswazah yang dimomentumkan dapat membantu keluarga keluar dari belenggu kemiskinan tidak kesampaian. Mengutip kata seorang pensyarah di Pusat Pengajian Sosiologi Pendidikan UKM, Anuar Ahmad bahawa

pengangguran siswazah Melayu pada 2017 dan 2018 menunjukkan secara konsisten semakin tinggi kelulusan, semakin besar kebarangkalian menjadi penganggur. Sebaliknya tanpa pendidikan tinggi, data menunjukkan peluang mendapat kerja lebih mudah.

Oleh yang demikian, adakah pihak KPT merancang dan membuat kajian mendalam bagi para bakal graduan dapat mencari pekerjaan sesuai dengan kelulusan. Sudah sampai masanya pihak KPT berkolaborasi dengan agensi-agensi kerajaan dan swasta untuk menawarkan kerja yang sesuai dengan pencapaian akademik mereka. Dengan maksud, pihak KPT perlu mewujudkan pelan strategik kebolehpasaran graduan sebagai proses persiapan dan persediaan siswa dan siswi mendapat tawaran pekerjaan.

Ini semua Tuan Pengerusi untuk mengurangkan golongan siswazah dalam kalangan B40 menganggur dan menjadi lambakan di luar bandar kerana bekerja di bandar tidak dapat menampung kos hidup yang semakin meningkat.

Seterusnya, Butiran 05000 – Program...

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Yang Berhormat Jerai, boleh sedikit Yang Berhormat Jerai? Hang Tuah Jaya. Boleh sedikit? Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Jerai bangkitkan tadi tentang universiti awam yang tidak dapat kerja. Kalau mengikut Anggaran Perbelanjaan Persekutuan ini, yang tidak dapat kerja kalau ikut sasaran kementerian menurun daripada 54 kepada 47 peratus.

Cuma saya hendak tanya Yang Berhormat Jerai, yang bekerja sendiri kementerian hanya sasarkan 3.5 percent sahaja. Adakah Yang Berhormat Jerai bersetuju supaya perkara ini dikaji agar ada program yang khas untuk memastikan graduan boleh bekerja sendiri dan menjana pendapatan. Terima kasih.

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Terima kasih Yang Berhormat Hang Tuah Jaya. Masukkan dalam ucapan saya dan saya bersetuju.

Butiran 050400 – Biasiswa Pendidikan Tinggi, peruntukannya RM161,500,000. Melihat kepada peruntukan biasiswa pendidikan tinggi sebanyak itu, adakah pihak KPT berhasrat menambah peruntukan bagi memperuntukkan semula kepada graduan yang ingin menyambung pengajian di peringkat Master dan PhD iaitu program *MyBrain*, agenda KPT untuk mencapai matlamat Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara juga menyahut seruan menghasilkan cendekiawan bertaraf dunia.

Seterusnya, program *MyBrain* ini perlu disambung kerana hasrat kerajaan juga untuk menghasilkan sejumlah 60 ribu kelulusan doktor falsafah, PhD di Malaysia. Melalui mereka inilah, Malaysia akan terkedepan di bidang akademik hasil kajian dan penyelidikan berkualiti tinggi.

Seterusnya, Butiran 04000 – Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET). Peruntukan disediakan sebanyak RM1.4 bilion. Antara fungsi TVET adalah memberi alternatif ke arah graduan kebolehpasaran kerja.

Tuan Pengerusi, saya mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri, sejauh mana pihak KPT telah melatih pelajar bagi tujuan peningkatan prestasi, pengalaman teknologi ke luar negara untuk kembali sebagai usahawan bertaraf dunia. Sekian Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Jerai. Seterusnya Yang Berhormat Simpang Renggam.

2.16 ptg.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 0100000 – Pengurusan. Tuan Pengerusi, baru-baru ini saya ada mengemukakan soalan berkenaan usaha Kementerian Pendidikan Tinggi untuk menyelamatkan ekosistem pengajian tinggi pihak-pihak swasta yang telah terjejas teruk akibat COVID-19. Kebanyakan IPTS terpaksa berhadapan dengan cabaran yang agak besar apabila wujud kekangan untuk merekrut pelajar-pelajar baharu dari luar negara. Malah ada di antara IPTS yang bakal gulung tikar kerana ketiadaan pelajar baru dari luar negara. Ini berbeza dengan keadaan di negara-negara maju.

Pada mas pandemik COVID-19, kebanyakan universiti terkemuka dan juga universiti-universiti di negara-negara maju telah membuka pendaftaran secara dalam talian (*online*) dengan izin untuk para pelajar yang layak memasuki universiti pilihan mereka dari luar negara. Para pelajar tidak perlu mengambil visa mahupun hadir ke negara-negara berkenaan tetapi cukup sekadar pendaftaran atas talian dan mengikuti kelas dan segala berkaitan dengan kursus yang diambil secara dalam talian- *online distance learning*, dengan izin.

Saya telah mengajukan soalan berhubung isu ini kepada Kementerian Pendidikan Tinggi. Pada 7 Disember saya telah menerima jawapannya yang menyatakan bahawa KPT membenarkan pendaftaran pelajar-pelajar antarabangsa yang baru secara dalam talian secara pukal. Saya dapati bahawa jawapan tersebut tidak cermat dan berbentuk pukul rata, kenakah?

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, menurut Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 ataupun lebih dikenali sebagai Akta 555 dan peraturan-peraturan di bawahnya; “kebenaran untuk pelajar asing yang baharu untuk mendaftar secara dalam talian dan seterusnya mengikuti pembelajaran dalam talian tanpa perlu hadir ke Malaysia hanya terpakai kepada IPTS yang berstatus *online distance learning* (ODL) seperti Universiti Wawasan, OUM dan lain-lain lagi.” Jumlahnya hanya 11 buah sahaja berbanding dengan lebih 100 buah IPTS yang lain.

Manakala untuk IPTS yang didaftarkan mode secara konvensional dan bukan berstatus ODL, pelajar antarabangsa baharu perlu mempunyai visa dan berdaftar, membayar yuran pengajian dan berada di dalam negara sebelum memulakan pengajian. Hatta secara dalam talian dari luar negara, mereka perlu berada dalam negara dahulu. Mereka perlu laksanakan *due diligence* dan lain-lain.

Saya mohon sedikit pencerahan daripada pihak Yang Berhormat Menteri. Apakah ini keputusan terbaru KPT iaitu tidak dihadkan kepada 11 buah universiti ODL malah dibuka untuk semua? Jika ini benar, ini merupakan berita gembira kepada para pengusaha IPTS terutamanya bagi mereka yang berhadapan risiko untuk menutup perniagaan kerana tiadanya pelajar luar negara yang datang mendaftar. Lebih malang, Bajet 2021 juga tidak menyediakan pakej rangsangan khas untuk membantu IPTS yang teruk terjejas akibat pandemik COVID-19.

Tuan Pengerusi, Butiran 010200 – Pengajian Tinggi. Semasa Kerajaan Pakatan Harapan mentadbir, kita telah memulakan satu usaha *reform* di Kementerian Pendidikan. Pada waktu itu, jabatan pendidikan tinggi menjalankan fungsi Kementerian Pendidikan Tinggi khususnya dalam soal-soal berkaitan dengan integriti. Kita telah menujuhkan jawatankuasa integriti yang diberisi oleh ahli-ahli akademik yang pakar dalam bidang masing-masing.

■1420

Jawatankuasa ini ditubuhkan bertujuan menyemak semula kelompongan yang wujud dari sudut integriti kerana kita dapat banyak sangat laporan yang berkaitan plagiarisme, kecurangan akademik, pembelian sijil palsu dan hal-hal lain yang berkaitan dengan integriti di kalangan ahli-ahli akademik.

Jawatankuasa ini juga telah bekerjasama dengan KPM untuk pindaan terhadap Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 ataupun dikenali sebagai Akta 605 untuk memastikan kebebasan akademik sentiasa terjamin dalam masa yang sama memastikan integriti ahli akademik di negara ini dapat diperkuuhkan.

Pertamanya, saya ingin tanyakan kepada Yang Berhormat Menteri apakah status Jawatankuasa Integriti ini?

Keduanya, apakah usaha pindaan terhadap Akta 605 ini diteruskan dan sekiranya ianya diteruskan, apakah langkah-langkah yang akan diambil selepas ini? Memandangkan cadangan pindaannya telah pun dibawa kepada Kabinet pada pentadbiran yang lalu, saya kira ia perlu diteruskan.

Butiran 010100, Tuan Yang di-Pertua, terkait juga dengan isu integriti ini yang perlu didokong sebagai prinsip utama KPT dan ekosistem pengajian tinggi. Terdapat beberapa laporan yang mempersoalkan justifikasi dan merit di sebalik pelantikan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi Malaysia oleh Yang Berhormat Menteri.

Ramai ahli akademik yang telah mengajukan supaya dibawa soalan ini ke Dewan. Wajar Dewan untuk diperjelaskan merit dan kredibiliti di sebalik calon yang dilantik ini. Jikalauolah para pensyarah dan profesor di IPT sentiasa diukur dengan KPI mereka berkait dengan penulisan mereka di jurnal-jurnal *Scoopers CSI*, Q1,Q2,Q3,Q4 ataupun penerbitan buku oleh penerbitan ternama berprestij di luar negara ataupun berdasarkan *hedge index* dan sitasi, Dewan ini berhasrat untuk mengetahui apakah skor *hedge index* dan *i10-index* KPKT sekarang?

Berapakah jumlah sitasi beliau? Berapakah bilangan penerbitan makalah jurnal beliau di SCI ataupun *Scoopers* dan berapakah bilangan buku beliau yang pernah diterbitkan oleh penerbit terkemuka luar negara? Oleh kerana menurut para akademik yang melakukan pencarian di internet, kita tidak menemukan maklumat-maklumat berkenaan.

Butiran 0212000 – UniSZA. Saya telah timbulkan baru-baru ini ketika perbahasan Kementerian Pelancongan tentang usaha sama di antara Arkib Negara dan UniSZA untuk membawa pulang dan juga menukar atau pendataran manuskrip-manuskrip melalui Malaysiana dan juga Alam Melayu ke dalam bentuk digital. Mereka telah berjaya melakukan dengan jayanya.

Cuma, peruntukan di pihak Arkib Negara tidak ada. Kita minta supaya KPT berikan peruntukan kepada UniSZA. Untuk rekod, usaha UniSZA ini mendapat pujiannya banyak pihak antarabangsa dan saya sendiri telah dihubungi oleh pihak luar yang bangga dengan usaha mereka. Tuan Pengurus, terima kasih.

Tuan Pengurus: Terima kasih Yang Berhormat Simpang Renggam. Seterusnya saya jemput Yang Berhormat Sabak Bernam.

2.23 ptg.

Dato' Haji Mohd Fasiah bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Pengurus kerana memberi peluang kepada saya membahaskan Kementerian Pengajian Tinggi.

Pertama, saya ingin menyentuh Butiran 01000 – Pengurusan, seterusnya Butiran 010200 – Pengajian Tinggi yang mendapat peruntukan sebanyak RM92,700,000 tahun 2021 berbanding sebanyak RM103,500,000 tahun 2020 iaitu pengurangan sebanyak RM19.8 juta atau sebanyak 10.5 peratus.

Saya ingin mendapatkan penjelasan, apakah kewajaran bagi mengurangkan peruntukan ini dan setakat manakah ia akan memberi kesan kepada mutu pendidikan di negara ini termasuk rangking penarafan antarabangsa seperti QS World University Rankings.

Seterusnya, saya ingin menyentuh Butiran 020000 – Operasi Pendidikan Tinggi khususnya Butiran 021100 – UiTM, Butiran 021300 – USIM, Butiran 021600 – UTeM

dan Butiran 021800 – UMP. Saya ingin menarik perhatian Dewan Yang Berhormat mulia ini daripada sebanyak 20 buah universiti awam, hanya sebanyak empat universiti sahaja yang dikurangkan peruntukan sedangkan sebanyak 16 buah universiti awam yang lain mendapat tambahan.

Daripada sebanyak empat universiti itu, kurangnya iaitu sebanyak RM138.7 juta manakala itu semua sebanyak 16 universiti awam lain mendapat pertambahan peruntukan antara sebanyak lima hingga lima belas peratus. Contohnya Universiti Malaya mendapat tambahan peruntukan sebanyak RM43.3 juta dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mendapat tambahan peruntukan sebanyak RM63.9 juta.

Saya ingin mendapatkan penjelasan apakah asas kewajaran pengurangan peruntukan bagi sebanyak empat universiti awam ini dan ibarat dianaktirikan terutama UiTM yang mengalami pengurangan ketara sebanyak RM128.6 juta dan sudah pasti akan menjaskan pengurusan UiTM keseluruhannya di seluruh negara termasuklah pelajar-pelajar yang kebanyakannya terdiri daripada keluarga B40.

Berhubung dengan Butiran 020000 – Operasi Pendidikan Tinggi yang telah diberikan peruntukan sebanyak RM7,531,292 tahun 2021 bagi Belanjawan 2021 berbanding sebanyak RM7,293,000 iaitu peningkatan sebanyak RM20 juta.

Saya ingin menyentuh berhubung dengan rakyat negara ini yang sedang mengikuti pengajian di universiti awam dan IPTS. Menurut jawapan bertulis daripada KPT, bilangan pelajar rakyat tempatan universiti awam adalah seramai 7,331 dan di IPTS seramai 7,554 orang.

KPT juga melaporkan bagi sesi akademik tahun 2020-2021 sebanyak 11 universiti awam menyediakan 1,285 tempat manakala sebanyak 15 IPTS menyediakan Program Pengajian Perubatan. Saya ingin mendapat ulasan berkenaan tentang perincian IPTS yang mengendalikan Program Pengajian Perubatan di negara ini dan bilangan tempat yang disediakan untuk pelajar tempatan dan luar negara.

Tuan Pengerusi, jumlah ini tidak termasuk graduan pengajian perubatan daripada rakyat negara ini yang sedang menuntut di luar negara. Saya ingin mendapatkan penjelasan KPT setakat manakah kerajaan mengawal bilangan pelajar perubatan universiti awam dan juga IPTS. Berhubung dengan butiran yang sama juga, saya ingin menyentuh berhubung dengan kebolehpasaran graduan ya.

Kita difahamkan ramai graduan tidak mendapat pekerjaan kerana bidang ataupun kursus pengajian yang tidak diikuti tidak menepati pasaran kerja dan keperluan industri semasa, termasuklah di sektor awam dan swasta. Saya ingin mendapatkan penjelasan, setakat manakah IPT menyediakan bidang dan program pengajian yang memenuhi kehendak industri?

Adakah kerajaan berhasrat untuk mengkaji semula kursus-kursus yang ditawarkan dan disediakan oleh universiti-universiti awam dan adakah kerajaan

berhasrat untuk memansuhkan bidang dan program pengajian yang tidak relevan di universiti awam dan juga swasta? Ini kerana apabila mereka telah tamat pengajian amat sukar untuk mendapat pekerjaan.

Butiran yang akhir sekali saya ingin menyentuh Butiran 050000 – Program Kursus khususnya Butiran Biasiswa Pendidikan Tinggi. Saya ingin menyentuh berhubung dengan PTPTN. Ada beberapa isu berhubung dengan PTPTN. Adakah beberapa isu berhubung dengan PTPTN ini? Isu yang pertama, saya mendapat maklum balas daripada pelajar IPT yang menerima PTPTN ini yang menyatakan jumlah pinjaman yang diberikan tidak mencukupi untuk menampung sara hidup IPT seperti untuk membeli makanan, buku, peralatan dan juga bagi pelajar golongan B40 malah M40.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada kerajaan, adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji semula kadar pinjaman PTPTN ini supaya lebih sesuai dan wajar kepada pelajar. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Sabak Bernam. Saya jemput Yang Berhormat Tuaran. Silakan.

2.29 ptg.

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada Tuaran untuk membahaskan Bajet 2021 Peringkat Jawatankuasa bagi Maksud Pembangunan 64 Kementerian Pengajian Tinggi.

Butiran 04200 – Universiti Sabah (UMS). Dalam Bajet 2021, UMS diberi peruntukan hanya sebanyak RM600,100 sahaja untuk pembangunan iaitu antara peruntukan yang paling rendah di antara sebanyak 20 IPTA seluruh Malaysia.

Saya difahamkan bahawa UMS memerlukan hampir sebanyak RM8 juta untuk menyediakan peruntukan pelbagai kemudahan khususnya untuk memastikan prasarana pendidikan *online* dapat dijalankan dengan lancar.

■1430

Pendidikan secara talian terus ataupun *online* satu norma baharu dan ini menjadikannya sebagai satu kemudahan asas yang mestilah pada era pandemik COVID-19 ini. Baru-baru ini Naib Canselor UMS telah membuat pengumuman bahawa UMS akan membelanjakan sebanyak RM1 juta, mempermudah lagi pembelajaran melalui talian terus untuk pelajar-pelajar yang kurang bernasib baik dan menggunakan Tabung Amanah Kebajikan Pelajar.

Di samping itu, sebanyak RM1.25 juta diperuntukkan untuk data pelan dan devices untuk pelajar-pelajar B40. Perbelanjaan yang telah dibuat oleh UMS untuk mempermudah lagi pembelajaran semasa pandemik COVID-19 ini membuktikan

bahawa UMS memerlukan lebih banyak peruntukan dan tentunya RM600,100 yang telah diperuntukkan dalam bajet ini, yang dicadangkan dalam bajet ini adalah sangat tidak mencukupi.

Selain itu, Kementerian Kewangan juga perlu mengambil kira keadaan di mana 67 peratus ataupun 11,873 orang pelajar UMS berada dalam dua kategori marginal daripada segi status ekonomi iaitu kelompok B40 sebanyak 6,008 orang dan kelompok miskin tegar seramai 5,865 orang pelajar. Pelajar-pelajar ini perlukan bantuan kewangan khas untuk memiliki peralatan digital seperti telefon pintar dan komputer untuk tujuan pembelajaran atas talian.

Dengan lain perkataan, sekiranya peruntukan tidak diberikan kepada UMS seperti mana yang telah dinyatakan oleh Naib Canselor tadi, mereka terpaksa menggunakan peruntukan dari Tabung Amanah Kebajikan Pelajar. Dalam keadaan seperti inilah, dalam bajet ini yang saya mengatakan daripada mula perbahasan kepada kementerian bahawa peruntukan-peruntukan yang tidak munasabah seperti JASA, peruntukan-peruntukan seperti Penggerak Komuniti KPCT dan sebagainya. Elok peruntukan-peruntukan seperti itu diberi kepada universiti-universiti yang memerlukan seperti UMS, di mana peruntukan ini secara langsung membantu pelajar-pelajar yang terkesan dengan COVID-19 dan sebagainya.

Bajet ini bajet untuk antara lain mengatasi masalah COVID-19. Akan tetapi nampaknya di sini, bayangkanlah untuk membangunkan UMS RM600 ribu sahaja, bukan pun juta. Saya ingin mencadangkan supaya RM45 juta yang telah dipotong daripada cadangan untuk JASA itu, berilah kepada UMS. Ringankan beban, beri RM4 juta kepada UMS dan sebagainya.

Jadi oleh sebab itu, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah sebenarnya langkah-langkah untuk memastikan supaya pengajaran melalui talian terus ini dapat diberikan peruntukan sebaik mungkin yang mencukupi? Khusus untuk UMS, saya ingin bertanya, sebenarnya berapakah yang telah dihantar oleh pihak kementerian kepada Kementerian Kewangan untuk mendapatkan peruntukan yang secukupnya? Berapa yang telah diminta dan berapa yang telah diluluskan? Adakah setakat RM600 ribu sahaja?

Akhir sekali Tuan Pengerasi, saya juga ingin bersama-sama seperti mana dinyatakan oleh kawan saya, Yang Berhormat Kimanis awal tadi berkenaan dengan pelaksanaan kolej-kolej komuniti di Sabah. Sungguh tidak wajar apabila sudah diadakan perasmian, pelaksanaan dan sebagainya, ada perbincangan dan sebagainya, ada peruntukan dan sebagainya tetapi akhirnya tidak dilaksanakan. Apabila bangunannya sudah dikenal pasti dan sebagainya tetapi tidak dilaksanakan.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah sebenarnya status pelaksanaan kolej komuniti bagi Parlimen Tuaran yang sudah pun dilancarkan dahulu tetapi sehingga pada hari ini tidak dilaksanakan? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Tuaran. Saya mempersilakan Yang Berhormat Bachok.

2.34 ptg.

Tuan Nik Mohamad Abdur bin Nik Abdul Aziz [Bachok]: *Bismillahi Rahmani Rahim... [Mengucapkan kata-kata aluan dalam bahasa Arab]* Terima kasih Tuan Pengerusi.

Saya teruskan dengan Butiran 010200 - Pendidikan Tinggi. Saya ingin menyentuh tiga isu di bawah Butiran Pendidikan Tinggi ini. Pertamanya, berdasarkan statistik kebolehpasaran para graduan pada tahun 2019, 63.5 peratus daripada 330,557 orang graduan universiti memperoleh pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas bergraduasi.

Sebanyak 16.7 peratus pula mengambil keputusan menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi, selain 13.8 peratus masih tidak mendapat pekerjaan. Saya berpendangan, kita berhadapan cabaran untuk mengekalkan peratusan yang tinggi bagi para graduan pada tahun 2020 nanti, untuk mendapatkan pekerjaan. Keadaan ini mungkin akan berlarutan pada tahun depan.

Soalan saya, apakah kementerian menyediakan langkah strategik bagi menangani isu mendapatkan pekerjaan, khususnya kepada para graduan yang baru? Kedua, selain soal galakan pekerjaan dan keusahawanan yang diusahakan oleh pihak kementerian, saya juga ingin bertanya rancangan kementerian bagi turut menggalakkan para graduan baru menyambung pelajaran ke peringkat seterusnya.

Sejauh mana program-program dan kempen dijalankan melibatkan pihak universiti sendiri bagi menggalakkan para graduan untuk menyambung pengajian mereka? Mohon penjelasan. Isu kedua adalah berkaitan dengan Program *MyBrain15* yang telah menaja kira-kira 56 ribu para pelajar sebelum ini. Kementerian pernah menjelaskan bahawa program baru *MyBrain15* akan diperkenalkan oleh kerajaan sebagai kesinambungan Program *MyBrain15* yang telah ditangguhkan oleh kerajaan sebelum ini.

Oleh itu, saya ingin mendapatkan penjelasan kementerian, apakah bentuk program baru yang telah dicanangkan oleh pihak kementerian bagi tajaan *MyBrain15* pada tahun akan datang? Saya mengharapkan agar program-program tajaan menyambung pengajian ke peringkat sarjana dan kedoktoran ini tidak dikesampingkan oleh pihak kementerian. Sasaran 60 ribu orang pemegang PhD menjelang tahun 2023 sewajarnya sentiasa menjadi keutamaan oleh pihak kementerian.

Perkara ketiga adalah berkaitan dengan PTPTN. Saya mengucapkan tahniah atas langkah perlanjutan moratorium secara pukal sehingga Disember 2020 dalam mengurangkan beban kepada para peminjam. Saya ingin bertanya, dalam tempoh bermula September, berapa ramaikah dalam kalangan peminjam ini yang telah mula membayar balik pinjaman walaupun masih dalam tempoh moratorium?

Kedua, mengenai aspek pinjaman pada tahun hadapan. Disebabkan pembayaran balik yang rendah pada tahun ini, apakah ada penstruktur portfolio PTPTN bagi memastikan para pelajar yang mahu mendapatkan pinjaman PTPTN pada tahun hadapan tidak berhadapan dengan halangan? Ketiga, saya ingin tahu perkembangan cadangan penstruktur semula bayaran balik sehingga untuk umur 60 tahun selain langkah menangguhkan bayaran balik pinjaman sehingga maksimum 24 bulan.

Berapa ramaikah yang telah mendapat manfaat daripada cadangan penstruktur yang telah dikemukakan ini? Keempat, sebelum ini banyak kali dibangkitkan soal masih terdapat para peminjam PTPTN yang mengelak daripada membayar hutang pendidikan walaupun berkemampuan untuk berbuat demikian. Saya difahamkan pelbagai program libat urus telah dilaksanakan, namun masih tidak nampak formula baru kementerian bagi menangani isu ini. Jadi, saya mohon pandangan kementerian.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, Butiran 040100 - Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti. Saya pernah membangkitkan di Dewan yang mulia ini mengenai penubuhan kolej komuniti di Daerah Bachok yang sepatutnya telah pun beroperasi sekarang tetapi telah dibatalkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan terdahulu.

Justeru, sebagaimana jawapan kerajaan baru-baru ini di Dewan yang mulia ini, bahawa kerajaan memang berhasrat untuk menubuhkannya kembali melalui cadangan dalam RMKe-12. Saya sekali lagi memohon dan mengharapkan agar Kolej Komuniti Bachok ini dapat direalisasikan segera penubuhannya. Tambahan pula negeri Kelantan baru memiliki lima buah kolej komuniti yang hanya dapat menampung sejumlah 1,000 orang penuntut sahaja, sedangkan sambutannya amat menggalakkan. Selain ia akan dapat membantu di dalam meningkatkan kualiti modal insan anak-anak muda di negeri Kelantan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Bachok. Yang Berhormat Batu Gajah.

2.39 ptg.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: [Masalah rakaman]...Mempunyai 443 buah institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) yang memberi

peluang kepada lebih kurang 600 ribu orang pelajar iaitu 51 peratus daripada keseluruhan 1.3 juta orang pelajar pengajian tinggi.

■1440

Sepanjang pandemik COVID-19, IPTS terpaksa menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran dengan norma baharu iaitu secara dalam talian. Ramai dalam kalangan pelajar-pelajar menghadapi masalah untuk mendapat akses data internet dan untuk memperoleh komputer riba. Bagaimanakah kerajaan membantu IPTS menyediakan bantuan kepada pelajar-pelajar yang menghadapi masalah?

Adakah kerajaan memberi apa-apa geran untuk IPTS untuk meningkatkan kapasiti internet dan komunikasi? Adakah kerajaan akan memberi apa-apa bantuan dana kepada pelajar-pelajar IPTS untuk tujuan pembelian data dan untuk membeli komputer riba dan peralatan-peralatan lain?

Adakah benar bahawa kadar kemasukan pelajar ke IPTS telah menurun sejak bulan Mac tahun ini? Apakah usaha kerajaan untuk membantu IPTS yang menghadapi masalah pembayaran yuran dan kos-kos lain seperti penginapan? Apakah peranan PTPTN dalam membantu pelajar-pelajar IPTS yang terjejas akibat pandemik COVID-19? Adakah benar terdapat IPTS yang telah panjangkan tempoh pengajian disebabkan oleh COVID-19? Jika benar, ini adalah tidak munasabah kerana pelanjutan tempoh pengajian akan menelan kos yang lebih tinggi dan membebankan kalangan pelajar terutamanya daripada kalangan mereka yang terjejas akibat pandemik COVID-19.

Saya juga ingin tahu, apakah mekanisme kawalan oleh kementerian untuk memastikan semua IPTS tidak menggadai piawaian yang ditetapkan oleh pihak kementerian bagi kursus-kursus yang dijalankan olehnya? Perkara kedua yang saya hendak bangkitkan ialah mengenai keperluan untuk pelajar-pelajar yang mengikuti program-program peringkat sarjana dan juga peringkat kedoktoran. Negara kita mempunyai banyak IPTA dan juga IPTS untuk memenuhi keperluan dalam pelbagai bidang.

Berapa ramaikah graduan peringkat sarjana muda, sarjana dan kedoktoran oleh negara kita setiap tahun? Adakah ijazah sarjana dan kedoktoran yang dikeluarkan oleh IPTS setanding dengan graduan-graduan daripada IPTA? Ramai yang berpendapat bahawa graduan-graduan sarjana kedoktoran daripada IPTS adalah tidak setanding dengan IPTA dan mudah diperoleh dalam tempoh yang singkat.

Bagaimanakah kementerian memastikan setiap IPTS yang menganjurkan program sarjana dan kedoktoran tidak hanya mementingkan keuntungan semata-mata tetapi memberi penekanan kepada kualiti pendidikan dan kelayakan pelajar-pelajar yang mengikutinya? Perkara ini adalah serius kerana ramai yang tidak layak tetapi menyematkan gelaran doktor dan sebagainya daripada institusi-institusi tertentu.

Selain daripada itu, apakah usaha-usaha kementerian untuk menarik minat lebih ramai pelajar yang layak untuk melanjutkan pelajaran dalam program-program sarjana dan kedoktoran di IPTA? Saya juga mencadangkan kepada kementerian untuk membuka peluang kepada Ahli-ahli Parlimen yang layak dan berminat untuk melanjutkan pelajaran mereka secara separuh masa di IPTA dengan pembiayaan penuh oleh pihak kerajaan.

Tuan Pengerusi, akhir sekali saya ada satu lagi perkara yang perlu saya bangkitkan iaitu berkaitan dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara yang dilancarkan pada tahun 2007. Sejauh manakah pelan ini telah mencapai matlamat negara iaitu untuk membolehkan negara kita menjadi hab pendidikan tinggi pada peringkat global? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah. Yang Berhormat Kuala Krai.

2.45 ptg.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: *Bismillahi Rahmani Rahim, Alhamdulillah.* Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi kesempatan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa Kementerian Pengajian Tinggi. Saya merujuk kepada Butiran 04000 – Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pengajian Tinggi atas kenaikan peruntukan dalam butiran ini bagi belanjawan kali ini. Ternyata Kerajaan Perikatan Nasional sangat rasional dalam melahirkan generasi yang lebih berdaya saing untuk bidang pekerjaan. Saya ingin menyentuh tentang program TVET untuk pelajar di institusi tahfiz dan juga pondok.

Soalan saya ialah, apakah kriteria pemilihan pelajar yang layak untuk mengikuti program tersebut daripada segi umur dan pengajian yang telah dilalui oleh mereka di pusat tahfiz ataupun pondok? Apakah pengiktirafan yang akan diperoleh selepas tamat nanti? Sama ada di peringkat diploma ataupun pensijilan ataupun lain-lain kelayakan.

Selain itu, apakah persediaan pihak KPT untuk membina platform jaringan ataupun platform penyaringan pelajar yang layak untuk memasuki jurusan TVET di mana-mana institusi pengajian tinggi yang diiktiraf? Seperti prosedur pengisian borang UPU atas talian dan sebagainya. Pihak KPT juga perlu membina hubungan serta jaringan komunikasi dengan pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri ataupun pihak pengurusan pondok-pondok yang terpilih. Ini kerana, mereka adalah pihak yang mempunyai data penuntut sekolah tahfiz dan pondok yang lengkap.

Tuan Pengerusi, Butiran 020000 – Operasi Pendidikan Tinggi. Soalan saya, bilakah waktu kementerian jangkakan untuk memulakan sesi pengajian penuh ataupun

sesi penuh pengajian? Terdapat universiti awam ataupun swasta yang membenarkan pelajar untuk ke tempat pengajian semasa pandemik COVID-19 ini. Mengapakah ia tidak diselaraskan bagi semua universiti?

Adakah terdapat perbezaan SOP daripada pihak kementerian untuk pelajar ke tempat pengajian? Bagaimanakah pula dengan yuran yang telah dibayar oleh pelajar? Adakah akan dikembalikan atau dibawa ke sesi hadapan? Pada pasca pandemik COVID-19, adakah pendidikan berkualiti dapat dicapai? Apakah KPI bagi pendidikan berkualiti? Apakah masalah terbesar yang dihadapi oleh pelajar dan pihak universiti untuk mencapai kualiti tersebut?

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 021900 – Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Saya mencadangkan UMK memperkenalkan aliran agama kerana Kelantan terkenal dengan negeri Serambi Mekah. Semenjak dahulu lagi Kelantan telah didatangi oleh ramai orang dari seluruh pelosok negara dan juga termasuk dari negara-negara Asia sebagai tempat pengajian.

Oleh kerana itulah, banyak wujudnya pondok-pondok yang berkualiti dan menjadi tumpuan dan sekarang ini diteruskan dengan sekolah-sekolah agama di seluruh pelosok negeri. Saya juga mencadangkan sebuah kampus UMK dibina di Kuala Krai yang memfokuskan bidang agama sebagai wadah pengajiannya.

Sebidang tanah yang amat sesuai telah dikenal pasti di Kuala Krai. Dalam masa yang sama, saya yakin penubuhan UMK di kawasan hulu Kelantan akan memberi suntikan pembangunan kepada kawasan Kuala Krai dan juga Gua Musang. Saya juga ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah pendirian dan usaha pihak KPT untuk menubuhkan universiti Al-Quran sebagai salah sebuah universiti awam? Jika usaha ini berjaya, maka satu lagi sejarah akan tercatat pada zaman Kerajaan Perikatan Nasional ini berjaya mengangkat martabat Al-Quran dalam negara ini.

Tuan Pengerusi, Butiran 050400 – Biasiswa Pengajian Tinggi. Adakah kerajaan bakal memperkenalkan kembali program *MyBrain15* yang telah hilang ketika kerajaan terdahulu? Saya yakin Kerajaan Perikatan Nasional akan mengembalikan program yang amat baik ini. Mengambil kira pencapaian program berkenaan, program yang memfokuskan penajaan kepada pelajar di peringkat pasca siswazah amatlah diperlukan untuk menjadikan modal insan negara ini berkualiti tinggi. Butiran terakhir Tuan Pengerusi ialah Butiran 020700 – Universiti Islam Antarabangsa.

Permudahkanlah kemasukan pelajar Timur Tengah untuk menyambung pelajaran di Malaysia. Saya ingin menarik perhatian pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) berkaitan dengan kemasukan pelajar Timur Tengah yang mengikuti pengajian mereka di universiti dalam negara kita. Malaysia dianggap sebagai sebuah negara yang mempunyai mutu pendidikan yang baik di dunia. Pelajar-pelajar dari Timur

Tengah seperti Qatar, Arab Saudi dan sebagainya sangat berminat untuk datang dan menyambung pelajaran di negara kita.

■1450

Saya mencadangkan kepada pihak kerajaan agar mempermudahkan urusan pelajar-pelajar dari negara-negara tersebut untuk menyambung pelajaran di sini. Saya difahamkan mereka perlu mendapatkan pas pelajar terlebih dahulu sebelum pihak universiti mengambil mereka sebagai pelajar yang berdaftar. Ada yang telah menamatkan pengajian di peringkat ijazah, jika ingin meneruskan pengajian di peringkat sarjana ataupun tamat peringkat sarjana ingin menyambung ke peringkat PhD, mereka perlu keluar dari Malaysia terlebih dahulu dan kembali membuat permohonan pas pelajar.

Jika lulus, barulah dapat menyambung belajar. Ini sudah pasti akan merugikan kita seandainya mereka terus balik dan tidak datang kembali untuk menyambung belajar kerana dasar tersebut. Oleh itu saya ingin mencadangkan permudahkanlah urusan mereka dan kurangkanlah kerenah birokrasi. Secara tidak langsung ia boleh menambah pendapatan kepada negara kita. Tuan Pengerusi, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. Akhir sekali Yang Berhormat Pontian.

2.51 ptg.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Perkara pertama yang ingin saya timbulkan ialah mengenai komitmen kewangan, telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa program dipanggil eBelia dinaikkan daripada RM50 ke RM100 dan ia melibatkan 1.1 juta pelajar IPTA dan IPTS.

Ini adalah permohonan saya sendiri dalam Dewan ini dan dalam satu dialog belanjawan dan akhirnya pelajar-pelajar kita dapat dari 1.1 juta itu RM100 seorang. Walau bagaimanapun pada tahun-tahun sebelum ini ketika era BN dahulu kita berikan RM250. Tak apalah untuk tahun depan kita bagi RM100 dahulu, tahun-tahun akan datang bolehlah RM250 itu. Cuma saya agak khuatir, sekiranya tidak ada dalam bajet kementerian ini, saya harap ia ada dalam peruntukan Kementerian Kewangan.

Perkara kedua ialah biasiswa pendidikan tinggi. Tadi sudah kawan-kawan menyebut tentang *MyBrain15*, ia adalah sesuai untuk diberikan kepada pelajar-pelajar untuk meneruskan pelajaran dalam PhD. Ada program dahulu dipanggil *MyMaster*, kemudian program *MyPhD*. Kemudian ada satu lagi program *MyPhD Industri*. Tujuan kita ialah untuk mewujudkan sekitar 60,000 mereka yang mempunyai PhD di negara kita. Saya ingin tahu berapa ramai yang sudah ada PhD di Malaysia dan adakah kita akan meneruskan program *MyBrain15* ini?

Kita ada satu ketika program yang amat baik, menghantar pelajar-pelajar yang terbaik daripada negara kita ke universiti-universiti terbaik di dunia dan saya harap ia akan diteruskan melalui biasiswa pendidikan tinggi kementerian. Tadi Yang Berhormat Kuala Krai ada menyebut tentang Universiti Al-Quran. Agak baik kalau KPT berbincang dengan JAKIM misalnya sebab kita sudah umum Universiti Al-Quran ini pada tahun 2018 tetapi tidak dapat diteruskan oleh Kerajaan PH. Kita umum supaya Darul Quran yang ada di Kuala Kubu Bharu itu dinaikkan menjadi Universiti Al-Quran. Banyak pahala kalau Yang Berhormat Menteri boleh meneruskan Universiti Al-Quran ini.

Perkara seterusnya ialah operasi pendidikan tinggi perlu dana untuk penyelidikan dalam pelbagai bidang. Kita untuk memansuhkan sesuatu perkara itu amat mudah. Untuk melaksanakannya amat sukar. Banyak kajian dibuat untuk PLKN misalnya. Selepas itu untuk memansuhkan tidak ada sebarang kajian dan terus dimansuhkan. Banyak kajian dibuat untuk melaksanakan GST misalnya. Sebanyak 170 negara melaksanakan GST, takkanlah sistem yang dipakai oleh 170 negara itu tidak betul. Akan tetapi untuk memansuhkannya amat senang.

Jadi pada saya, perlu diberikan dana yang cukup untuk universiti-universiti dalam negara. Sebelum kita hendak memansuhkan atau memulakan sesuatu program atau suatu dasar yang baik hendaklah dibuat kajian-kajian melalui penyelidikan ilmiah.

Satu lagi ialah tentang politeknik dan kolej komuniti. Elok sangat kalau ditumpukan segala politeknik dan kolej komuniti ini dengan kaedah-kaedah menambah apa yang dipanggil sebagai bangsa usahawan. Saya ingin menyokong Siswaprenuer yang dilancarkan oleh KPT dengan Kementerian Pembangunan Usahawan. Ia adalah satu langkah strategik yang bagus, dua kementerian bergabung untuk mewujudkan siswa-siswi usahawan.

Ini adalah satu usaha yang bagus dan saya ingin bertanya berapa peratus agaknya daripada 1.1 juta siswa-siswi pengajian tinggi itu yang ingin dijadikan usahawan? Adakah 10 peratus? Kalau 10 peratus, 100,000 setahun. Ia adalah satu angka yang munasabah, saya ingin tahu berapakah sebenarnya angka yang ingin diwujudkan. Siswaprenuer itu berapa ramai angkanya?

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) mempergerusikan Jawatankuasa]

Kemudian PTPTN. PTPTN ini kita tahu bahawa salah satu perkara yang amat menarik kepada anak-anak muda ialah pendidikan percuma. Akan tetapi adalah amat sukar untuk kita melaksanakan pendidikan percuma. Segala-galanya kita perlukan pinjaman dana untuk pendidikan. Walau bagaimanapun saya lihat ada satu kaedah yang amat strategik yang dibuat oleh PTPTN iaitu mewujudkan SSPN.

SSPN ini adalah Skim Simpanan Pendidikan Nasional. Ibu bapa digalakkan menyimpan bagi pendidikan tinggi masa depan anak-anak mereka. Itu satu kaedah yang kreatif dan kita menyokong penuh apa yang dibuat oleh Kementerian Kewangan, memberikan pelepasan cukai sehingga RM8,000 kepada ibu bapa yang ada menyimpan wang dalam SSPN ini.

Saya ingin bertanya, apakah lagi kaedah-kaedah yang memberi motivasi kepada ibu bapa untuk menyimpan supaya anak-anak mereka ada simpanan pada mereka yang ingin melaksanakan pendidikan tinggi. Moratorium bayaran balik PTPTN ini saya kira walaupun ada secara sukarela, beberapa ribu orang yang ingin membayar PTPTN ini walaupun ketika moratorium. Saya kira itu bukanlah halnya. Perkara yang mustahak ialah kita ingin membantu ketika mereka susah dan saya ingin mengesyorkan agar moratorium ini diteruskan kepada peminjam-peminjam PTPTN. Terima kasih.

Tuan Pengurus [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Yang Berhormat, dengan itu tamat perbahasan. Saya dengan ini menjemput Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi untuk menjawab, 30 minit.

2.56 ptg.

Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Dr. Noraini Ahmad]: Terima kasih Tuan Pengurus. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Pengurus, terlebih dahulu saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Tangga Batu, Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Jelutong, Yang Berhormat Kimanis, Yang Berhormat Jerlun, Yang Berhormat Jerai, Yang Berhormat Simpang Renggam, Yang Berhormat Sabak Bernam, Yang Berhormat Tuaran, Yang Berhormat Bachok, Yang Berhormat Batu Gajah, Yang Berhormat Kuala Krai dan Yang Berhormat Pontian yang mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2021 bagi Kementerian Pengajian Tinggi di peringkat Jawatankuasa pada hari ini. Saya yakin semua perkara yang dibangkitkan adalah atas rasa tanggungjawab dan keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat bagi memperkuatkannya lagi bidang pendidikan tinggi.

Secara ringkasnya Tuan Pengurus, saya ingin memaklumkan bahawa pada 2021, sejumlah RM14.574 bilion telah diperuntukkan kepada KPT yang meliputi RM11.584 bilion ataupun 80.4 peratus untuk belanja mengurus, sementara RM2.989 bilion ataupun dari segi peratusannya 19.6 peratus merupakan peruntukan belanja pembangunan. Saya percaya peruntukan besar ini mencerminkan kesediaan dan komitmen pihak kerajaan untuk memastikan penawaran pendidikan tinggi yang lebih berkualiti dapat disediakan kepada rakyat melalui pemerkasaan modal insan serta peningkatan infrastruktur yang kondusif.

Tuan Pengerusi, saya ingin menjawab pertanyaan mengenai kekurangan peruntukan untuk tahun 2021, UiTM yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tangga Batu dan Yang Berhormat Sabak Bernam. Isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkaitan dengan UiTM iaitu dalam Butiran 021100 merupakan satu isu yang sangat dekat di hati saya dan juga di KPT. Sememangnya saya amat mengambil berat tentang hal ehwal UiTM dan juga universiti awam yang lain.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, jumlah peruntukan mengurus yang diterima UiTM pada tahun 2020 adalah sebanyak RM1.861 bilion. Ini termasuk peruntukan hospital UiTM. Walau bagaimanapun pada tahun 2021, peruntukan tersebut telah diasingkan. Ini seperti dalam jawapan saya di peringkat dasar.

Secara keseluruhannya peruntukan untuk UiTM pada tahun 2020 adalah sebanyak RM1.736 bilion, manakala peruntukan untuk tahun 2021 adalah sebanyak RM1.733 bilion. Seperti juga saya nyatakan dalam ucapan dasar saya, pengurangan ini akan ditampung oleh pihak kementerian melalui penjimatan dalaman. Tadi Yang Berhormat Tangga Batu ada bertanya, apakah maksud penjimatan dalaman oleh pihak kementerian.

■1500

Kesemua peruntukan yang disalurkan kepada KPT dan sebelum penutupan akaun pada setiap akhir tahun, hasil daripada penjimatan dan perbelanjaan berhemah akan menghasilkan lebihan dan lebihan inilah yang dimaksudkan dengan penjimatan dalaman sesebuah kementerian. Misalnya, pada tahun 2020, KPT telah membuat penjimatan dalaman sebanyak RM191 juta dan kesemua penjimatan ini telah kita salurkan kepada 20 buah universiti awam.

Selain daripada itu, pada tahun ini pula, kementerian juga telah menyalurkan satu peruntukan sebanyak RM78.3 juta kepada Hospital UiTM melalui penjimatan juga di peringkat kementerian. Untuk belanja pembangunan UiTM pula, peruntukan yang diterima dalam Bajet 2021 adalah lebih tinggi kalau kita bandingkan dengan peruntukan tahun 2020. Dalam tahun 2020, UiTM diperuntukkan sebanyak RM877.1 juta, manakala untuk tahun 2021, UiTM diperuntukkan sebanyak RM901.42 juta iaitu peningkatan sebanyak 2.77 peratus.

Dengan semua langkah dan semua tindakan yang diambil ini, saya yakin semua isu yang berkaitan dengan kekurangan peruntukan tahun 2021 kepada UiTM ini akan dapat diatasi. Sepertimana jawapan saya semasa menggulung perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2021 peringkat dasar, KPT ingin sekali lagi menegaskan bahawa kebijakan dan kelangsungan operasi UiTM adalah menjadi keutamaan di peringkat kementerian. Justeru, sekali lagi, kementerian memberikan jaminan bahawa peruntukan emolumen kepada kakitangan UiTM akan disalurkan dan pembayaran gaji dan emolumen kepada kakitangan kontrak iaitu dalam Butiran 050200

akan turut dibiayai oleh pihak kerajaan. Sekiranya masih lagi tidak mencukupi, kementerian akan membuat perbincangan bersama dengan Kementerian Kewangan—kita pun telah memulakan *engagement* bersama Kementerian Kewangan untuk dipertimbangkan dalam bajet tambahan tahun 2021.

Yang Berhormat Tangga Batu juga membangkitkan isu mengenai kekurangan peruntukan biasiswa. Juga perkara yang sama dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jelutong.

Kementerian memang mengambil berat keperluan bantuan biasiswa kepada pelajar. Berhubung peruntukan biasiswa yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, KPT telah diberikan peruntukan sebanyak RM170 juta untuk tahun 2020. Peruntukan tersebut digunakan untuk membiayai seramai 26,000 orang pelajar sedia ada dan tajaan baharu meliputi pengajian di dalam dan juga di luar negara.

Untuk tahun 2021 pula, kementerian memberikan tumpuan penajaan lebih kepada pelajar untuk melanjutkan pengajian di dalam negara. Pendekatan ini diambil berdasarkan beberapa rasional yang di peringkat kementerian fikirkan adalah begitu rasional.

Pertama, situasi pandemik COVID-19 yang membataskan pergerakan keluar dan masuk ke sesbuah negara. Kedua, kos pengajian dalam negara secara relatifnya, Ahli-ahli Yang Berhormat, adalah lebih rendah kalau kita bandingkan kos di luar negara. Secara tidak langsung, ia akan dapat membantu menambahkan bilangan pelajar yang ditaja untuk kos yang sama.

Ketiga, kita dapat membantu kelangsungan pengoperasian IPTS melalui tajaan kepada pelajar-pelajar yang akan diberikan biasiswa ini. Justeru, peruntukan sebanyak RM162 juta pada tahun 2021, *insya-Allah*, dijangka tidak akan menjelaskan matlamat untuk membangunkan modal insan negara memandangkan jumlah sasaran penerima pada tahun tersebut diunjurkan seramai 33,000 orang pelajar, melebihi daripada jumlah penerima pada tahun 2020.

Yang Berhormat Tangga Batu juga ada membangkitkan isu mengenai peruntukan pensyarah untuk hadir seminar. Sekiranya pensyarah diarahkan oleh universiti untuk menghadiri mana-mana seminar dalam dan luar negara, sekiranya *border* ini dibuka, pensyarah boleh membuat tuntutan perjalanan tertakluk kepada kaedah dan peraturan sedia ada. *Insya-Allah*, tidak akan menimbulkan apa-apa masalah mengenai perkara itu.

Yang Berhormat Tangga Batu juga membangkitkan isu meningkatkan fasiliti politeknik dan kolej komuniti. Kementerian sebenarnya, Ahli Yang Berhormat, dalam usaha menambah baik semua fasiliti, membaik pulih infrastruktur dan peralatan usang dan politeknik dan kolej komuniti adalah termasuklah fasiliti Kolej Komuniti Tangga Batu.

Peruntukan yang diperoleh adalah— sebenarnya dalam hal meningkatkan fasiliti ini, *insya-Allah*, ia dapat menampung 11 projek baharu dan 78 projek sambungan.

Yang Berhormat daripada Setiu ada membangkitkan mengenai sasaran kadar kebolehpasaran graduan institusi pendidikan di bawah seliaan kementerian, kenapa ia menurun dan apakah punca sasaran itu menurun dan segalanya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian menyasarkan peratus kebolehpasaran graduan bagi tahun 2021 sebanyak 75 peratus. Peratus kebolehpasaran ini ditetapkan dengan mengambil kira impak COVID-19 terhadap ekonomi negara dan jangkaan kadar pengangguran yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

Dalam menangani isu pengangguran di kalangan graduan, kementerian giat melaksanakan beberapa inisiatif. Antaranya, kita di peringkat kementerian ada melaksanakan program *career development* atau KPT-CAP yang berbentuk latihan kemahiran jangka pendek dan sederhana. Sebanyak RM100 juta telah diperuntukkan melalui PENJANA bagi menjayakan inisiatif ini. Terdapat tiga kluster utama untuk menjayakan program ini yakni *job matching* dan *placement*, keusahawanan dan ketiganya adalah *gig economy*.

Sebagai langkah masa hadapan, KPT juga telah merangka— kita meluaskan pelaksanaan inisiatif ini dengan membuat kolaborasi bersama negeri-negeri melalui program, yang pertama, *JOBs@State* dan juga *GRADpreneur@State*. Keseluruhan inisiatif PENJANA KPT-CAP dijangka akan dapat memberi manfaat dan nilai tambah kepada sejumlah 20,000 orang graduan universiti awam, politeknik dan kolej komuniti.

Keduanya pula, kita juga akan menawarkan bantuan kewangan kepada graduan yang ingin melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Antaranya, kita ada bantuan seperti *MyBrain Sc*, Biasiswa Menteri Pengajian Tinggi dan Bantuan Kewangan Pelajar OKU.

Ketiganya pula dalam menangani isu pengangguran di kalangan graduan ini, *insya-Allah*, kita akan melaksanakan program padanan dan ia telah pun kita mulakan dengan graduan dengan kerjasama PERKESO. Graduan-graduan yang berdaftar di portal *MYFutureJobs* akan dipadankan dengan kekosongan jawatan di syarikat-syarikat yang berdaftar melalui portal tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 24 November, sejumlah 192,186 orang graduan telah mendaftar untuk dipadankan dengan kekosongan perjawatan di dalam portal dan sejumlah 36,122 orang graduan juga telah mendapat penempatan.

Keempatnya pula, kita di peringkat kementerian memang menggalakkan pelajar untuk terlibat dalam bidang keusahawanan. Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2021-2025 sedang dimuktamadkan dan, *insya-Allah*, akan dilancarkan dalam seminggu dua

lagi. Sepanjang tahun 2016 sehingga 2019, seramai 49,934 orang pelajar telah menjalankan perniagaan mereka sepanjang pengajian dan daripada jumlah tersebut, seramai 7,148 orang graduan masih meneruskan kerjaya mereka.

Yang Berhormat Setiu juga mencadangkan supaya pemerkasaan golongan OKU. Untuk makluman Yang Berhormat, laluan khas untuk OKU ini ada di KPT di pengajian tinggi dan sesi akademik baru-baru ini, seramai 732 telah memohon untuk melalui laluan khas ini.

■1510

Yang Berhormat Setiu juga ada membangkitkan isu ataupun mencadangkan supaya meluaskan capaian internet di IPTS. Untuk makluman Yang Berhormat, dalam usaha kerajaan membantu pelajar universiti awam, kerajaan sama sekali tidak pernah mengabaikan kebijakan pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi swasta. Kita mempunyai kerjasama bersama dengan rakan strategik telekomunikasi dan juga pembekal peranti pakej pelan data dan juga peranti bukan sahaja diterima oleh pelajar universiti awam, malah telah diperluaskan kepada pelajar di IPTS.

Pakej pelan data istimewa yang disediakan oleh syarikat telekomunikasi seperti Celcom, Digi, Telekom melalui UniFi dan Maxis adalah berbeza bergantung kepada tawaran yang dipersetujui seperti kelajuan internet, harga pelan data, kuota data, senarai putih domain ataupun URL IPT dan yang lain-lainnya dan potongan kadar istimewa bagi pakej peranti daripada Acer adalah untuk komputer riba dan komputer peribadi. Manakala tawaran Samsung pula adalah melibatkan telefon bimbit, tablet, jam dan aksesori.

Yang Berhormat Setiu juga ada mencadangkan aktiviti penyelidikan. Untuk makluman Yang Berhormat Setiu, aktiviti penyelidikan dan PdP dalam makmal yang melibatkan kemudahan makmal, peralatan khas secara bersemuka memang dibenarkan. Walau bagaimanapun syarat dan peraturan yang telah ditetapkan bagi melaksanakan aktiviti tersebut perlu untuk mematuhi SOP sepenuhnya.

Bagi aktiviti penyeliaan, perbincangan dan juga persidangan dan juga seminar penyelidikan, IPT disarankan agar melaksanakan semua aktiviti penyeliaan dan perbincangan bersama ahli penyelidik menggunakan platform atas talian yang selamat dan terjamin daripada segi kerahsiaan. Selain itu, pembentangan secara dalam talian bagi mana-mana persidangan yang menyediakan kemudahan tersebut adalah dibenarkan.

KPT membuat *engagement* dengan izin bersama dengan IPT dan IPT juga telah disarankan untuk menangguhkan semua aktiviti penyelidikan yang melibatkan kerja lapangan di luar institusi sehingga kerajaan mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan ataupun sehingga PKP ditamatkan. Walau bagaimanapun sekiranya aktiviti penyelidikan tersebut dianggap penting dan perlu keperluan kritikal,

maka kebenaran bertulis oleh pengurusan tertinggi universiti selaras dengan kuasa autonomi universiti masing-masing.

Bagi aktiviti penyelidikan yang tidak dibenarkan pula, penyelidik dan pelajar tidak dibenarkan menghadiri persidangan secara bersemuka ataupun menjalankan kutipan data yang seumpamanya di kawasan PKPD dan luar negara tertakluk kepada keputusan kerajaan daripada semasa ke semasa. Penyelidik boleh menggunakan alternatif lain yang sesuai seperti mendapatkan kutipan data secara dalam talian ataupun membuat kolaborasi dengan penyelidik luar negara bagi mendapatkan data dan sampel daripada negara tersebut. IPT boleh membuat pengubahsuaian berkenaan tarikh penghantaran laporan penyelidikan disebabkan penangguhan aktiviti kumpulan data.

Mengenai bantuan kepada pelajar bagi membolehkan mereka mengikuti sesi PdP secara dalam talian. Perkara yang dibangkitkan ini menjadi keutamaan di peringkat kementerian. Justeru itu, kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM41.2 juta bagi bantuan khususnya kepada pelajar B40 antaranya beberapa sumbangan kita telah bagi seperti sumbangan pelan data dengan peruntukan sebanyak RM24 juta kepada 320,396 orang pelajar universiti awam dan yang mendapat SIM card pula adalah seramai 225,784 orang dan 94,612 orang pelajar menerima bantuan berbentuk tunai dan lain-lain. Lain-lain ini saya akan bagi secara bertulislah bagi menjimatkan waktu kita.

Akan tetapi dalam jangka masa sederhana pula saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat Setiu, kementerian akan meningkatkan kapasiti jalur lebar di IPTA dengan memperkasakan *Malaysian Research & Education Network (MYREN)* kepada antara 500 Mbps hingga 10 Gbps dengan peruntukan yang telah diluluskan sebanyak RM50 juta.

Yang Berhormat Tangga Batu dan juga Yang Berhormat Jelutong ada membangkitkan dan memohon pihak kementerian memaklumkan justifikasi mengenai dana biasiswa yang telah berkurang. Akan tetapi saya tadi telah maklumkan dalam jawapan terdahulu yang telah saya katakan.

Akan tetapi saya hendak maklumkan juga bahawa pada tahun 2021, kementerian sememangnya memberikan tumpuan penajaan lebih kepada pelajar ini untuk belajar dalam negara kerana pembatasan pergerakan, selepas itu kos dalam negara ini relatifnya lebih rendah dan juga dapat membantu IPTS. Akan tetapi saya rasa saya pun telah terangkan sedikit sebanyak mengenai perkara ini tadi. Yang Berhormat Jelutong...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat, sedikit saja Yang Berhormat. Saya telah terima pesanan daripada seorang penuntut di universiti awam untuk membangkitkan perkara ini. Pada masa yang sama, beliau

menghantar satu berita kepada saya, berita tentang- saya pun hairanlah Ketua Pemuda UMNO Titiwangsa pemilik pertama motosikal paling mahal di dunia, RM888,000. Beliau katakan Yang Berhormat, penuntut universiti tidak dapat bayar beli *laptop*. Ini kita lihat seorang pemuda UMNO yang telah menempah motosikal yang paling- itu saya minta Yang Berhormat untuk...

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Apa kaitannya Yang Berhormat Jelutong?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Untuk beri perhatian kepada nasib- terima kasih.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Apakah kaitan ini Yang Berhormat Jelutong?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ada kaitan, ada kaitan.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Tiada kaitan.

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Sudah lah Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ini adalah keluhan dan rintihan daripada penuntut-penuntut universiti awam kita.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Mana boleh cakap. Yang Berhormat Jelutong, tarik balik.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ini adalah keluhan dan rintihan penuntut-penuntut universiti awam kita.

Dato' Dr. Noraini Ahmad: ...Yang Berhormat.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Pandai Yang Berhormat Jelutong masuk, pandai Yang Berhormat Jelutong masuk.

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Teruskan Menteri.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Kelantan naik gaji nanti, sama.

Dato' Dr. Noraini Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Akan tetapi itu di luar daripada butiran Kementerian Pengajian Tinggi. Saya hendak menyambung untuk menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jelutong mengenai pengurangan peruntukan untuk PPUM dan juga HPKK.

Untuk makluman Yang Berhormat, keutamaannya adalah untuk menampung keperluan emolumen, membayar 100 peratus kepada PPUM dan sebahagian keperluan non-emolumen juga saja seperti amalan tahun-tahun sebelum ini. Walaupun demikian, keperluan emolumen bagi PPUM adalah sangat tinggi. Cuma kelulusan dalam emolumen adalah terbatas berdasarkan siling yang diberikan oleh setiap HPU.

Manakala bagi kekurangan peruntukan untuk HPKK. Untuk makluman Yang Berhormat, HPKK telah pun diberikan kelulusan emolumen yang penuh iaitu 100 persen

